



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA


PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN/
AGENSI DAN PENGURUSAN
SYARIKAT KERAJAAN

**NEGERI SELANGOR
TAHUN 2016**

SIRI 2



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



**LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
TAHUN 2016**

**PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

**NEGERI SELANGOR
SIRI 2**

Jabatan Audit Negara Malaysia

KANDUNGAN



KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG Pengurusan Perolehan
59	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT Pengurusan Perolehan
90	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR Pengurusan Perolehan
115	PENUTUP

KATA PENDAHULUAN



KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri.
2. Pengauditan prestasi telah dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Laporan saya ini mengandungi Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2016 Siri 2 mengenai perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti di tiga Agensi Negeri.
3. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Agensi Negeri berkenaan. Ketua-ketua Agensi Negeri juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 14 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.
4. *Auditor General's Dashboard* yang mula dilaksanakan pada 31 Mei 2013 memaparkan isu dan status terkini tindakan Laporan Ketua Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat dan pantas. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu Laporan Ketua Audit Negara serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil kepada pihak awam.

5. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
17 Oktober 2017

INTISARI LAPORAN



INTISARI LAPORAN

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

1. *Pengurusan Perolehan*

- a. Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dengan keluasan 545.60km persegi telah ditubuhkan di bawah Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976. Pelaksanaan perolehan di MPS dibuat berdasarkan peruntukan perbelanjaan tahunan mengikut keutamaan. Pengurusan perolehan di MPS diuruskan oleh semua jabatan di dalamnya mengikut keperluan. Jabatan Perbendaharaan menguruskan proses pembayaran bagi memastikan pengurusan kewangan dan perakaunan dapat dilaksanakan selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan peraturan kewangan yang ditetapkan. Peruntukan perolehan MPS bagi tahun 2014 hingga 2017 adalah berjumlah RM478.83 juta daripada peruntukan keseluruhan MPS yang berjumlah RM767.02 juta. Peruntukan tersebut diterima daripada Kerajaan Persekutuan (RM21.61 juta), Kerajaan Negeri (RM101.95 juta) dan MPS (RM355.27 juta). MPS telah membelanjakan sejumlah RM333.26 juta daripada RM478.83 juta bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017.
- b. Secara keseluruhannya daripada pengauditan yang telah dilaksanakan terhadap sampel yang dipilih, pihak Audit mendapati Pengurusan Perolehan di MPS adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui daripada sampel yang diaudit adalah seperti berikut:
 - i. penyediaan spesifikasi kerja awalan bagi perolehan projek kerja yang bertentangan dengan pekeliling berkuatkuasa di mana MPS telah melaksanakan pembekalan peralatan sejumlah RM40,763 dan peralatan tersebut tidak dipulangkan semula kepada kontraktor terlibat;
 - ii. bayaran bagi kontrak pembekalan tidak mengikut jadual kadar harga yang telah dipersetujui di mana lebihan bayaran sejumlah RM2,990 telah menyebabkan kerugian kepada Kerajaan;
 - iii. kelewatan menyiapkan kerja tanpa kelulusan lanjutan masa dan tidak dikenakan denda melibatkan 11 perolehan kerja di MPS berjumlah RM49,695 telah menyebabkan kerugian kepada Kerajaan;

- iv. pembekalan *toner* yang melebihi keperluan sebenar dan tatacara pengurusan stor yang lemah menyebabkan stok *toner* sejumlah RM7,910 luput tarikh jaminan/pemasangan dan menyebabkan pembaziran;
 - v. bayaran dibuat terhadap perkhidmatan pembersihan kawasan di atas tanah rizab surau yang telah didirikan kilang tanpa permit bangunan sejak bulan Jun 2015 hingga Februari 2017 melibatkan sejumlah RM5,229 merupakan satu bentuk *improper payment* dan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan;
 - vi. pecah kecil perolehan bagi tahun 2014 hingga 2016 berjumlah RM638,573;
 - vii. sejumlah 232 tong sampah berkapasiti 70 liter bernilai RM16,738 masih belum diedarkan kepada pihak berkaitan selepas 805 hari diterima menyebabkan perolehan tidak dimanfaatkan sepenuhnya dan merugikan Kerajaan; dan
 - viii. perolehan sejumlah RM97,350 terhadap kemudahan menara tali rentas milik MPS tidak dapat dimanfaatkan bagi penjana hasil sejak bulan Disember 2015 susulan tiada pengesahan tahap keselamatan daripada pihak berwajib.
- c. Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan dan memastikan pengurusan perolehan dapat dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta mendapat *value for money* bagi perbelanjaan wang awam yang dibelanjakan, Majlis Perbandaran Selayang disyor untuk mempertimbangkan perkara berikut:
- i. memastikan kontraktor/pembekal dilantik mematuhi peraturan yang berkuatkuasa. Sebelum proses pelantikan bermula, MPS perlu merancang perolehan dengan lebih cekap untuk memastikan objektif perolehan tercapai dengan kos yang minimum dan tiada pembaziran wang awam;
 - ii. memastikan tindakan untuk mendapatkan kelulusan Mesyuarat Majlis selepas berlaku ketidakpatuhan atau pelanggaran pekeliling berkuatkuasa perlu dielakkan dan tidak dijadikan amalan;
 - iii. meningkatkan pemantauan secara tetap dan berkala terhadap setiap perolehan semasa pelaksanaan kerja oleh kontraktor/pembekal supaya kerja dapat disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, tindakan sewajarnya diambil terhadap kontraktor/pembekal yang gagal berbuat demikian;
 - iv. memastikan spesifikasi perolehan disediakan secara terperinci supaya kontraktor/pembekal dapat melaksanakannya mengikut ketetapan dan berkualiti;
 - v. memastikan latihan yang berterusan dan bersesuaian perlu diberikan kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi meningkatkan tahap pengetahuan serta kemahiran kerja; dan
 - vi. memastikan kemudahan yang dibina dan pembekalan yang dibuat dimanfaatkan dan tiada pembaziran berlaku.

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

2. *Pengurusan Perolehan*

- a. Perolehan adalah suatu kaedah bagi mendapatkan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang diperlukan daripada pembekal atau kontraktor yang berkelayakan. Arahan Perbendaharaan 168 menetapkan keizinan melaksanakan perolehan oleh Pegawai Pengawal melalui peruntukan telah disediakan dalam anggaran yang diluluskan tertakluk kepada peraturan Perbendaharaan. Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dengan keluasan 85,775 hektar telah ditubuhkan di bawah Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976. Pelaksanaan perolehan di MDKL dibuat berdasarkan peruntukan perbelanjaan tahunan mengikut keutamaan. Pengurusan perolehan di MDKL diuruskan oleh semua jabatan di bawahnya mengikut keperluan semasa. Jabatan Perbendaharaan menguruskan proses pembayaran bagi semua Jabatan serta memastikan pengurusan kewangan dan perakaunan dapat dilaksanakan selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan peraturan kewangan yang ditetapkan. Peruntukan perolehan MDKL bagi tahun 2014 hingga 2017 adalah berjumlah RM206.55 juta dan MDKL telah membelanjakan sejumlah RM136.67 juta bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017.
- b. Secara keseluruhannya, daripada pengauditan yang telah dilaksanakan terhadap sampel yang dipilih, pihak Audit mendapati pengurusan perolehan di MDKL adalah memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:
 - i. dua pembelian tidak mengikut nilai kontrak masing-masing berjumlah RM12,435 dan RM79,205;
 - ii. Bon Pelaksanaan berbentuk jaminan insurans bernilai RM11,790 lewat diserahkan selepas tarikh sebenar siap kerja dan tarikh Perakuan Siap Kerja dikeluarkan;
 - iii. Bon Pelaksanaan bagi tujuh perolehan dengan nilai kontrak berjumlah RM187,355 telah lewat dilepaskan;
 - iv. tiga perjanjian kontrak melibatkan perolehan berjumlah RM1.62 juta telah lewat ditandatangani;
 - v. tiga kontrak formal berjumlah RM213,255 tidak dimeterai di antara MDKL dengan kontraktor;
 - vi. perubahan kerja telah dibuat tanpa kelulusan secara bertulis berjumlah RM34,680;
 - vii. 19 perolehan berjumlah RM11.10 juta telah lewat dikeluarkan perakuan muktamad;

- viii. sembilan perolehan berjumlah RM553,358 tidak mematuhi tempoh penyediaan/pembekalan yang ditetapkan;
 - ix. empat kerja berjumlah RM197,283 telah disiapkan tanpa mengikut spesifikasi dalam senarai kuantiti yang telah dimuktamadkan;
 - x. enam perkhidmatan pembersihan awam dan pengurusan sisa pepejal berjumlah RM3.92 juta tidak mengikut spesifikasi;
 - xi. dua perkhidmatan penyenggaraan lanskap berjumlah RM278,358 dilaksanakan tanpa mengikut spesifikasi;
 - xii. empat kerja yang dilaksanakan berjumlah RM509,679 tidak berkualiti walaupun baru disiapkan antara enam hingga 20 bulan;
 - xiii. dua perolehan perkhidmatan penyenggaraan peralatan permainan kanak-kanak dan perabot taman berjumlah RM300,019 adalah tidak memuaskan; dan
 - xiv. pembelian enam buah kenderaan berjumlah RM561,925 tidak dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan.
- c. Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan dan memastikan pengurusan perolehan dapat dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta mendapat *value for money* dalam membelanjakan wang awam, Majlis Daerah Kuala Langat disyor untuk mempertimbangkan perkara berikut:
- i. mengenakan tindakan tegas kepada kakitangan yang cuai dan menyenaraihitam atau mengenakan ganti rugi mengikut perjanjian yang ditetapkan kepada kontraktor/pembekal yang tidak melaksanakan kerja dengan sempurna atau tidak mematuhi spesifikasi kontrak;
 - ii. memastikan spesifikasi perolehan disediakan dan dirancang dengan teliti serta terperinci supaya kontraktor/pembekal dapat melaksanakannya mengikut ketetapan dan kualiti di samping memudahkan pemantauan/pengesahan dilaksanakan sebelum perakuan pembayaran disempurnakan;
 - iii. meningkatkan penyeliaan/pemantauan secara berterusan bagi memastikan pematuhan terhadap kontrak kerja yang ditetapkan agar kerja yang dilaksanakan berkualiti dan kepentingan MDKL terpelihara; dan
 - iv. memberikan latihan yang berterusan dan bersesuaian kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi meningkatkan tahap pengetahuan serta kemahiran dalam pelaksanaan kerja.

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

3. *Pengurusan Perolehan*

- a. Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) ditubuhkan pada tahun 1975 dan tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Sumber kewangan MDHS terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai serta terimaan bukan hasil daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta terimaan daripada Agensi Kerajaan. Akta 171 memberi kuasa kepada MDHS untuk membuat anggaran dan berbelanja daripada hasil yang diterima dalam melaksanakan aktiviti selaras dengan objektif penubuhannya. MDHS adalah tertakluk kepada peraturan perolehan yang berkuatkuasa yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa dalam melaksanakan perolehan. Peruntukan perolehan MDHS bagi tahun 2013 hingga 2017 berjumlah RM324.81 juta daripada peruntukan keseluruhan MDHS yang berjumlah RM423.3 juta. Peruntukan tersebut diterima daripada Kerajaan Persekutuan (RM3.98 juta), Kerajaan Negeri (RM72.50 juta) dan MDHS (RM248.32 juta). MDHS telah membelanjakan sejumlah RM204.69 juta daripada RM324.81 juta bagi tahun 2013 hingga bulan Mei 2017.

- b. Secara keseluruhannya daripada pengauditan yang telah dilaksanakan terhadap sampel yang dipilih, pihak Audit mendapati Pengurusan Perolehan di MDHS adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui daripada sampel yang diaudit adalah seperti berikut:
 - i. pelantikan secara pembelian terus bagi perkhidmatan pembaikan kerosakan enjin, pendawaian elektrik dan pendingin hawa tidak mematuhi kriteria ditetapkan serta tidak mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu melibatkan tiga perolehan dengan perbelanjaan berjumlah RM3.10 juta;
 - ii. kontrak tidak ditandatangani dalam tempoh empat bulan daripada tarikh surat setuju terima dikeluarkan melibatkan 39 perolehan kerja pembersihan awam berjumlah RM42.12 juta;
 - iii. dokumen kontrak tidak disetemkan seperti yang dinyatakan di bawah Akta Setem 1949 melibatkan lapan perolehan berjumlah RM1.49 juta;
 - iv. kelewatan pengeluaran Pesanan Tempatan antara satu hingga 275 hari selepas bekalan/perkhidmatan dan invois diterima melibatkan 116 Pesanan Tempatan berjumlah RM388,033;
 - v. pelaksanaan perolehan tidak mengikut tempoh yang ditetapkan antara tujuh hingga 479 hari melibatkan enam perolehan kerja berjumlah RM1.53 juta;
 - vi. pembinaan telah siap tetapi tidak digunakan mengikut perancangan asal melibatkan dua perolehan berjumlah RM715,805;

- vii. pelaksanaan kerja tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan tidak berkualiti melibatkan satu perolehan bernilai RM632,075 dan satu perolehan bernilai RM165,570; dan
 - viii. berlaku pecah kecil melibatkan tiga perolehan secara sebut harga berjumlah RM785,890 dan 130 perolehan secara pembelian terus berjumlah RM1.17 juta.
- c. Bagi memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan, pihak Audit mengesyorkan Majlis Daerah Hulu Selangor mengambil tindakan berikut:
- i. memastikan kontraktor/pembekal dilantik mengikut peraturan yang berkuatkuasa. MDHS perlu merancang perolehan dengan lebih cekap untuk memastikan objektif perolehan tercapai dengan kos yang minimum sebelum proses pelantikan dimulakan. Selain itu, spesifikasi perolehan perlu disediakan secara terperinci supaya kontraktor/pembekal dapat melaksanakannya dengan jelas, mengikut ketetapan dan berkualiti;
 - ii. memastikan pemantauan tetap dan berkala terhadap setiap perolehan semasa pelaksanaan kerja oleh kontraktor/pembekal supaya kerja disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap kontraktor/pembekal yang gagal berbuat demikian termasuk menyenaraihitamkan kontraktor/pembekal yang terlibat;
 - iii. memastikan pegawai yang terlibat dalam proses perolehan diberi latihan dan kursus supaya dapat memahami dengan lebih jelas prosedur perolehan Kerajaan; dan
 - iv. Unit Audit Dalam perlu merancang pengauditan perolehan yang lebih kerap bagi memastikan peraturan kewangan dan syarat kontrak dipatuhi serta memastikan perolehan secara pecah kecil dielakkan supaya tidak berlaku pembaziran wang awam.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

1. PENGURUSAN PEROLEHAN

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Perolehan adalah suatu kaedah bagi mendapatkan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang diperlukan daripada pembekal atau kontraktor yang berkelayakan. Arahan Perbendaharaan (AP) 168 menetapkan keizinan membuat perolehan oleh Pegawai Pengawal yang mana peruntukan telah disediakan dalam anggaran yang diluluskan tertakluk kepada peraturan Perbendaharaan.

1.1.2. Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dengan keluasan 545.60km persegi telah ditubuhkan di bawah Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976. Pelaksanaan perolehan di MPS dibuat berdasarkan peruntukan perbelanjaan tahunan mengikut keutamaan. Pengurusan perolehan di MPS diuruskan oleh semua jabatan di dalamnya mengikut keperluan. Jabatan Perbendaharaan menguruskan proses pembayaran bagi memastikan pengurusan kewangan dan perakaunan dapat dilaksanakan selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan peraturan kewangan yang ditetapkan.

1.1.3. Peruntukan perolehan MPS bagi tahun 2014 hingga 2017 adalah berjumlah RM478.83 juta daripada peruntukan keseluruhan MPS yang berjumlah RM767.02 juta. Peruntukan tersebut diterima daripada Kerajaan Persekutuan (RM21.61 juta), Kerajaan Negeri (RM101.95 juta) dan MPS (RM355.27 juta). Peratus perbelanjaan berbanding peruntukan perolehan bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
PEROLEHAN MPS BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN MAC 2017

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN PEROLEHAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
2014	145.93	117.18	80.3
2015	144.53	106.32	73.6
2016	106.08	102.73	96.8
2017	82.29	7.03	8.5
JUMLAH	478.83	333.26	69.6

Sumber: MPS

Nota: Peruntukan Meliputi Peruntukan daripada Majlis, Kerajaan Persekutuan dan Negeri

1.1.4. Pecahan perolehan mengikut kaedah perolehan iaitu pembelian terus, sebut harga dan tender bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 1.2
KAEDAH PEROLEHAN MPS BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN MAC 2017

TAHUN	PEMBELIAN TERUS		SEBUT HARGA		TENDER		RUNDINGAN TERUS		JUMLAH KESELURUHAN	
	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)
2014	2,512	23.17	204	53.82	12	40.19	-	-	2,728	117.18
2015	2,443	22.45	197	43.07	30	40.80	-	-	2,670	106.32
2016	2,110	18.40	210	37.84	48	46.49	-	-	2,368	102.73
2017	70	2.13	47	3.25	4	1.65	-	-	121	7.03
JUMLAH	7,135	66.15	658	137.98	94	129.13	-	-	7,887	333.26

Sumber: MPS

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai pengurusan perolehan telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

1.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi empat bidang utama iaitu perancangan perolehan, pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak dan pelaksanaan perolehan yang dilaksanakan bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017. Pengauditan telah dijalankan di pejabat MPS. Peratus persampelan semakan dokumen yang dijalankan oleh pihak Audit berbanding populasi bilangan dan nilai perolehan MPS adalah pada kadar masing-masing 4.2% dan 9.4%. Semakan telah dilaksanakan melalui pemilihan sampel secara rawak ke atas dokumen perolehan seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.3
BILANGAN SAMPEL PENGAUDITAN DOKUMEN
PEROLEHAN MPS TAHUN 2014 HINGGA BULAN MAC 2017

TAHUN	PEMBELIAN TERUS		SEBUT HARGA		TENDER		RUNDINGAN TERUS		JUMLAH KESELURUHAN	
	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)
2014	61	1.39	22	2.66	6	4.64	-	-	89	8.69
2015	62	0.61	23	2.48	14	9.45	-	-	99	12.54
2016	97	1.00	20	2.55	10	6.15	-	-	127	9.70
2017	17	0.45	-	-	-	-	-	-	17	0.45
JUMLAH	237	3.45	65	7.69	30	20.24	-	-	332	31.38

Sumber: MPS

1.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pemeriksaan dijalankan terhadap rekod dan dokumen perolehan yang berkaitan. Selain itu, pemeriksaan fizikal juga dijalankan dengan kerjasama pegawai daripada MPS bagi mengesahkan aset yang diterima serta projek yang dilaksanakan. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab telah dilakukan bagi mendapatkan maklum balas dan pengesahan.

1.5. PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya daripada pengauditan yang telah dilaksanakan terhadap sampel yang dipilih, pihak Audit mendapati Pengurusan Perolehan di MPS adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui daripada sampel yang diaudit adalah seperti berikut:

- i. penyediaan spesifikasi kerja awalan bagi perolehan projek kerja yang bertentangan dengan pekeliling berkuatkuasa di mana MPS telah melaksanakan pembekalan peralatan sejumlah RM40,763 dan peralatan tersebut tidak dipulangkan semula kepada kontraktor terlibat;
- ii. bayaran bagi kontrak pembekalan tidak mengikut jadual kadar harga yang telah dipersetujui di mana lebih bayaran sejumlah RM2,990 telah menyebabkan kerugian kepada Kerajaan;
- iii. kelewatan menyiapkan kerja tanpa kelulusan lanjutan masa dan tidak dikenakan denda melibatkan 11 perolehan kerja di MPS berjumlah RM49,695 telah menyebabkan kerugian kepada Kerajaan;
- iv. pembekalan *toner* yang melebihi keperluan sebenar dan tatacara pengurusan stor yang lemah menyebabkan stok *toner* sejumlah RM7,910 luput tarikh jaminan/pemasangan dan menyebabkan pembaziran;
- v. bayaran dibuat terhadap perkhidmatan pembersihan kawasan di atas tanah rizab surau yang telah didirikan kilang tanpa permit bangunan sejak bulan Jun 2015 hingga Februari 2017 melibatkan sejumlah RM5,229 merupakan satu bentuk *improper payment* dan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan;
- vi. pecah kecil perolehan bagi tahun 2014 hingga 2016 berjumlah RM638,573;
- vii. sejumlah 232 tong sampah berkapasiti 70 liter bernilai RM16,738 masih belum diedarkan kepada pihak berkaitan selepas 805 hari diterima menyebabkan perolehan tidak dimanfaatkan sepenuhnya dan merugikan Kerajaan; dan
- viii. perolehan sejumlah RM97,350 terhadap kemudahan menara tali rentas milik MPS tidak dapat dimanfaatkan bagi penjanaan hasil sejak bulan Disember 2015 susulan tiada pengesahan tahap keselamatan daripada pihak berwajib.

Perkara yang ditemui dan maklum balas MPS telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 22 Ogos 2017 yang turut dihadiri Yang Dipertua, pegawai kanan MPS bersama wakil Bahagian Audit Dalam dan wakil Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang ditemui adalah seperti di perenggan berikut:

1.5.1. Perancangan Perolehan

Perancangan perolehan diperlukan bagi mengawal kos dan menangani masalah dalam melaksanakan perolehan. Ia bertujuan bagi mengelakkan daripada berlakunya perbelanjaan perolehan pada hujung tahun semata-mata untuk menghabiskan peruntukan. Semakan Audit terhadap perancangan perolehan MPS mendapati perkara seperti berikut:

1.5.1.1. Perbandingan Penilaian Sebut Harga Berasaskan Faktor/Unsur Tidak Setara

- a. Perenggan 1(iv) dalam 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PK 2 mengenai Kaedah Perolehan Kerajaan menyatakan Jawatankuasa Spesifikasi hendaklah dilantik bagi menyediakan spesifikasi bagi setiap perolehan. Butiran spesifikasi perolehan hendaklah jelas supaya tidak menimbulkan keraguan pihak pembekal berhubung keperluan spesifikasi yang dikehendaki oleh agensi.
- b. Selain itu, perenggan 7(ix)-(x) (1PP) PK 2 turut menetapkan tatacara penilaian sebut harga di mana semua sebut harga yang diterima hendaklah dikaji dan dinilai sebelum sebut harga yang paling menguntungkan Kerajaan disyorkan kepada Jawatankuasa Sebut Harga. Jawatankuasa Penilaian Harga hendaklah mengambil kira perkara seperti jangka masa siap, kadar harga, kekerapan perkhidmatan, kawasan pelaksanaan, kos penyenggaraan untuk tempoh tertentu dan membuat perbandingan antara satu tawaran penyebut harga dengan tawaran penyebut harga yang lain berasaskan kepada faktor atau unsur yang sama (*equal footing*).
- c. Jabatan Teknologi Maklumat, MPS melaksanakan perolehan perkhidmatan menginstalasi e-mel MPS zimbra lama ke zimbra baru, penyenggaraan zimbra untuk tempoh satu tahun, membekalkan sijil keselamatan untuk tempoh tiga tahun dan mengkonfigurasi server zimbra bagi kegunaan di MPS (MPS/SH/LT/42/16) melalui kelulusan sebut harga pada 23 November 2016 dengan nilai perolehan berjumlah RM45,300. Perolehan ini dilakukan bagi mengatasi masalah sistem e-mel MPS yang kerap bermasalah dan tidak berfungsi sepenuhnya pada tahun 2015 sehingga 2016 sebelum perolehan sebut harga ini dilaksanakan.
- d. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Spesifikasi tidak dilantik bagi penyediaan spesifikasi yang diperlukan oleh MPS sebelum perolehan ditawarkan kepada pihak pembekal. Selain itu, pihak Audit turut mendapati penilaian sebut harga oleh Jawatankuasa Penilaian terhadap lima penyebut harga yang diterima tidak membandingkan fungsi atau unsur yang setara berikutan tawaran sebut harga yang diterima mempunyai perincian skop

perkhidmatan yang berbeza antara satu sama lain. Ini berikutan tiga daripada lima penyebut harga telah menawarkan perkhidmatan bantuan dan penyenggaraan zimbra dengan harga tawaran yang lebih tinggi berbanding dua penyebut harga lain yang tidak menawarkan skop perkhidmatan penyenggaraan.

- e. Jawatankuasa Sebut Harga MPS telah membuat keputusan berdasarkan syor harga terendah. Namun asas pemilihan berdasarkan harga terendah iaitu penyebut harga satu yang dipilih tersebut tidak termasuk skop perkhidmatan penyenggaraan e-mel MPS zimbra. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan dokumen pelawaan sebut harga yang menyatakan perincian perkhidmatan yang ditawarkan kepada kesemua penyebut harga kerana dokumen pelawaan sebut harga tidak dikemukakan.
- f. Ketiadaan skop penyenggaraan boleh menyebabkan MPS menanggung kos yang lebih tinggi apabila kerja penyenggaraan diperlukan. Pemilihan penyebut harga yang berjaya tetapi tidak menawarkan perkhidmatan penyenggaraan e-mel MPS zimbra adalah tindakan yang tidak wajar kerana skop kerja perlu memasukkan aspek penyenggaraan.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017 dan 25 Ogos 2017

MPS mengambil langkah penambahbaikan dengan mewujudkan Jawatankuasa Spesifikasi ICT untuk memastikan spesifikasi terperinci dan skop kerja yang diperlukan bagi setiap sebut harga. Selain itu, MPS turut menetapkan prosedur berhubung proses mempelawa syarikat bagi menyertai sebut harga yang ditawarkan.

Pada pendapat Audit, Jawatankuasa Spesifikasi yang tidak dilantik sebelum perolehan dilaksanakan dan proses penilaian sebut harga oleh Jawatankuasa Penilaian yang tidak berasaskan kepada faktor atau unsur yang sama seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan (1PP) yang berkaitan adalah tidak memuaskan. Ketiadaan skop penyenggaraan boleh menyebabkan MPS menanggung kos yang lebih tinggi apabila kerja penyenggaraan diperlukan.

1.5.1.2. Penyediaan Spesifikasi Kerja Awalan (*Preliminaries*) Bagi Perolehan Kontrak Kerja

- a. Mengikut Perenggan 10(i)-(v) dalam 1PP, PK 4 berkaitan Garis Panduan Penggunaan Khidmat Pengangkutan dan Kemudahan Peralatan Untuk Pengurusan Projek Melalui Kontrak Kerja di bawah peruntukan kerja awalan (*preliminaries*) antara lain membenarkan penggunaan khidmat

pengangkutan, kemudahan komputer, mesin pendua, telefon dan peralatan lain yang diperlukan berdasarkan syarat yang ditetapkan dan kelulusan daripada Pegawai Pengawal serta keperluan tersebut hendaklah dimasukkan dalam dokumen tender. Kenderaan dan peralatan yang disediakan di bawah peruntukan kerja awalan tersebut adalah hak milik kontraktor dan agensi Kerajaan hendaklah memulangkan semua peralatan tersebut kepada kontraktor berkenaan sebaik Perakuan Kerja Siap dikeluarkan.

- b. Semakan Audit mendapati MPS tidak mematuhi peraturan berkaitan penggunaan khidmat pengangkutan dan kemudahan peralatan untuk pengurusan kontrak kerja yang ditetapkan. MPS sebaliknya telah melaksanakan aspek pembekalan peralatan menggunakan peruntukan kerja awalan bagi kontrak kerja yang tidak sepatutnya dibuat. Kemudahan peralatan yang diterima oleh MPS di bawah peruntukan kerja awalan tersebut juga tidak dipulangkan kepada kontraktor selepas kerja siap seperti yang ditetapkan. Berdasarkan sampel yang terpilih, semakan Audit mendapati kemudahan peralatan sejumlah RM40,763 melibatkan peralatan seperti telefon bimbit, kamera, komputer dan pencetak telah dimasukkan sebagai sebahagian daripada item kerja awalan bagi sembilan daripada 44 kontrak kerja seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.4
BUTIRAN PEROLEHAN PERALATAN DI BAWAH
ITEM KERJA AWALAN BAGI KONTRAK KERJA MPS

BIL.	BUTIRAN PEROLEHAN	NILAI KONTRAK (RM)	BUTIRAN PERALATAN	KUANTITI	JUMLAH (RM)	TARIKH TERIMA PERALATAN
1.	Kerja membekal, memasang menguji terima sistem penyaman udara berpusat serta kerja yang berkaitan di kompleks sukan Seri Siantan Jalan Sungai Tua, Mukim Batu, Daerah Gombak, Selangor (MPS/T/11/13)	606,650	Telefon iPhone 5 berserta aksesori lengkap	3	10,000	03.06.2014
2.	Kerja menurap semula jalan di Jalan SBC 1, Lorong tepi dan lorong belakang SBC 1, Taman Sri Batu Caves, Mukim Batu, Daerah Gombak, Selangor (MPS/T/06/15)	494,227	Kamera Sony Cyber Shot DSC-WX350	1	300	24.07.2015
3.	Kerja menurap semula jalan di Jalan KBK 1, 5, 6 dan Jalan Sekolah, Kampung Baru Kundang serta kerja berkaitan, Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor (MPS/T/18/16)	421,433	Telefon Samsung Galaxy Note 5 model SM-N9208 64GB termasuk cover dan USB <i>Original Set Gold Colour</i>	1	2,000	15.11.2016
4.	Kerja membaik pulih lampu jalan awam di Jalan Sri Ehsan 1-8, Kawasan Perindustrian Sri Ehsan, Kepong, Mukim Batu, Daerah Gombak, Selangor MPS/T/22/16	577,475	Set Komputer jenis HP model HP Pavilion 23-G025D All in 1 Desktop PC berserta pencetak model HP Laserjet	5	14,000	02.11.2016

BIL.	BUTIRAN PEROLEHAN	NILAI KONTRAK (RM)	BUTIRAN PERALATAN	KUANTITI	JUMLAH (RM)	TARIKH TERIMA PERALATAN
5.	Kerja menurap semula jalan menggunakan kaedah <i>mill & pave</i> di Jalan Persiaran KIP Utama dan Jalan Tago Utama, Mukim Batu, Daerah Gombak (MPS/T/04/15)	477,027	Kamera Sony Cyber Shot DSC-W bersama <i>memory card</i> 16GB	3	2,953	21.08.2016
6.	Kerja menurap semula jalan di Jalan 2/12, 2/13, 2/15, 2/16, 2/17, 2/21, 2/21A dan 2/22, Blok 2 serta kerja berkaitan, Bandar Tasik Puteri, Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor (MPS/T/19/16)	424,935	Telefon Samsung Galaxy Note 5 Model SM-N9208 64GB termasuk <i>cover</i> dan USB <i>Original set Gold Colour</i>	1	2,050	11.10.2016
7.	Kerja menurap semula jalan di Jalan SU1-SU9, Jalan SU22-SU25, Taman Selayang Utama dan Kerja berkaitan, Mukim Batu, Daerah Gombak, Selangor (MPS/T/09/16)	523,704	Telefon Samsung Galaxy Note 5 Model SM-N9208 64GB termasuk <i>cover</i> dan USB <i>Original Set Gold Colour</i>	1	1,800	19.01.2017
			Set Komputer jenis HP model HP Pavilion 23-G025D All in 1 Desktop PC berserta pencetak model HP Laserjet Pro-200 Colour M251 dan aksesori Berkaitan	2	3,600	
			Pencetak jenis HP LaserJet Pro-200 Colour M251 berserta aksesori berkaitan termasuk 3 set kartrij	1	962	
8.	Kerja menurap semula jalan di Jalan Muhibbah dan kawasan sekitarnya, Taman Sri Gombak, Mukim Batu, Daerah Gombak, Selangor (MPS/T/02/14)	430,866	Kamera Sony Cyber Shot Digital Camera DSC-WX300	2	498	21.07.2014
9.	Kerja menurap semula jalan di Jalan DBP, Jalan DBP 1, Taman Industri Dolomite dan Jalan SBC 12, Taman Industri Dolomite dan Jalan SBC 12, Taman Sri Batu Caves, Daerah Gombak, Selangor (MPS/T/05/15)	442,844	Kamera Sony Cyber Shot DSC-WX350	2	2,600	26.08.2015
JUMLAH					40,763	

Sumber: MPS

- c. Selain itu, semakan Audit turut mendapati bagi kemudahan peralatan di bawah peruntukan kerja awalan seperti di Senarai Kuantiti bagi perolehan kerja membekal, memasang menguji terima sistem penyaman udara berpusat serta kerja yang berkaitan di Kompleks Sukan Seri Siantan Jalan Sungai Tua dan perolehan kerja menurap semula jalan di Jalan 2/12, 2/13, 2/15, 2/16, 2/17, 2/21, 2/21A dan 2/22, Blok 2 Bandar Tasik Puteri telah ditukarkan kepada peralatan yang lain tanpa kelulusan. Tiada penilaian harga dibuat berhubung penukaran bagi memastikan harga peralatan yang ditukar adalah setara berbanding peralatan seperti di Senarai Kuantiti asal. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.5
PENUKARAN PERALATAN DI BAWAH
ITEM KERJA AWALAN BAGI KONTRAK KERJA MPS

BIL.	BUTIRAN PEROLEHAN	PERALATAN DI SENARAI Kuantiti ASAL		PERALATAN SEBENAR DITERIMA	
		BUTIRAN PERALATAN	KUANTITI	BUTIRAN PERALATAN	KUANTITI
1.	Kerja membekal, memasang menguji terima sistem penyaman udara berpusat serta kerja yang berkaitan di kompleks sukan Seri Siantan Jalan Sungai Tua, Mukim Batu, Daerah Gombak, Selangor (MPS/T/11/13)	Telefon iPhone 5 berserta aksesori lengkap	3	Samsung Galaxy Camera GC200	4
2.	Kerja menurap semula jalan di Jalan 2/12, 2/13, 2/15, 2/16, 2/17, 2/21, 2/21A dan 2/22, Blok 2 serta kerja berkaitan, Bandar Tasik Puteri, Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor (MPS/T/19/16)	Telefon Samsung Galaxy Note 5 Model SM-N9208 64GB termasuk cover dan USB <i>Original set Gold Colour</i>	1	Telefon iPhone 5	2

Sumber: MPS

- d. Pemeriksaan Audit pada bulan Mac dan April 2017 mendapati kemudahan peralatan yang diterima di bawah item kerja awalan antaranya seperti di **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.4** masih berada dalam simpanan dan sedang digunakan oleh pegawai di jabatan yang melaksanakan kontrak kerja berkaitan walaupun Perakuan Kerja Siap bagi projek kerja berkaitan telah dikeluarkan.

GAMBAR 1.1



Jabatan Kejuruteraan, MPS
- Sebahagian Daripada Pembekalan Peralatan Komunikasi di Bawah Item Kerja Awalan (28.03.2017)

GAMBAR 1.2



Unit Selenggara Bangunan, MPS
- Sebahagian Daripada Pembekalan Peralatan Kamera di Bawah Item Kerja Awalan (28.03.2017)

GAMBAR 1.3



Bengkel Kejuruteraan, MPS
- Sebahagian Daripada Pembekalan Peralatan Komputer di Bawah Item Kerja Awalan (12.04.2017)

GAMBAR 1.4



Jabatan Kejuruteraan, MPS
- Sebahagian Daripada Pembekalan Peralatan Pencetak di Bawah Item Kerja Awalan (28.03.2017)

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017, 25 Ogos 2017 dan 13 Oktober 2017

MPS telah mengambil tindakan memulangkan semula kepada kontraktor semua peralatan yang diterima di bawah item kerja awalan pada bulan Ogos 2017.

Selain itu, Mesyuarat Majlis MPS Bil. 8/2017 yang bersidang pada bulan Ogos 2017 telah meluluskan Garis Panduan Perolehan Khidmat Pengangkutan dan Kemudahan Peralatan Melalui Kontrak Kerja bagi mengambil kira peruntukan di dalam 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) sebagai rujukan pemakaian garis panduan ini dengan pindaan.

Pada pendapat Audit, penyediaan spesifikasi kerja awalan bagi perolehan kontrak kerja adalah tidak memuaskan kerana MPS tidak memulangkan semula peralatan yang diterima kepada kontraktor selepas kerja siap. Perkara ini bertentangan dengan peraturan yang berkuatkuasa.

1.5.1.3. Pelantikan Secara Rundingan Terus

- a. Mengikut 1PP, PK 7.13 berhubung Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus, agensi hendaklah mendapatkan kelulusan Perbendaharaan/Pihak Berkuasa Kewangan Negeri untuk melantik kontraktor/pembekal secara rundingan terus tanpa melalui proses sebut harga/tender dan perlu menepati lima kriteria utama ditetapkan sebagai asas sesuatu perolehan untuk dilaksanakan secara rundingan terus iaitu keperluan mendesak, bagi maksud penyeragaman, satu punca bekalan perkhidmatan (pembuat/pemegang francais), melibatkan aspek keselamatan/strategik dan kontrak dengan syarikat pembuat Bumiputera.
- b. Semakan Audit mendapati pelantikan lapan kontraktor bagi perolehan perkhidmatan kutipan sampah dan pembersihan kawasan awam dengan tempoh lantikan antara empat hingga tujuh bulan melibatkan nilai perolehan berjumlah RM1.25 juta telah dibuat secara rundingan terus tanpa melalui proses sebut harga seperti ditetapkan. Semakan lanjut turut mendapati tiada kelulusan daripada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri berhubung pelantikan yang dibuat tersebut.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017 dan 13 Oktober 2017

MPS mengambil maklum perkara berbangkit dan mengambil tindakan memastikan setiap perolehan perkhidmatan kutipan sampah dan

pembersihan kawasan awam pada masa hadapan mematuhi peraturan berkuatkuasa mulai bulan Mei 2017.

Selain itu, Mesyuarat Majlis MPS Bil. 8/2017 yang bersidang pada bulan Ogos 2017 telah memperaku dan mengesahkan pelantikan kontraktor sokongan untuk perkhidmatan kutipan sampah dan pembersihan awam bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017.

Pada pendapat Audit, pelantikan kontraktor bagi perkhidmatan kutipan sampah dan pembersihan kawasan awam secara rundingan terus tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Kewangan Negeri adalah tidak memuaskan kerana tidak mematuhi peraturan semasa yang berkuatkuasa.

1.5.2. Pengurusan Perolehan

Perancangan setiap perolehan hendaklah dibuat dengan teliti dan pelaksanaan projek oleh Majlis perlu disempurnakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan dan mengikut semua syarat yang terkandung dalam dokumen kontrak serta peraturan berkaitan. Semakan Audit terhadap pengurusan perolehan mendapati perkara seperti berikut:

1.5.2.1 Perolehan Dibuat Sebelum Kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga

- a. PK 2 mengenai Kaedah Perolehan Kerajaan dalam 1PP menetapkan bahawa perolehan bekalan dan perkhidmatan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun atau sesuatu kontrak hendaklah dilaksanakan secara sebut harga.
- b. Pada tahun 2015, MPS telah melaksanakan perolehan bagi pembekalan 690 unit tong sampah berkapasiti 70 liter secara pembelian terus melalui baucar bayaran A0212919 bertarikh 12 Januari 2015 melibatkan nilai perolehan sejumlah RM49,780. Semakan Audit mendapati perolehan ini bertentangan dengan peraturan yang berkuatkuasa di mana perolehan secara sebut harga sepatutnya dilaksanakan oleh MPS. Pihak Audit mendapati kelulusan oleh Jawatankuasa Sebut Harga bagi perolehan tersebut hanya diperolehi pada 22 Januari 2015 iaitu sepuluh hari selepas bayaran dibuat.
- c. Pembelian yang dilaksanakan tanpa melalui proses dan kaedah perolehan mengikut nilai dan had yang ditetapkan menjejaskan jaminan berhubung aspek pemilihan syarikat dan tidak menjamin Kerajaan telah mendapat harga perolehan yang paling ekonomik.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017

MPS mengambil maklum perkara berbangkit dan memastikan tatacara perolehan dipatuhi sepenuhnya di masa hadapan.

Pada pendapat Audit, perolehan yang dibuat sebelum kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah tidak memuaskan kerana tidak mematuhi peraturan yang berkuatkuasa.

1.5.2.2. Pembelian Tidak Mengikut Jadual Senarai Harga

- a. Arahan Perbendaharaan (AP)99(d) berkaitan pembayaran berhubung perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja menyatakan bahawa bayaran bagi perolehan bekalan atau perkhidmatan atau kerja hendaklah dibuat mengikut kadar atau harga kontrak yang dinyatakan.
- b. Semakan Audit mendapati berlaku lebih bayaran sejumlah RM2,989.50 bagi pembelian 12 item alat tulis tahun 2015 melibatkan satu daripada enam perolehan kontrak pembekalan bernilai RM146,954. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.6
PERBEZAAN KADAR HARGA BAGI PEMBELIAN ALAT TULIS**

BIL.	ITEM	NO. BAUCAR	KUANTITI DIPESAN (Unit)	INVOIS		JADUAL SENARAI HARGA		PERBEZAAN JUMLAH HARGA (RM)
				HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)	
1.	Kalkulator 8 digit	A00220313	20	19.50	390	15	300	90
		A00225234	20	19.50	390	15	300	90
2.	Whiteboard Marker 500A (Black)	A00221697	100	4.50	450	4	400	50
		A00223833	60	4.50	270	4	240	30
3.	Whiteboard Marker 500A (Blue)	A00223833	60	4.50	270	4	240	30
4.	Tali hijau (<i>Treasury tag 6T</i>)	A00221697	150	9.50	1,425	5	750	675
		A00223833	200	9.50	1,900	5	1,000	900
		A00225237	30	9.50	285	5	150	135
5.	Gunting sederhana 6"	A00221697	100	3	300	2	200	100
6.	Technical pen	A00223834	2	208	416	150	300	116
7.	Scale ruler 853A	A00223834	3	32.50	97.50	25	75	22.50
8.	Measure tape 30m	A00223834	1	156	156	100	100	56
9.	Puncher single hole	A00223833	50	5	250	4	200	50
10.	Tali putih (<i>Cotton tape white</i>)	A00223833	100	3.70	370	2	200	170
11.	Laminating pouch film (A4)	A00225238	1,000	1.00	1,000	0.70	700	300
12.	Kertas A4 1 ply computer	A00225237	10	35	350	30	300	50
		A00225648	25	35	875	30	750	125
JUMLAH					9,194.50		6,205	2,989.50

Sumber: MPS

- c. Perkara ini berlaku berikutan pembekal tidak mengikut Jadual Senarai Harga yang ditawarkan seperti di dalam dokumen sebut harga dan tiada semakan semula harga oleh pegawai bagi memastikan harga yang ditawarkan pembekal adalah seperti yang telah dipersetujui sebelum pembayaran dibuat.
- d. Pembayaran pembekalan menggunakan kadar harga yang lebih tinggi berbanding kadar yang telah dipersetujui menyebabkan kerugian kepada MPS. Ini bertentangan dengan tujuan perolehan dilaksanakan iaitu bagi mendapatkan harga yang terbaik, menguntungkan serta menjimatkan.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017, 25 Ogos 2017 dan 13 Oktober 2017

MPS telah mengambil tindakan penambahbaikan melalui pelantikan pegawai bertanggungjawab bagi memastikan semakan harga mengikut Jadual Senarai Harga yang telah dipersetujui sebelum bayaran dibuat. Selain itu, MPS juga telah mengemukakan arahan pematuhan Jadual Senarai Harga kepada pembekal yang terlibat dan menuntut semula lebihan bayaran. Syarikat pembekal telah menjelaskan pembayaran berhubung tuntutan MPS pada bulan Ogos 2017.

Pada bulan Oktober 2017, MPS telah mengambil tindakan memulakan prosiding tatatertib terhadap pegawai bertanggungjawab. Keputusan hukuman oleh Mesyuarat Lembaga Tatatertib dijangka pada bulan Disember 2017.

Pada pendapat Audit, pembelian yang tidak mengikut Jadual Senarai Harga dipersetujui adalah tidak memuaskan dan merupakan satu kerugian kepada Kerajaan berikutan pembayaran pembekalan telah dibuat menggunakan kadar harga yang lebih tinggi.

1.5.2.3. Pembelian Melebihi Nilai Kontrak Bagi Sebut Harga Pembekalan

- a. PK4 dalam 1PP, Perenggan 2(e)(1)(i) menetapkan bahawa perubahan kontrak dan pelanjutan tempoh kontrak bekalan dan perkhidmatan boleh diluluskan pihak berkuasa yang meluluskan sebut harga asal. Perubahan kontrak dan pelanjutan tempoh kontrak dibenarkan bagi perolehan yang melebihi RM200,000 hingga RM500,000.
- b. Semakan Audit mendapati dua daripada enam perolehan kontrak pembekalan telah dibuat melebihi had nilai sebut harga yang dipersetujui. Semakan Audit selanjutnya mendapati pembekalan alat tulis tahun 2015

sejumlah RM200,840 telah melebihi nilai sebut harga yang ditawarkan iaitu RM146,954 dengan lebih had sejumlah RM53,886 (36.7%). Manakala bagi pembekalan *toner*, *ink* dan *ribbon* tahun 2015 dengan pembelian sebenar berjumlah RM411,847 telah melebihi had nilai sebut harga iaitu RM305,115 dengan lebih had sejumlah RM106,732 (35%). Tiada kelulusan diperoleh daripada Lembaga Perolehan MPS berhubung lebih had nilai perolehan berbanding nilai sebut harga yang dipersetujui seperti yang ditetapkan.

- c. Perkara ini berlaku kerana tiada kawalan had kuantiti dan semakan harga bagi perolehan yang dilakukan jabatan. Perolehan yang melebihi had nilai kontrak menyebabkan perbelanjaan jabatan bertambah serta mengakibatkan Bon Pelaksanaan sejumlah RM15,318 tidak dikenakan bagi kontrak bekalan dan perkhidmatan yang telah melebihi RM200,000 selaras AP 176.2(a).

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017 dan 13 Oktober 2017

MPS telah mengambil tindakan penambahbaikan melalui penyediaan dokumen Penyata Ringkasan Baki Peruntukan yang perlu dikemukakan bersama Borang Permohonan Stok/Bekalan bagi mengelakkan perkara berulang.

Selain itu, Mesyuarat Majlis MPS Bil. 8/2017 yang bersidang pada bulan Ogos 2017 telah melulus dan memperakukan lebih had sejumlah RM53,886 (36.7%) bagi pembekalan alat tulis tahun 2015.

Pada pendapat Audit, pengurusan had nilai kontrak pembekalan adalah tidak memuaskan dan tidak mematuhi prosedur ditetapkan berikutan jumlah pembelian sebenar telah melebihi nilai kontrak yang diperuntuk dan diluluskan.

1.5.2.4. Pembelian Item yang Tiada Dalam Jadual Senarai Harga Kontrak Pembekalan

- a. Mengikut 1PP PK4-2(e)(1)(iii), perubahan kontrak pembekalan dan perkhidmatan adalah dibenarkan dengan syarat tiada perubahan kadar harga dan syarat-syarat lain dalam kontrak.
- b. Semakan Audit mendapati berlaku ketidakpatuhan terhadap lima daripada enam perolehan kontrak pembekalan di mana pembelian telah dibuat terhadap item yang tiada dalam Jadual Senarai Harga kontrak pembekalan. Ketidakpatuhan ini melibatkan pembelian 14 jenis item bernilai RM99,056 bagi perolehan kontrak pembekalan *toner*, *ink* dan *ribbon* tahun 2014 hingga

2016 serta 17 jenis item bagi perolehan pembekalan bahan bercetak bagi tahun 2015 dan 2016 berjumlah RM147,900.

- c. Semakan lanjut turut mendapati tiada perbandingan harga dibuat bagi pembelian item yang tiada dalam Jadual Senarai Harga dalam kontrak pembekalan di atas. Pembelian item yang tiada dalam Jadual Senarai Harga bagi kontrak pembekalan mendatangkan kerugian kepada MPS kerana tiada perbandingan harga dibuat bagi memastikan harga pembekalan yang ditawarkan adalah munasabah dan menjamin *value for money* kepada MPS.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017

MPS telah mengambil tindakan penambahbaikan dengan memastikan setiap penambahan item yang tiada dalam Jadual Senarai Harga dibawa untuk kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga. Selain itu bagi tujuan perbandingan harga, penilaian akan dibuat berdasarkan sekurang-kurangnya tiga tawaran sebut harga sebagai perbandingan.

Pada pendapat Audit, pembelian item yang tiada dalam Jadual Senarai Harga bagi kontrak pembekalan adalah tidak memuaskan berikutan tiada perbandingan harga dibuat bagi menjamin *value for money* terhadap pembelian yang dibuat.

1.5.2.5. Pengurusan Peruntukan Item Kerja Luar Jangka (*Provisional Sum*) Bagi Perolehan Kerja

- a. Pada bulan September 2016, MPS telah melaksanakan perolehan Kerja Pembangunan Peningkatan Kemudahan Pelancongan Tasik Biru (Fasa 4) di Kuang, Selayang dengan nilai perolehan RM97,040. Bagi perolehan tersebut, sejumlah RM5,000 telah diperuntukkan sebagai kerja luar jangka merangkumi kerja ketika pembinaan antara lain seperti pembersihan, penebangan pokok, pemindahan barang dan kerja utiliti. Peruntukan amaun di bawah kerja luar jangka ini hendaklah dipotong sekiranya MPS mendapati tiada keperluan kerja di tapak perlu dilaksanakan. Perakuan Kerja Siap bagi perolehan ini dikeluarkan pada bulan Disember 2016 dan pembayaran penuh telah dibuat pada bulan Januari 2017.
- b. Semakan Audit mendapati peruntukan bagi kerja luar jangka berhubung perolehan di atas telah digunakan bagi pembekalan dan penghantaran 50 pokok teduhan bernilai RM5,000 di lokasi projek perolehan Kerja Pembangunan Peningkatan Kemudahan Pelancongan Tasik Biru, Kuang. Pemeriksaan Audit pada 25 April 2017 mendapati pokok teduhan yang

sepatutnya dibekalkan melalui peruntukan kerja luar jangka tersebut tiada di lokasi projek. Berdasarkan temu bual bersama pegawai yang bertanggungjawab, beliau menjelaskan penempatan pokok tersebut telah dialihkan ke lokasi lain iaitu Nurseri Bukit Lagong berikutan tiada keperluan di tapak. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat mengesahkan kelulusan pembekalan dan penghantaran 50 pokok teduhan bernilai RM5,000 di bawah peruntukan item kerja luar jangka bagi perolehan kerja tersebut berikutan tiada dokumen dikemukakan.

- c. Perbelanjaan tanpa penilaian sebenar keperluan kerja di tapak melalui peruntukan item kerja luar jangka tidak menepati objektif perolehan projek kerja yang dilaksanakan.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017 dan 25 Ogos 2017

MPS telah mengambil tindakan memindahkan 50 pokok daripada Nurseri Bukit Lagong dan menanam semula pokok berkenaan di lokasi asal projek berikutan pelaksanaan kerja cerun yang memerlukan penanaman pokok bagi tujuan mengukuhkan tebing tasik.

Pada pendapat Audit, pembekalan 50 pokok teduhan bernilai RM5,000 menggunakan peruntukan bagi kerja luar jangka tidak wajar dilakukan memandangkan tiada keperluan di tapak dan ini bertentangan dengan objektif sebenar peruntukan luar jangka yang diwujudkan bagi perolehan tersebut.

1.5.2.6. Pembekalan Peralatan *Rugged Tablet* Secara Sewa Beli

- a. Perenggan 1(b)(iii) di dalam 1PP, PK 4 mengenai Pentadbiran Kontrak Kerajaan menyatakan bahawa agensi adalah dikehendaki mengambil perhatian berkenaan pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu perolehan.
- b. Perenggan 2.7 berhubung perancangan di dalam Garis Panduan Perolehan ICT Kerajaan juga menyatakan bahawa agensi hendaklah mengenal pasti skop dan jadual pelaksanaan projek dan memastikan bahawa tempoh penyerahan yang ditetapkan untuk sesuatu projek adalah munasabah dari peringkat keperluan pengguna, proses pemasangan, pengujian, antara muka, integrasi, pentauliahan, latihan dan lain-lain. Selain itu, Perenggan 5.5 di dalam garis panduan yang sama berkenaan penyediaan kontrak pula menggariskan di antara perkara asas yang perlu dimasukkan sebagai klausa

di dalam kontrak adalah termasuk prosedur penyediaan, penerimaan dan pengesahan perancangan projek, prosedur penyediaan, penerimaan dan pengesahan pengujian, prosedur pengujian dan penerimaan serta proses penilaian dan pindaan dalam tempoh yang ditetapkan.

- c. Pada bulan Jun 2016, MPS telah melaksanakan perolehan untuk membekal, menguji, menyenggara dan mentauliah peralatan *rugged tablet* secara sewa beli untuk Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan secara tender dengan nilai keseluruhan kontrak RM1.18 juta. Butiran lanjut berkaitan perolehan tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.7
PEROLEHAN MEMBEKAL, MENGUJI, MENYENGGARA DAN
MENTAULIAH PERALATAN *RUGGED TABLET* SECARA SEWA BELI

Nilai Kontrak	RM1.18 juta
Tempoh Kontrak	3 tahun (Disember 2016 hingga Disember 2019)
Jumlah Peralatan/Perisian yang Dibekal	<ul style="list-style-type: none"> - 30 unit <i>rugged tablet</i> - 30 unit pencetak kompaun - Sistem penguatkuasaan <i>rugged tablet</i> - Sistem maklumat dan pengurusan kompaun berkomputer - Sistem integrasi dengan sistem e-PBT
Tempoh Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> - Pengurusan Projek (3 bulan) - Implementasi (3 hari) - Latihan Pengurusan Sistem e-Penguatkuasaan (5 hari) - Latihan Pengendalian Peralatan (2 hari)
Bentuk Bayaran	Ansuran bulanan sejumlah RM32,754 selama 36 kali pada awal setiap bulan selepas penghantaran peralatan.

Sumber: MPS

- d. Pembekalan peralatan telah diterima pada 5 Disember 2016 dan bayaran pertama sejumlah RM32,754 kepada syarikat pembekal telah dibuat pada bulan Januari 2017.
- e. Semakan Audit mendapati peralatan dan sistem yang diterima masih belum boleh digunakan sepenuhnya semasa bayaran pertama kepada pembekal dibuat. Berdasarkan minit Mesyuarat Perbincangan Penambahbaikan Alat Mesin Gatec Bil. 1/2017 pada 8 Disember 2016, pihak Audit mendapati mesyuarat telah membincangkan permasalahan penggunaan peralatan di mana terdapat maklumat yang masih belum dimasukkan ke dalam peralatan *rugged tablet* antara lain seperti bacaan kad pengenalan OKT, maklumat SSM dan bar kod syarikat/premis serta akta/enakmen/undang-undang kecil MPS. Selain itu, mesyuarat turut membincangkan tambahan maklumat di dalam peralatan *rugged tablet* bagi memudahkan penguatkuasaan dibuat seperti tambahan GIS, GISMAP, sistem kad putih, maklumat bayaran menggunakan kad kredit dan carian maklumat lesen perniagaan yang sah.
- f. Perkara di atas berlaku berikutan proses keperluan pengguna (*user requirement*) tidak dibincangkan lebih awal sebelum pembekalan peralatan dibuat oleh syarikat kepada MPS. Jadual pelaksanaan di dalam kontrak juga tidak menetapkan tempoh proses bagi mengambil kira input keperluan

pengguna dan tempoh pengujian pengguna (*user acceptance test*) bagi mengelakkan masalah peralatan dan sistem sebelum bayaran dibuat.

- g. Mengikut klausa 9.3 di dalam kontrak yang dimeterai, tindakan pembaikan atau penggantian peralatan *rugged tablet* oleh syarikat pembekal hendaklah diselesaikan dalam tempoh tujuh hari dari tarikh makluman mengenai kerosakan atau kecacatan itu. Sekiranya pembekal gagal membaiki atau menggantikan barangan tersebut di dalam tempoh tujuh hari tanpa sebab yang munasabah MPS berhak mengenakan denda lewat sebanyak RM100 sehari bagi setiap hari kelewatan tersebut berterusan. Semakan Audit mendapati dokumen/laporan aduan kerosakan pengguna tidak diselenggarakan secara terperinci bagi memastikan pembaikan atau penggantian peralatan telah diselesaikan dalam tempoh yang dipersetujui. Dokumen/laporan aduan kerosakan pengguna yang tidak diselenggarakan secara terperinci menyebabkan kenaan denda lewat berhubung tempoh pembaikan peralatan tidak dapat dikenakan kepada syarikat pembekal.
- h. Selain itu bagi memastikan kepentingan MPS terpelihara, pihak Audit mendapati tiada klausa khusus diwujudkan dalam kontrak berhubung timbal balik terhadap kerugian yang perlu ditanggung oleh Majlis susulan tindakan penguatkuasaan yang tidak dapat dijalankan akibat ketiadaan peralatan kerana rosak atau dipulangkan kepada syarikat bagi tujuan penyenggaraan.
- i. Perkara di atas berlaku berikutan kelemahan dalam mengenal pasti skop, keperluan sebenar MPS, jadual pelaksanaan projek dan keupayaan MPS dalam melaksanakan perolehan peralatan yang melibatkan aspek teknologi maklumat. Kelemahan pengurusan perolehan membekal, menguji, menyenggara dan mentauliah peralatan *rugged tablet* secara sewa beli akan menyebabkan kerugian kepada pihak Kerajaan kerana perolehan yang diterima tidak setimpal dengan bayaran yang dijelaskan dan objektif asal perolehan dibuat tidak terlaksana.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017

MPS telah mengambil tindakan dengan menyediakan Borang Aduan Kerosakan Peralatan bagi memastikan rekod aduan kerosakan diselenggarakan dengan lebih terperinci. Selain itu, MPS turut mengambil tindakan mengadakan perbincangan bersama syarikat pembekal dan kedua-dua pihak bersetuju terhadap pindaan klausa perjanjian melibatkan perkara seperti berikut:

- i. tempoh pembaikan peralatan dipendekkan daripada tujuh kepada lima hari;***

- ii. syarikat pembekal menyediakan peralatan gantian sehingga peralatan rosak yang sedang dibaiki siap;*
- iii. tempoh percubaan peralatan ditetapkan selama tiga bulan mulai Disember 2016 hingga Februari 2017 tanpa sebarang bayaran;*
- iv. tempoh kontrak dipinda dengan tambahan tiga bulan sehingga bulan Februari 2020 setelah mengambil kira tempoh percubaan peralatan; dan*
- v. bayaran sewaan peralatan yang telah dijelaskan pada bulan Disember 2016 diambil kira sebagai bayaran pertama untuk bulan Mac 2017.*

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan pembekalan peralatan *rugged tablet* secara sewa beli adalah tidak memuaskan berikutan kepentingan MPS tidak dipelihara sewajarnya.

1.5.3. Pentadbiran Kontrak

1.5.3.1. Bon Pelaksanaan

- a. Mengikut 1PP-PK 4, Perenggan 2(ii)(b) dan AP176.2(a), Bon Pelaksanaan hendaklah dikenakan bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang bernilai melebihi RM200,000 sebanyak 2.5% daripada nilai kontrak. Bagi nilai kontrak melebihi RM500,000 kadar yang dikenakan adalah sebanyak 5% daripada nilai kontrak.
- b. Semakan Audit mendapati Bon Pelaksanaan tidak dikenakan terhadap tujuh daripada 12 perolehan bernilai melebihi RM200,000 dan tiga daripada 30 perolehan bernilai melebihi RM500,000. Mengikut pengiraan Audit jumlah nilai Bon Pelaksanaan yang tidak dikenakan bagi perolehan tersebut adalah berjumlah RM140,781.
- c. Perkara di atas berlaku berikutan MPS tidak menetapkan secara khusus jabatan/unit yang bertanggungjawab bagi memastikan Bon Pelaksanaan dikenakan kepada syarikat. Ketiadaan Bon Pelaksanaan memberi kesan kepada perolehan sekiranya berlaku sebarang pelanggaran syarat kontrak yang mengakibatkan kepentingan Kerajaan tidak dijamin.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017

MPS telah mengambil tindakan penambahbaikan melalui Arahan Pentadbiran Bil. 7 Tahun 2017 dengan memasukkan butiran kenaan Bon Pelaksanaan sebagai sebahagian daripada Senarai Semak Wajib semasa proses tuntutan bayaran bagi memastikan perkara ini tidak berulang.

Pada pendapat Audit, pengurusan Bon Pelaksanaan adalah tidak memuaskan kerana tiada Bon Pelaksanaan dikenakan kepada kontraktor sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan kewangan.

1.5.3.2. Tanda Tangan Perjanjian

- a. Mengikut PK 4 dalam 1PP, kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin oleh kedua-dua pihak atau selewat-lewatnya empat bulan daripada tarikh keluarnya Surat Setuju Terima (SST).
- b. Semakan Audit mendapati dokumen perjanjian bagi lima daripada 31 perolehan dengan nilai kontrak sejumlah RM4.14 juta telah lewat ditandatangani. Tempoh kelewatan adalah antara 14 hingga 76 hari. Perkara ini menjejaskan kepentingan MPS sekiranya berlaku pelanggaran syarat kontrak yang melibatkan kes mahkamah.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017

MPS telah melantik seorang Penolong Juruukur Bahan khusus bagi tujuan memantau dan menyelia semua dokumen kontrak untuk memastikan pengurusan dokumen kontrak dilaksanakan dengan teratur dan lancar.

Pada pendapat Audit, pengurusan perjanjian kontrak di MPS adalah tidak memuaskan kerana lewat ditandatangani antara 14 hingga 76 hari yang menjejaskan kepentingan MPS jika berlaku pelanggaran syarat perjanjian.

1.5.3.3. Setuju Terima Lewat Dikeluarkan

- a. Mengikut 1PP-PK4 Perenggan 2(i)(a), Pesanan Kerajaan/Pesanan Tempatan/inden kerja hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya secepat mungkin sebaik sahaja keputusan Jawatankuasa Sebut Harga diperoleh.
- b. Semakan Audit mendapati tawaran melalui SST kepada syarikat yang berjaya bagi empat daripada 27 perolehan berjumlah RM157,430 lewat dikeluarkan antara 15 hingga 124 hari selepas keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga dibuat.
- c. Kelewatan mengemukakan tawaran kepada syarikat yang berjaya selepas keputusan pemilihan menyebabkan pembekalan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh MPS lewat dilaksanakan.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017

MPS telah mengambil tindakan menyediakan proses kerja yang lebih jelas berhubung pengeluaran SST bagi memastikan perkara tidak berulang.

Pada pendapat Audit, penyediaan Surat Setuju Terima adalah tidak memuaskan berikutan lewat dikeluarkan kepada syarikat yang berjaya selepas kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga.

1.5.3.4. Kelulusan Arahan Perubahan Kerja

- a. Mengikut AP 202.1(a), Arahan Perubahan Kerja (APK) bermaksud sebarang penyimpangan daripada perjanjian kontrak berkaitan dengan pelan, spesifikasi atau senarai kuantiti sama ada dipinda, ditambah atau dikurangkan, perlu mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan.
- b. Perakuan Kerja Siap bagi empat perolehan dengan nilai kontrak RM1.61 juta telah dikeluarkan dengan lanjutan masa dan dikenakan denda lewat sewajarnya. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati dokumen APK bagi empat perolehan tersebut lewat diluluskan antara 18 hingga 420 hari selepas tarikh Perakuan Kerja Siap. Pelaksanaan fizikal APK tersebut telah dijalankan terdahulu sebelum dokumen APK dimuktamadkan. Selain itu, semakan lanjut turut mendapati kelulusan APK bagi satu perolehan (MPS/SH/197/15) hanya diluluskan selepas bayaran muktamad. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.8
APK DILULUSKAN SELEPAS TARIKH KERJA SIAP**

BIL.	NO. RUJUKAN PEROLEHAN	NILAI KONTRAK (RM)	NILAI APK (RM)	TARIKH PERAKUAN KERJA SIAP	TARIKH KELULUSAN APK	TEMPOH KELEWATAN KELULUSAN APK (Hari)	TARIKH BAYARAN MUKTAMAD
1.	MPS/SH/197/15	171,200	16,940	10.02.2016	05.04.2017	420	06.06.2016
2.	MPS/T/09/16	523,704	Tiada Perubahan	04.02.2017	22.02.2017	18	14.03.2017
3.	MPS/T/22/16	577,475	(2,880)	04.10.2016	19.12.2016	76	05.01.2017
4.	MPS/SH/134/14	333,269	(44,648)	26.06.2015	09.09.2015	75	11.09.2015
JUMLAH		1,605,648					

Sumber: MPS

- c. Kelewatan kelulusan APK menyebabkan Perakuan Kerja Siap tidak dapat diperakui sebagaimana spesifikasi yang telah diluluskan.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017

MPS telah mengambil tindakan menyediakan Prosedur Operasi Standard terhadap proses pengeluaran APK bagi tujuan pemantauan pelaksanaan projek serta memastikan perkara dibangkitkan tidak berulang.

Pada pendapat Audit, kelulusan Arahan Perubahan Kerja adalah tidak memuaskan kerana lewat diluluskan antara 18 hingga 420 hari selepas tarikh Perakuan Kerja Siap.

1.5.3.5. Lanjutan Masa Bagi Perolehan Perkhidmatan Penyenggaraan Lanskap

- a. Mengikut 1PP dalam PK 4, Perenggan 2(e)(i), pelanjutan tempoh kontrak bekalan dan perkhidmatan boleh diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan sebut harga asal berdasarkan syarat yang ditetapkan. Antara syarat kelulusan lanjutan masa (EOT) tersebut adalah dibenarkan bagi kontrak yang bernilai melebihi RM200,000 hingga RM500,000.
- b. Pada bulan November 2014, Mesyuarat Pengurusan MPS telah meluluskan cadangan pindaan dasar skop perkhidmatan penyenggaraan rumput yang dikawal selia oleh Jabatan Lanskap dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal. MPS turut menetapkan semua kontrak perkhidmatan penyenggaraan lanskap akan diselaraskan semasa proses lantikan kontrak baru secara serentak mulai bulan Mac 2015.
- c. Semakan Audit berdasarkan sampel terpilih mendapati Jawatankuasa Sebut Harga MPS pada bulan Januari 2015 telah memutuskan pelantikan empat syarikat perkhidmatan penyenggaraan lanskap bagi tempoh dua bulan (Januari dan Februari 2015) dengan nilai perolehan keseluruhan berjumlah RM106,874. Pelantikan bagi tempoh dua bulan dibuat selaras dengan keputusan Mesyuarat Pengurusan berhubung penyelarasan dasar skop perkhidmatan penyenggaraan rumput mulai bulan Mac 2015.
- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati Jawatankuasa Sebut Harga MPS telah meluluskan EOT kontrak perkhidmatan penyenggaraan lanskap tersebut bagi tambahan tempoh selama dua bulan lagi berikutan perolehan baru yang mengambil kira perubahan dasar bagi skop perkhidmatan masih belum dimuktamadkan. Kelulusan yang dibuat oleh Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga MPS ini didapati tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan di mana nilai perolehan bagi setiap kontrak perkhidmatan tersebut adalah di bawah had yang dibenarkan bagi kelulusan EOT iaitu di bawah RM200,000.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017 dan 13 Oktober 2017

MPS mengambil maklum perkara berbangkit dan bagi pelaksanaan perolehan masa hadapan, perancangan perolehan terhadap kontrak bermasa yang akan tamat tempoh diberi perhatian serius untuk memastikan perkara tidak berulang.

Selain itu, Mesyuarat Majlis MPS Bil. 8/2017 yang bersidang pada bulan Ogos 2017 telah memperaku keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga MPS Bil. 4/2015 bertarikh 17 Februari 2015 yang telah meluluskan EOT selama dua bulan iaitu bagi bulan Mac dan April 2015 melibatkan perolehan perkhidmatan penyenggaraan lanskap.

Pada pendapat Audit, kelulusan EOT yang dibuat oleh Jawatankuasa Sebut Harga MPS adalah tidak memuaskan kerana nilai perolehan adalah di bawah had yang dibenarkan. Ini bertentangan dengan peraturan yang berkuatkuasa.

1.5.3.6. Penyediaan Pesanan Tempatan dan Penerimaan Barangan Selepas Acara Berakhir

- a. Arahan Perbendaharaan 176.1(a) dan (b) menyatakan sebelum sesuatu tender atau sebut harga disetujui terima, Pegawai Pengawal hendaklah berpuas hati syarat perolehan telah dinyatakan dengan jelas seperti spesifikasi, harga seunit, kuantiti, tarikh, masa dan tempat serahan. Sekiranya nilai perolehan tidak melebihi RM50,000 memadai bagi agensi menggunakan borang Pesanan Kerajaan/Pesanan Tempatan bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin/terpelihara.
- b. Jabatan Pembangunan Masyarakat, MPS telah melaksanakan perolehan bagi acara Kejohanan Sukan Selangor (SUKSES) ke-11 dan acara Kundang *Jetsport* pada tahun 2015. Semakan Audit mendapati Pesanan Tempatan terhadap pembekalan bagi dua acara berkenaan dengan nilai perolehan berjumlah RM67,407 lewat dikeluarkan antara 25 hingga 46 hari selepas acara berakhir. Selain itu semakan berdasarkan dokumen penerimaan pembekalan mendapati, pembekalan diterima antara 29 hingga 57 hari selepas acara berakhir. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.9
PESANAN TEMPATAN DAN TERIMAAN BARANGAN SELEPAS ACARA BERAKHIR**

BIL.	PERIHAL	TARIKH ACARA	TARIKH PT	KELEWATAN (Hari)	TARIKH PEMBEKALAN	KELEWATAN (Hari)	JUMLAH (RM)
1.	Kejohanan Sukan Selangor (SUKSES) Ke-11	01.09.2015	15.10.2015	25	19.10.2015	29	17,570
		-	15.10.2015	25	19.10.2015	29	28,112
2.	Kundang <i>JetSport</i> Challenge 2015	28.08.2015	15.10.2015	46	26.10.2015	57	19,575
		-	09.10.2015	40	26.10.2015		2,150
JUMLAH							67,407

Sumber: MPS

- c. Kelewatan mengeluarkan Pesanan Tempatan dan penghantaran dokumen pembekalan oleh syarikat selepas acara berakhir adalah tidak mematuhi peraturan yang berkuatkuasa serta menjejaskan perakuan bayaran yang dibuat dalam menjamin barang yang dipesan telah dibekalkan dengan sempurna.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017

MPS mengambil tindakan penambahbaikan melalui penyediaan Buku Rekod Terimaan Pembekalan bagi memastikan pesanan yang diterima telah dibekalkan mengikut kuantiti dan kualiti yang dikehendaki. Selain itu, MPS juga sedang mengkaji pelantikan syarikat panel berhubung pembekalan barangan dan peralatan sukan bagi menambah baik proses perolehan.

Pada pendapat Audit, penyediaan Pesanan Tempatan adalah tidak memuaskan kerana lewat dikeluarkan selain dokumen penghantaran pembekalan bagi tujuan pembayaran hanya dikemukakan selepas tempoh acara berakhir.

1.5.4. Pelaksanaan Perolehan Kerja/Bekalan/Perkhidmatan

Agensi hendaklah membuat perancangan perolehan bagi mengawal kos dan menangani masalah dalam melaksanakan sesuatu perolehan. Agensi juga perlu menyediakan Jadual Pelaksanaan khusus bagi setiap perolehan. Semakan Audit terhadap kemajuan kerja perolehan yang dilaksanakan oleh MPS mendapati perkara seperti berikut:

1.5.4.1. Penyiapan Kerja dan Kenaan Denda Lewat

- a. Setiap perolehan bekalan, kerja dan perkhidmatan hendaklah dibekal atau disiapkan oleh kontraktor/pembekal mengikut tempoh yang telah ditetapkan

dalam kontrak atau lanjutan masa (EOT) yang diluluskan. Kontraktor/pembekal yang tidak menunjukkan prestasi kerja yang baik hendaklah ditamatkan perkhidmatannya dan yang mana sesuai, Ganti Rugi Yang Tertentu dan Ditetapkan (LAD) atau ganti rugi berhubung penamatan perolehan tersebut perlu dikenakan.

- b. Semakan Audit mendapati 11 daripada 32 perolehan telah lewat disiapkan berbanding tarikh yang telah ditetapkan melibatkan tempoh kelewatan antara 21 hingga 224 hari tanpa kelulusan EOT. Semakan lanjut mendapati Perakuan Kerja Siap telah dikeluarkan tanpa mengenakan LAD berjumlah RM49,695.36. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.10
BUTIRAN PEROLEHAN YANG TIDAK DIKENAKAN LAD SETAKAT BULAN MAC 2017**

BIL.	NO. RUJUKAN PEROLEHAN	NILAI PEROLEHAN (RM)	TARIKH SEPATUT SIAP/BEKAL	TARIKH SIAP SEBENAR	KELEWATAN (Hari)	KADAR LAD/ HARI (RM)	JUMLAH LAD YANG TIDAK DICAJ (RM)
1.	MPS/T/11/13	606,650	31.03.2014	21.04.2014	21	109.70	2,303.70
2.	MPS/T/13/14	598,000	13.03.2015	29.04.2015	47	89.70	4,215.90
3.	MPS/T/06/15	494,227	24.07.2015	21.08.2015	28	92.75	2,597.00
4.	MPS/SH/117/14	131,100	08.09.2014	09.10.2014	31	24.60	762.60
5.	MPS/SH/147/14	30,000	10.11.2014	02.12.2014	22	5.63	123.86
6.	MPS/SH/116/14	50,339	01.10.2014	10.12.2014	70	9.45	661.50
7.	MPS/SH/13/16	225,384	01.06.2016	30.06.2016	29	29.95	868.55
8.	MPS/T/02/16	1,179,144	06.09.2016	05.12.2016	90	100.00	9,000.00
9.	MPS/T/02/14	430,866	08.07.2014	10.11.2014	125	77.91	9,738.75
10.	MPS/T/08/15	401,030	24.07.2015	07.10.2015	75	79.78	5,983.50
11.	MPS/SH/134/14	333,269	14.11.2014	26.06.2015	224	60.00	13,440.00
JUMLAH							49,695.36

Sumber: MPS dan Jabatan Audit Negara

- c. Tindakan tidak mengenakan LAD kepada kontraktor yang lewat menyiapkan kerja berpunca daripada kelemahan pemantauan. Kegagalan mengenakan LAD menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan prasarana tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017

MPS telah selesai mengambil tindakan menuntut semula kenaaan LAD sejumlah RM49,695 daripada kontraktor yang terlibat selepas teguran Audit. Bagi tujuan penambahbaikan proses pemantauan projek dan kenaaan LAD terhadap kontraktor terlibat, MPS telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran Bil. 6 Tahun 2017 berhubung Kaedah Pengurusan Tuntutan Ganti Rugi Ditetapkan (LAD) dan Lanjutan Masa (EOT) yang perlu dipatuhi oleh semua pegawai yang bertanggungjawab.

Pada pendapat Audit, ganti rugi yang tertentu dan ditetapkan yang tidak dikenakan oleh MPS terhadap kontraktor yang gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan adalah tidak memuaskan dan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.

- d. Semakan Audit turut mendapati berlaku kelewatan pembekalan antara 16 hingga 97 hari berbanding tarikh pembekalan yang ditetapkan melibatkan 11 daripada 54 perolehan bekalan dan perkhidmatan. Bagaimanapun, tiada ganti rugi atau denda lewat (LAD) dikenakan dan bayaran penuh telah dibuat tanpa sebarang pemozongan amaun berikutan tiada klausa khusus mengenai LAD ditetapkan. Selain itu, pihak MPS juga tidak mengeluarkan sebarang surat amaran dan peringatan berhubung kelewatan pembekalan/perkhidmatan kepada pihak syarikat. Pengiraan anggaran kerugian berdasarkan kaedah pengiraan LAD yang ditetapkan oleh JKR menggunakan kadar asas pinjaman (BLR) yang berkuat kuasa mendapati, LAD berhubung kelewatan pembekalan yang berlaku adalah sejumlah RM31,230.85. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.11
BUTIRAN PEROLEHAN PEMBEKALAN YANG LEWAT
BERBANDING TARIKH SEPATUT BEKAL SETAKAT BULAN MAC 2017

BIL.	NO. RUJUKAN PEROLEHAN	AMAUN KONTRAK (RM)	TARIKH SEPATUT BEKAL	TARIKH PEMBEKALAN SEBENAR	KELEWATAN (Hari)	KADAR LAD/ HARI (RM)	ANGGARAN LAD (RM)
1.	MPS/SH/LT/16/15	49,680	Sebelum 08.12.14	06.01.2015	28	6.60	184.80
2.	MPS/SH/48/16	251,221	Sebelum 06.05.16	04.07.2016	59	33.38	1,969.42
3.	MPS/SH/112/15	522,283	Sebelum 24.06.15	09.09.2015	77	69.40	5,343.80
4.	MPS/SH/109/14	296,700	Sebelum 17.09.14	17.11.2014	61	55.68	3,396.48
5.	MPS/SH/219/14	149,954	Sebelum 06.10.15	28.10.2015	22	19.53	429.66
			Sebelum 06.10.15	11.11.2015	36	19.53	703.08
			Sebelum 17.11.15	09.12.2015	22	19.53	429.66
			Sebelum 15.10.15	10.12.2015	56	19.53	1,093.68
6.	MPS/SH/LT/26/14	45,000	Sebelum 09.10.2014	10.12.2014	62	8.45	523.90
7.	MPS/SH/01/15	305,115	Sebelum 29.10.2015	24.11.2015	26	40.54	1,054.04
8.	MPS/SH/194/15	539,016	Sebelum 15.05.2016	31.05.2016	16	75.92	1,214.72
9.	MPS/T/17/14	532,996	Sebelum 20.05.2015	25.08.2015	97	70.82	6,869.54
			Sebelum 12.03.2015	02.04.2015	21	70.82	1,487.22
10.	MPS/T/55/15	511,907	Sebelum 06.10.2016	24.11.2016	49	72.10	3,532.90
			Sebelum 06.10.2016	07.11.2016	32	72.10	2,307.20
11.	MPS/SH/145/14	147,200	Sebelum 19.12.2014	13.01.2015	25	27.63	690.75
JUMLAH							31,230.85

Sumber: MPS dan Jabatan Audit Negara

- e. Kegagalan mengenakan denda berhubung kelewatan pembekalan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan pembekalan/perkhidmatan yang diperlukan dalam tempoh yang ditetapkan tidak dapat dimanfaatkan dan digunakan.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017

MPS telah mengemukakan surat arahan pematuhan terhadap syarat kontrak berhubung tempoh pembekalan kepada dua syarikat pembekal alat tulis dan bahan bercetak bagi memastikan perkara tidak berulang. Selain itu, MPS turut mengeluarkan Arahan Pentadbiran Bil. 6 Tahun 2017 di mana penetapan terperinci berhubung denda lewat yang perlu dikenakan bagi setiap jenis perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan mengikut kadar yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, klausa denda lewat yang tidak ditentu dan ditetapkan bagi kelewatan pembekalan atau perkhidmatan ke atas syarikat merupakan suatu kerugian kepada MPS.

1.5.4.2. Kelulusan Lanjutan Masa

- a. Berdasarkan 1PP, PK 4, (Bab V, Lampiran 4.23), lanjutan masa (EOT) hanya boleh dipertimbangkan untuk diberikan kepada kontraktor sekiranya terbukti bahawa Kerajaan didapati akan atau telah menyumbang kepada kelewatan terhadap kemajuan kerja kontraktor mengikut peruntukan kontrak. Kontraktor juga boleh diberikan EOT sekiranya kelewatan adalah disebabkan oleh sebab-sebab neutral sebagaimana yang diperuntukkan dalam kontrak. Bagaimanapun, EOT tidak boleh diberikan demi untuk membantu kontraktor apabila didapati kelewatan sebenarnya berpunca daripada tindakan kemungkiran kontraktor sendiri. Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Penguasa bagi memastikan kelambatan tidak berlaku atau dapat dikurangkan antara lain melalui perancangan dan pelaksanaan projek yang rapi, penyiasatan ke atas tapak bina yang lengkap dan terperinci serta mengadakan mesyuarat penyelarasan dari semasa ke semasa. Selain itu, Pegawai Penguasa juga hendaklah memberi perhatian dalam menilai tempoh kelambatan, sebab kelambatan, peruntukan masa tambahan yang diperlukan dan mengambil kira kemajuan sebenar di tapak bina serta kemungkiran di pihak kontraktor sendiri.
- b. Semakan Audit berdasarkan sampel dipilih mendapati, kelulusan EOT bagi dua daripada 15 perolehan berjumlah RM445,379 telah diluluskan sebelum

permohonan EOT diterima daripada kontraktor. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.12
EOT DILULUSKAN SEBELUM PERMOHONAN**

BIL.	NO. RUJUKAN PEROLEHAN	NILAI KONTRAK (RM)	TARIKH PATUT SIAP	TARIKH SEBENAR SIAP	TARIKH PERMOHONAN EOT	TARIKH KELULUSAN EOT
1.	MPS/SH/200/16	122,110	29.11.2016	06.12.2016	29.11.2016	28.11.2016
2.	MPS/SH/134/14	333,269	28.10.2014	26.06.2015	31.10.2014	28.10.2014
JUMLAH		455,379				

Sumber: MPS

- c. Pihak Audit turut menjalankan analisis lanjut terhadap sepuluh daripada 15 perolehan yang memperoleh kelulusan EOT dan mendapati permohonan EOT tersebut telah diluluskan berdasarkan alasan yang kurang wajar. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.13
ANALISIS SEBAB EOT YANG DIBERIKAN OLEH KONTRAKTOR**

BIL.	NO. RUJUKAN PEROLEHAN	TEMPOH EOT DIBERI (HARI)	ANTARA ALASAN SEMASA PERMOHONAN EOT	SEMAKAN AUDIT
1.	MPS/SH/108/14	26	<ul style="list-style-type: none"> Masalah cuaca berikutan hujan di tapak bina Masalah pembekalan bahan dan peralatan yang dihadapi oleh kontraktor Cuti sempena perayaan 	<ul style="list-style-type: none"> Tiada laporan meteorologi dilampirkan semasa permohonan EOT dikemukakan oleh kontraktor. Tiada rekod berhubung pengesahan masalah cuaca di tapak bagi menyokong kelulusan EOT yang dibuat oleh MPS. Tempoh pembekalan bahan dan peralatan yang diperlukan telah diperuntukkan dalam tempoh kontrak yang ditetapkan oleh MPS. Pihak kontraktor sepatutnya telah merancang pembekalan bahan dan peralatan yang diperlukan selepas pelantikan dibuat oleh MPS. Pihak kontraktor telah maklum mengenai cuti sempena perayaan selepas pelantikan dibuat dan tidak boleh dijadikan sebagai alasan terhadap permohonan EOT.
2.	MPS/SH/159/15	18		
3.	MPS/SH/129/15	15		
4.	MPS/SH/191/15	28		
5.	MPS/SH/205/13	100		
6.	MPS/SH/200/16	14		
7.	MPS/SH//199/16	14		
8.	MPS/SH/113/14	48		
9.	MPS/SH/198/16	41		
10.	MPS/SH/160/15	21		

Sumber: MPS

- d. Berdasarkan jadual di atas, pihak Audit mendapati tiada laporan meteorologi dikemukakan oleh pihak kontraktor terlibat dan tiada rekod diselenggara oleh MPS sebagai pengesahan terhadap masalah cuaca yang dinyatakan di tapak berhubung alasan permohonan EOT berkaitan masalah cuaca.
- e. Selain itu, masalah pembekalan bahan dan peralatan yang dihadapi oleh kontraktor juga didapati tidak wajar berikutan tempoh kontrak yang ditetapkan telah merangkumi tempoh pembekalan yang diperlukan oleh kontraktor semasa mengemukakan tawaran sebut harga/tender kepada

MPS. Manakala alasan cuti sempena perayaan yang digunakan oleh kontraktor juga adalah tidak wajar kerana pihak kontraktor telah mengetahui lebih awal mengenainya dan boleh dikawal melalui perancangan terperinci dalam tempoh kontrak berlangsung.

- f. Mengikut pengiraan Audit, sekiranya EOT berdasarkan alasan yang tidak wajar seperti di atas tidak diluluskan oleh MPS, LAD yang sepatutnya dikenakan ke atas kontraktor terlibat adalah berjumlah RM6,888.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017 dan 13 Oktober 2017

MPS telah mengambil tindakan penambahbaikan terhadap proses pemantauan projek dengan mengeluarkan Arahan Pentadbiran Bil. 6 Tahun 2017 berhubung Kaedah Pengurusan Tuntutan Ganti Rugi Yang Tertentu dan Ditetapkan (LAD) dan Lanjutan Masa (EOT) yang perlu dipatuhi oleh semua pegawai bertanggungjawab.

Selain itu pada bulan Oktober 2017, MPS telah mengambil tindakan memulakan prosiding tatatertib terhadap pegawai bertanggungjawab. Keputusan hukuman oleh Mesyuarat Lembaga Tatatertib dijangka pada bulan Disember 2017.

Pada pendapat Audit, kelulusan lanjutan masa adalah tidak memuaskan kerana kelulusan telah diberikan sebelum permohonan dibuat oleh kontraktor. Selain itu, alasan yang dikemukakan didapati kurang wajar dan tiada penilaian terperinci dibuat oleh MPS sebelum lanjutan masa diluluskan.

1.5.4.3. Pembekalan Stok

- a. Setiap perolehan yang dibuat hendaklah diguna dan diuruskan dengan cekap dan teratur bagi mengelakkan daripada berlakunya pembaziran.
- b. Pemeriksaan Audit pada 10 April 2017 terhadap perolehan pembekalan *toner/ink* di Stor Jabatan Teknologi Maklumat (JTM), MPS mendapati tarikh jaminan/pemasangan bagi 139 unit *toner/ink* bernilai RM7,910 telah luput antara bulan Februari 2010 hingga November 2016. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.14**. Manakala **Gambar 1.5** dan **Gambar 1.6** menunjukkan sebahagian daripada simpanan stok *toner/ink* yang telah luput tarikh jaminan/pemasangan.

**JADUAL 1.14
TONER YANG TELAH LUPUT TARIKH JAMINAN/PEMASANGAN**

BIL.	JENIS TONER	TARIKH LUPUT JAMINAN/ PEMASANGAN		AMAUN (RM)
		UNIT	TARIKH	
1.	HP Officejet 6500 (Black, Magenta, Cyan, Yellow)	8	Januari 2015	1,998
		2	Mac 2015	
		26	Februari 2016	
		4	Mac 2016	
		6	April 2016	
2.	HP Photosmart C6180 (Black, Magenta, Light Magenta, Cyan, Light Cyan, Yellow)	2	Disember 2011	1,835
		2	Julai 2013	
		6	Mac 2014	
		2	November 2015	
		1	Januari 2016	
		1	Februari 2016	
		2	April 2016	
		8	Jun 2016	
4	Julai 2016			
3.	HP Officejet K5400 DN (Magenta)	3	Oktober 2016	198
4.	HP Officejet 8000 (Magenta)	1	Februari 2010	65
5.	HP Deskjet 3320 (Black, Colour)	2	Julai 2010	1,484
		1	November 2010	
		1	Januari 2011	
		5	April 2011	
		8	Mac 2012	
		5	Disember 2012	
6.	HP Deskjet 6540 (Colour)	1	Mei 2016	100
7.	Canon Pixma IP100 (Black, Colour)	17	Jun 2014	1,400
		7	Julai 2014	
8.	Canon Pixma IX 4000 (Black)	7	Jun 2014	452
9.	Canon Pixma Pro-100 (Black, Magenta, Yellow, Grey, Light Grey, Photo Cyan, Photo Magenta)	2	Ogos 2016	378
		3	September 2016	
		1	Oktober 2016	
		1	November 2016	
JUMLAH		139		7,910

Sumber: Stor Jabatan Teknologi Maklumat, MPS

GAMBAR 1.5

Stor Penyimpanan,
Jabatan Teknologi Maklumat MPS
- Sebahagian Daripada Stok *Toner/Ink* yang Telah
Luput Tarikh Jaminan/Pemasangan
(10.4.2017)

GAMBAR 1.6

Stor Penyimpanan,
Jabatan Teknologi Maklumat MPS
- Sebahagian *Toner/Ink* yang Telah Luput Tarikh
Jaminan/Pemasangan
(10.4.2017)

- c. Pemeriksaan lanjut berdasarkan sampel lima jenis stok *toner/ink* terpilih di Stor Penyimpanan JTM mendapati, MPS tidak mematuhi Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan AM 6.3 berkaitan dengan Pengeluaran. Tatacara pengurusan stor menetapkan pengeluaran stok hendaklah dilaksanakan mengikut sistem Masuk-Dahulu-Keluar-Dahulu (MDKD) dengan memastikan stok yang diterima dahulu dikeluarkan dan digunakan dahulu. Semasa pemeriksaan dijalankan, sejumlah 94 unit baki stok *toner/ink* adalah terdiri daripada kombinasi stok lama dan baru. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.15
PENGELUARAN STOK *TONER/INK*
YANG TIDAK MEMATUHI TATACARA PENGURUSAN STOR

BIL.	JENIS <i>TONER/INK</i>	BAKI (Unit)		PENGELUARAN (Unit)	BAKI SEMASA PEMERIKSAAN AUDIT (Unit)
1.	HP Officejet 6500 (<i>Magenta</i>)	Stok Lama	13	4	9
		Stok Baru	15	5	10
2.	HP Officejet 6500 (<i>Yellow</i>)	Stok Lama	19	1	18
		Stok Baru	15	7	8
3.	HP Officejet 6500 (<i>Black</i>)	Stok Lama	10	2	8
		Stok Baru	15	9	6
4.	HP Officejet 6500 (<i>Cyan</i>)	Stok Lama	16	5	11
		Stok Baru	15	5	10
5.	HP Officejet 8000 (<i>Magenta</i>)	Stok Lama	19	18	1
		Stok Baru	34	21	13
JUMLAH			171	77	94

Sumber: Stor Jabatan Teknologi Maklumat, MPS

- d. Tindakan MPS melaksanakan perolehan *toner/ink* melebihi keperluan sebenar merupakan suatu pembaziran yang perlu dielakkan. Selain itu, ketidakpatuhan terhadap tatacara pengurusan stor turut menyebabkan stok yang tersimpan luput tarikh jaminan/pemasangan serta menyebabkan kerugian kepada MPS.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017, 25 Ogos 2017 dan 13 Oktober 2017

MPS telah mengambil tindakan melabelkan stok toner/ink dalam simpanan mengikut bilangan dan tahun perolehan bagi mematuhi Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan berhubung pengeluaran stok secara MDKD. Selain itu, MPS turut mengambil tindakan pelupusan bagi stok toner/ink yang telah luput tarikh jaminan/pemasangan.

Pada bulan Oktober 2017, MPS telah mengambil tindakan memulakan prosiding tatatertib terhadap pegawai bertanggungjawab. Keputusan hukuman oleh Mesyuarat Lembaga Tatatertib dijangka pada bulan Disember 2017.

Pada pendapat Audit, perolehan *toner/ink* yang melebihi keperluan sebenar dan pengurusan stor yang lemah merupakan suatu pembaziran serta merugikan MPS berikutan stok *toner/ink* yang disimpan telah luput tarikh jaminan/pemasangan, tidak boleh digunakan lagi dan perlu dilupuskan.

1.5.4.4. Pecah Kecil Perolehan

- a. Arahan Perbendaharaan (AP) 173.1 menetapkan pembelian setiap jenis item yang melibatkan perbelanjaan tahunan sehingga RM50,000 boleh dibuat secara pembelian terus. Bagaimanapun, peraturan ini telah dipinda melalui Perenggan 5, dalam 1PP-PK2 mengenai Kaedah Perolehan Kerajaan. Berdasarkan pekeliling ini, perolehan bekalan dan perkhidmatan di bawah nilai RM20,000 hendaklah dibuat secara pembelian terus manakala melebihi RM20,000 hingga RM500,000 secara sebut harga.
- b. Pekeliling ini juga telah mentafsirkan setiap jenis item sebagai sesuatu barang dan perkhidmatan yang mempunyai fungsi yang sama atau boleh diperolehi daripada satu punca bekalan serta perolehan tersebut boleh dirancang. Selain itu, agensi perlu merancang perolehan tahunan dan memastikan pembelian terus yang melebihi had nilai tidak dipecahkecil untuk mengelakkan sebut harga atau tender.
- c. Semakan Audit ke atas perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja di MPS mendapati berlaku pecah kecil perolehan bagi tahun 2014 hingga 2016 di mana proses perolehan secara sebut harga tidak dilaksanakan meskipun nilai perolehan secara pembelian terus telah melebihi had yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 1.16
PEROLEHAN BEKALAN, PERKHIDMATAN DAN
KERJA YANG DIPECAH KECIL BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

BIL.	PERIHAL	BIL. PEROLEHAN	JUMLAH (RM)
2014			
1.	Pembekalan Peralatan Komputer	7	61,918
2.	Kerja Mengetuk, Membina dan Mengecat Badan Kenderaan	4	109,260
3.	Pembekalan Alat Ganti Kenderaan	3	32,800
JUMLAH		14	203,978
2015			
4.	Pembekalan Peralatan Pencetakan	2	20,633
5.	Perkhidmatan Penyenggaraan Tayar dan Tiub Kenderaan	3	23,172
6.	Pembekalan Perabot dan Kelengkapan	2	34,785
7.	Pembekalan dan Pemasangan Server	2	35,800
8.	Kerja Pendawaian Kabel Rangkaian CAT 5E	8	34,664
9.	Perkhidmatan Aplikasi Web	2	61,950
10.	Kerja Baik Pulih Peralatan dan Perkakasan IT	5	23,660
11.	Kerja Baik Pulih e-mel Zimbra	4	35,200
JUMLAH		28	269,864
2016			
12.	Pembekalan Peralatan Komputer	4	50,625
13.	Pembekalan Alat Ganti Kenderaan	11	59,813
14.	Perkhidmatan Penyenggaraan Tayar dan Tiub Kenderaan	11	54,293
JUMLAH		26	164,731
JUMLAH KESELURUHAN		68	638,573

Sumber: MPS

- d. Analisis Audit berdasarkan jadual di atas mendapati MPS telah memecahkecil 68 perolehan yang dibuat secara pembelian terus berjumlah RM638,573 bagi tahun 2014 hingga 2016. Berdasarkan sampel yang dipilih, pecah kecil perolehan tertinggi adalah bagi tahun 2015 melibatkan 28 perolehan berjumlah RM269,864. Perolehan kerja mengetuk, membina dan mengecat badan kenderaan pada tahun 2014 merupakan jenis item pecah kecil tertinggi dengan nilai perolehan RM109,260.
- e. Analisis lanjut berhubung sebahagian perolehan yang dipecahkecil turut mendapati wujud perbezaan harga terendah dibandingkan dengan harga tertinggi antara RM16 hingga RM880 seunit bagi setiap item yang sama berdasarkan sampel yang dipilih. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.17
PERBEZAAN HARGA BAGI ITEM PEROLEHAN YANG DIPECAHKECIL

BIL.	BUTIRAN PEROLEHAN	NO./TARIKH BAUCAR	PERIHAL ITEM	HARGA SEUNIT (RM)	PERBEZAAN HARGA/ SEUNIT* (RM)
1.	Pembekalan Peralatan Komputer	A0209534/08.09.2014	Hard Disk SATA 1TB	480	270
		A0207356/10.06.2014		580	
		A0205957/14.04.2014		750	
2.	Pembekalan dan Pemasangan Server	A0217220/11.06.2015	ML310e GEN8	17,600	600
		A0225472/14.01.2016		18,200	
3.	Kerja Pendawaian Kabel Rangkaian CAT 5E	A0218100/03.07.2015	Kabel 25-35 Meter	350	50
		A0214512/11.03.2015		380	
		A0217857/25.06.2015		400	
4.	Membekal dan Menukar Tayar Kenderaan	A0229783/02.06.2016	195/R15	534	16
		A0230120/13.06.2016		519	
		A0230121/13.06.2016		518	
		A0233798/19.10.2016		532	
		A0229782/02.06.2016	16.9/14-28	2,700	195
		A0230134/13.06.2016		2,895	
		A0229782/02.06.2016	900/16	1,100	880
		A0230134/13.06.2016		1,980	
5.	Membekal Alat Ganti Kenderaan	A0226062/22.01.2016	Oil filter (Toyota Hilux)	28.62	15.48
		A0232337/24.08.2016		34.10	
		A0232342/24.08.2016		44.10	
		A0226062/22.01.2016	Fuel filter (Toyota Hilux)	95.40	31.80
		A0232337/24.08.2016		127.20	
		A0232342/24.08.2016		101.76	
		A0226062/22.01.2016	Air filter (Toyota Hilux)	119.25	25.44
		A0232337/24.08.2016		101.76	
		A0232342/24.08.2016		127.20	
		A0232335/24.08.2016	Towing cylinder seal kit and repair (HICOM)	629.28	27.20
		A0232338/24.08.2016		602.08	
		A0232335/24.08.2016	Battery with acid (NS70)	475.41	150.00
		A0232342/24.08.2016		325.41	
		A0226062/22.01.2016	Battery with acid (N70Z)	513.50	150.00
		A0232345/24.08.2016		363.50	
		A0226063/22.01.2016	Air filter (Kia Pergio)	76.32	16.08
		A0232345/24.08.2016		60.24	
		A0232338/24.08.2016	Oil filter (Isuzu FSR)	27.14	26.56
		A0232345/24.08.2016		53.70	
		A0232338/24.08.2016	Fuel filter (Isuzu FSR)	20.35	27.38
A0232345/24.08.2016	47.73				

Sumber: MPS

Nota: *- Perbezaan Harga Dibuat Berdasarkan Perbandingan Harga Tertinggi Dengan Harga Terendah Bagi Item yang Sama

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017

MPS telah mengambil tindakan melaksanakan perolehan secara sebut harga berhubung pembelian stok dan bekalan komputer, perkhidmatan membaik pulih peralatan ICT dan kerja pendawaian kabel rangkaian. Selain itu, MPS turut melantik syarikat panel bagi pembekalan alat ganti kenderaan dan tayar serta perkhidmatan penyenggaraan kenderaan bagi memastikan perkara tidak berulang.

Pada pendapat Audit, proses perolehan yang dilaksanakan adalah tidak memuaskan kerana perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja telah dipecahkecil melibatkan nilai berjumlah RM638,573.

1.5.4.5. Pembelian Tong Sampah Berkapasiti 70 Liter

- a. Mengikut 1PP, PK 2.1 mengenai Tatacara Perolehan Kerajaan di mana agensi perlulah membuat perancangan perolehan bagi mengawal kos dan menangani masalah dalam melaksanakan sesuatu perolehan. Perancangan kerja perolehan mesti dirancang dengan teliti dan mengambil kira keadaan persekitaran serta keperluan semasa agar sesuatu perolehan dapat digunakan secara optimum selain mencapai objektif perolehan.
- b. Pada bulan Januari 2015, MPS telah melaksanakan perolehan bagi pembekalan 690 unit tong sampah (RM72 seunit) berkapasiti 70 liter melibatkan nilai perolehan sejumlah RM49,780. Perolehan pembekalan tong sampah ini dibuat untuk diedarkan ke kawasan perumahan atau taman di bawah pentadbiran MPS bertujuan menggalakkan penduduk mengasingkan sampah dan mengamalkan kitar semula.
- c. Pemeriksaan Audit pada 21 Mac 2017 di Stor Kesihatan Awam MPS mendapati, baki 232 (33.6%) unit tong sampah bernilai RM16,738 yang diterima pada bulan Januari 2015 masih belum diedarkan iaitu selepas 805 hari diterima. Selain itu, pihak Audit turut mendapati baki tong sampah telah diletakkan di kawasan terbuka dan menjejaskan kualiti dan ketahanan tong sampah tersebut dalam tempoh yang panjang akibat terdedah kepada cuaca panas dan hujan seperti di gambar berikut:

GAMBAR 1.7



**Stor Kesihatan Awam MPS
- Baki Tong Sampah yang Belum Diagih dan
Diletakkan di Kawasan Terbuka
(21.3.2017)**

GAMBAR 1.8



**Stor Kesihatan Awam MPS
- Tong Sampah Kotor dan Diselaputi Tanah
(21.3.2017)**

- d. Pihak Audit juga tidak dapat memastikan program pengasingan sisa yang dirancang dan dilaksanakan telah mencapai sasaran yang ditetapkan berikutan tiada rekod penilaian program dikemukakan walaupun sejumlah RM49,780 telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut. Selain itu, tiada rekod dikemukakan bagi mengesahkan bahawa edaran sejumlah 458 unit tong telah dilaksanakan secara teratur.
- e. Tindakan MPS melaksanakan perolehan tong sampah dalam kuantiti yang banyak tanpa perancangan teliti dari segi keperluan sebenar dan lokasi untuk diedarkan telah menyebabkan sebahagian daripada tong sampah yang diterima terbiar tanpa penjagaan sewajarnya. Amalan sebegini adalah tidak wajar dan merugikan MPS.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017 dan 13 Oktober 2017

Selepas teguran pihak Audit, MPS telah mengambil tindakan mengedarkan kesemua baki tong sampah secara berperingkat pada bulan Mei dan Jun 2017.

Selain itu, Mesyuarat Majlis MPS Bil. 8/2017 yang bersidang pada bulan Ogos 2017 telah memperaku dan mengesahkan perolehan pembekalan 690 unit tong berkapasiti 70 liter secara pembelian terus yang dibekalkan pada bulan Januari 2015.

Pada pendapat Audit, baki tong sampah yang tidak diedarkan dan terbiar tanpa penjagaan dan pengawasan adalah satu pembaziran wang awam serta tidak mencapai objektif perolehan yang ditetapkan.

1.5.4.6. Kerja Pembaikan Menara Tali Rentas di Taman Rimba Bukit Lagong

- a. Semua perolehan yang dibuat hendaklah diguna dan diuruskan dengan cekap dan teratur bagi mengelakkan daripada berlakunya pembaziran. Pada bulan September 2014, MPS telah melaksanakan perolehan bagi kerja pembaikan menara tali rentas yang digunakan bagi aktiviti *flying fox*, *wall climbing* dan *abseiling* di Taman Rimba Bukit Lagong melibatkan nilai perolehan sejumlah RM97,350. Antara skop kerja yang dilaksanakan termasuklah pembaikan terhadap menara utama, *flying fox zip line*, *abseiling plank* dan *artificial climbing wall* selain pengesahan sijil keselamatan daripada pihak berwajib.
- b. Pada bulan Januari 2015, MPS telah melantik syarikat pengendali swasta sebagai panel program aktiviti luar bagi menjalankan operasi kemudahan aktiviti *flying fox*, *wall climbing* dan *abseiling* di Taman Rimba Bukit Lagong bagi tempoh selama lima tahun mulai bulan Januari 2015. Bagaimanapun, tiada perjanjian dimuktamadkan berhubung pelantikan syarikat tersebut dan pihak Audit turut mendapati syarikat pengendali telah menarik diri daripada beroperasi pada bulan Januari 2016. Jumlah pendapatan daripada penyediaan kemudahan aktiviti *flying fox*, *wall climbing* dan *abseiling* yang disediakan oleh MPS sepanjang tempoh syarikat pengendali menjalankan operasi adalah berjumlah RM10,149 yang terdiri daripada bayaran tetap sejumlah RM800 setiap bulan dan perkongsian keuntungan pada kadar 30% bagi setiap penganjuran aktiviti.
- c. Semakan Audit mendapati, pengesahan sijil keselamatan daripada pihak berwajib telah tamat tempoh pada bulan November 2015 dan tiada permohonan baru dibuat bagi mendapatkan pengesahan semula tahap keselamatan terhadap kemudahan tersebut. Semakan lanjut mendapati kali terakhir kemudahan menara tali rentas tersebut digunakan adalah pada bulan Disember 2015. **Gambar 1.9** dan **Gambar 1.10** menunjukkan menara tali rentas dan struktur pendaratan bagi kemudahan aktiviti *flying fox*.

GAMBAR 1.9



Taman Rimba Bukit Lagong
- Struktur Menara Tali Rentas
(17.4.2017)

GAMBAR 1.10



Taman Rimba Bukit Lagong
- Struktur Pendaratan Flying Fox
(17.4.2017)

- d. Tanpa pengesahan keselamatan daripada pihak berwajib, MPS tidak dapat menggunakan kemudahan fasiliti bagi tujuan penjanaaan pendapatan walaupun kos perolehan sejumlah RM97,350 telah dibelanjakan oleh MPS bagi tujuan tersebut.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017, 25 Ogos 2017 dan 13 Oktober 2017

MPS menjelaskan tindakan pembaharuan sijil keselamatan kemudahan Menara Tali Rentas tidak dilaksanakan berikutan kemudahan fasiliti telah ditutup bagi memberi laluan kepada projek pembinaan penginapan dan baik pulih kemudahan awam di lokasi yang sama yang telah diperakukan siap pada bulan Oktober 2016. Proses pembaharuan sijil keselamatan kemudahan Menara Tali Rentas dan pelantikan perunding kompeten yang bertauliah akan dibuat pada bulan Ogos 2017.

Pada bulan Oktober 2017, MPS telah mengambil tindakan memulakan prosiding tatatertib terhadap pegawai bertanggungjawab. Keputusan hukuman oleh Mesyuarat Lembaga Tatatertib dijangka pada bulan Disember 2017.

Pada pendapat Audit, perolehan sejumlah RM97,350 terhadap kemudahan menara tali rentas milik MPS adalah tidak memuaskan berikutan kemudahan yang disediakan tidak dapat digunakan sejak bulan Disember 2015 susulan sijil pengesahan keselamatan yang telah tamat tempoh. Selain itu, kemudahan yang tidak dapat dimanfaatkan bagi tujuan penjanaaan pendapatan juga merupakan satu kerugian kepada MPS.

1.5.4.7. Perkhidmatan Pembersihan Kawasan

- a. Setiap perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan hendaklah dilaksanakan secara ekonomik dan dipantau dengan teliti bagi memastikan kualiti kerja, bekalan dan perkhidmatan yang dilaksana dan disempurnakan sebagaimana yang dikehendaki dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
- b. MPS melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan bertanggungjawab memastikan kerja pengurusan perkhidmatan pembersihan kawasan diuruskan dengan teratur dan sempurna. Manakala penyenggaraan lanskap dan pembersihan kawasan di Taman Rimba Templer adalah di bawah seliaan Jabatan Lanskap MPS.
- c. Hasil pemeriksaan fizikal pada bulan April dan Mei 2017 terhadap tiga perolehan perkhidmatan pembersihan kawasan dengan nilai perolehan

berjumlah RM2.47 juta serta satu perolehan bagi penyenggaraan lanskap dan pembersihan kawasan Taman Rimba Templer dengan nilai perolehan sejumlah RM254,088 mendapati, kerja pembersihan kawasan yang dilaksanakan kontraktor seperti di **Jadual 1.18** adalah kurang memuaskan kerana tidak mengikut spesifikasi dan jadual kerja yang ditetapkan seperti di **Gambar 1.11** hingga **Gambar 1.18**.

**JADUAL 1.18
BUTIRAN KONTRAKTOR PEMBERSIHAN KAWASAN
YANG TIDAK MELAKSANAKAN KERJA DENGAN MEMUASKAN**

BIL.	NO. RUJUKAN PEROLEHAN	NILAI KONTRAK (RM Juta)	KAWASAN	BAYARAN BULANAN (RM)
PEMBERSIHAN AWAM				
1.	MPS/T/27/15	0.64	Industri Tago (Komersial), Taman Wangsa Aman (Kediaman), Wangsa Permai (Kediaman & Komersial), Taman Industri KIP (Komersial) Jln Protokol Dr Wangsa Permai ke Tagoh (Komersial), Padang Bola Wangsa Permai, Padang Permainan (Jln 1/6 & Jln Wangsa 1/2D), Longkang Besar Jln 1/7, Rizab Surau KIP dan Kawasan Sekitar Untuk MPS (K4-Kepong)	17,932
2.	MPS/T/40/15	1.05	Kampung Laksamana (Kediaman & Komersial), Kg. Nakhoda (Kediaman & Komersial), Kampung Sungai Tua Baru (Kediaman), Taman Jasa (Kediaman & Komersial), Taman Villa Laksamana (Kediaman), Padang Bola Kampung Sungai Tua dan Kawasan Sekitar Untuk MPS (G2-Gombak)	29,215
3.	MPS/T/41/15	0.78	Batu Caves Centre Point (Komersial), Industri Taman Bolton (Komersial), Kg. Gombak Indah (Kediaman), Sunway BT. Caves (Komersial), Taman Bolton (Komersial), Cerun Jln. SM11 Taman Sunway Bt. Caves, Kawasan Lapang Taman Industri Bolton (Jalan TIB 2 & 2/3) dan Kawasan Sekitar untuk MPS (G3-Gombak)	21,778
JUMLAH		2.47		68,925
PEMBERSIHAN TAMAN RIMBA TEMPLER				
	MPS/SH/55/16	0.25	Penyenggaraan Lanskap dan Pembersihan di Taman Rimba Templer	10,587
JUMLAH		0.25		10,587

Sumber: MPS

GAMBAR 1.11



Taman Industri KIP (Komersial)
- Longkang yang Tidak Dibersihkan dan Tersumbat
(20.04.2017)

GAMBAR 1.12



Jalan Tago (Komersial)
- Sampah Sarap di Bebendul Jalan Tidak Dibersihkan
(20.04.2017)

GAMBAR 1.13



Taman Jasa, Batu Caves (Komersial)
- Longkang yang Tidak Dibersihkan dan Pengaliran Air Tersekat
(02.05.2017)

GAMBAR 1.14



GAMBAR 1.15



Jalan KIP 2, Kepong
- Iklan Haram di Kawasan Komersial Tidak Dibersihkan
(20.04.2017)

GAMBAR 1.16



Taman Bolton (Komersial), Batu Caves
- Longkang yang Tidak Dibersihkan dan Tersumbat
(27.04.2017)

GAMBAR 1.17



Taman Rimba Templer
- Longgokkan Sampah Sarap di Tapak BBQ Tidak Dibersihkan
(26.04.2017)

GAMBAR 1.18



Taman Rimba Templer
- Sebahagian Tempat Duduk Ditumbuhi Dengan Pokok dan Tidak Dipotong/Dibersihkan
(26.04.2017)

- d. Pada pandangan Audit semasa pemeriksaan fizikal dilakukan, keadaan lokasi menunjukkan ketidakpatuhan spesifikasi perkhidmatan telah berlarutan dalam tempoh yang lama.
- e. Perkara di atas berlaku disebabkan kelemahan dalam aspek pemantauan oleh pihak MPS terhadap pelaksanaan kerja pembersihan kawasan oleh kontraktor yang dilantik. Akibat daripada ketidakpatuhan ini telah menyebabkan matlamat kontrak pembersihan tidak tercapai, imej MPS

terjejas dan kerugian sekiranya tindakan pemotongan bayaran tidak dikenakan kepada kontraktor terlibat.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017 dan 25 Ogos 2017

MPS telah mengambil tindakan untuk membuat potongan bayaran sejumlah RM14,792 berhubung ketidakpatuhan spesifikasi dan jadual kerja perkhidmatan pembersihan kawasan dan penyenggaraan lanskap selepas teguran oleh pihak Audit.

Pada pendapat Audit, aspek pemantauan terhadap pelaksanaan perolehan perkhidmatan pembersihan kawasan MPS adalah lemah dan tidak memuaskan kerana berlaku ketidakpatuhan dalam pelaksanaan kerja terhadap spesifikasi dan jadual kerja yang ditetapkan.

1.5.4.8. Kerja Pembinaan Penginapan dan Baik Pulih Kemudahan Awam di Taman Rimba Bukit Lagong

- a. Arahan Perbendaharaan 99(e)(ii) menetapkan sesuatu bayaran kemajuan bagi kerja hendaklah diperakukan mengikut nilai kerja setakat mana yang telah dilaksanakan atau nilai bahan yang sebenarnya dibekalkan. Manakala mengikut AP 202.1(a) Arahan Perubahan Kerja (APK) bermaksud sebarang penyimpangan daripada perjanjian kontrak berkaitan dengan pelan, spesifikasi atau senarai kuantiti sama ada dipinda, ditambah atau dikurangkan perlu mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan.
- b. MPS telah melaksanakan perolehan kerja bagi projek pembinaan penginapan dan baik pulih kemudahan awam di Taman Rimba Bukit Lagong melibatkan nilai perolehan sejumlah RM749,070 yang dilaksanakan melalui tender dan perakuan kerja siap pada 17 Oktober 2016. Bayaran muktamad bagi keseluruhan projek telah disemak dan diselesaikan pada bulan Disember 2016.
- c. Pemeriksaan fizikal Audit pada 17 April 2017 mendapati item sejumlah RM6,960 yang ditetapkan dalam Senarai Kuantiti dokumen tender tidak dibekalkan. Manakala item sejumlah RM16,410 dalam Senarai Kuantiti telah ditukar dan dikontrakan kepada item lain namun tiada kelulusan APK. Butiran lanjut seperti di **Jadual 1.19** dan **Gambar 1.19** hingga **Gambar 1.23**.

JADUAL 1.19

PEROLEHAN YANG TIDAK DIBEKALKAN DAN PERUBAHAN KERJA YANG TIDAK DILULUSKAN

BIL.	PERIHAL KERJA	SENARAI KUANTITI		PEMERIKSAAN FIZIKAL			PERUBAHAN KERJA YANG TIADA KELULUSAN
		KUANTITI (Unit)	HARGA SEUNIT (RM)	SEBENAR BEKAL (Unit)	TIDAK DIBEKAL (Unit)	JUMLAH (RM)	
1.	Kerja membekal dan memasang cermin muka (Ukuran 500mm x 700mm) (empat unit kabin) di dalam ruang dalaman tandas (<i>container cabin chalet – eksekutif</i>)	4	100	0	4	400	Tidak Berkenaan
2.	Kerja membekal dan memasang papan tanda berukuran 1500mm x 900mm	3	2,000	0	3	6,000	
3.	Kerja membekal dan memasang daun pintu 750mm x 2100 jenis PVC	24	140	20	4	560	
JUMLAH						6,960	
4.	Kerja membekal dan memasang peralatan sanitasi untuk tandas perkhemahan perempuan termasuk segala aksesori kelengkapan pemasangan dan kerja yang berkaitan: i. <i>PVC bottle trap</i> ii. <i>Basin tap long nose</i>	8	20	6	2	40	Membekal dan memasang empat unit cermin muka
		8	60	6	2	120	
5.	Kerja membekal dan memasang peralatan sanitasi untuk tandas perkhemahan lelaki termasuk segala aksesori kelengkapan pemasangan dan kerja yang berkaitan: i. <i>PVC bottle trap</i> ii. <i>Basin tap long nose</i> iii. <i>Shower rose</i>	8	20	6	2	40	Membekal dan memasang empat unit cermin muka dan tiga unit <i>urinal basin</i>
		8	60	6	2	120	
		18	30	15	3	90	
6.	Kerja membuka dan membina baru semula jambatan di lokasi sedia ada (Ukuran 10 meter x 2 meter)	2	16,000	1	1	16,000	Satu unit jambatan dibina dengan keluasan dua unit jambatan bagi memudahkan keluar masuk kenderaan
JUMLAH						16,410	
JUMLAH KESELURUHAN						23,370	

Sumber: MPS


- d. Berdasarkan jadual di atas, bekalan peralatan sanitari yang kurang dibekal di tandas perkhemahan perempuan dan lelaki telah dikontra dengan empat unit cermin muka masing-masing di tandas perkhemahan perempuan dan lelaki serta tiga unit *urinal basin* di tandas perkhemahan lelaki. Manakala, dua unit jambatan yang sepatutnya dibina telah diganti melalui pembinaan satu jambatan dengan pertambahan ukuran luas jambatan.
- e. Pihak Audit turut mendapati tiada penilaian semula dibuat terhadap harga kerja kesemua item yang telah dikontra bagi memastikan harga penggantian item tersebut adalah setara dengan harga item yang sepatutnya dibekalkan seperti dalam Senarai Kuantiti.

GAMBAR 1.19



**Taman Rimba Bukit Lagong
- Cermin Muka yang Tidak Dibekalkan
(17.04.2017)**

GAMBAR 1.20



**Taman Rimba Bukit Lagong
- Cermin Muka Telah Dipasang
(17.04.2017)**

GAMBAR 1.21



**Taman Rimba Bukit Lagong
- Papan Tanda Tidak Dibekalkan
(17.04.2017)**

GAMBAR 1.22



**Taman Rimba Bukit Lagong
- Papan Tanda Telah Dipasang
(17.04.2017)**



GAMBAR 1.23

**Taman Rimba Bukit Lagong
- Pembinaan Satu Unit Jambatan Menggantikan Dua
Unit Jambatan
(17.04.2017)**

- f. Perkara di atas berlaku disebabkan kelemahan dalam aspek pemantauan oleh MPS terhadap pelaksanaan kerja oleh kontraktor yang dilantik serta pemeriksaan akhir oleh pegawai bertanggungjawab sebelum Perakuan Kerja Siap dikeluarkan. Ketidapatuhan ini menyebabkan kerugian kepada MPS sekiranya bekalan yang sepatutnya dibekalkan tidak dibekalkan, penggantian item yang dibuat tidak setara dan tiada potongan bayaran dikenakan ke atas kontraktor bagi bekalan yang tidak diterima.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017 dan 25 Ogos 2017

MPS telah mengambil tindakan mengarahkan kontraktor memasang tiga papan tanda dan empat cermin muka yang tidak dibekalkan selepas

teguran Audit. Selain itu, MPS turut menjelaskan empat daun pintu bersaiz 750mm x 2100 jenis PVC yang tidak dibekalkan telah dipasang di tandas surau Taman Rimba Bukit Lagong bagi menggantikan pintu sedia ada yang rosak. Manakala APK berhubung perubahan kuantiti yang sepatutnya dilaksanakan seperti dalam Senarai Kuantiti asal telah diluluskan pada bulan Jun 2017.

Pada pendapat Audit, pemantauan pelaksanaan projek kerja pembinaan penginapan dan baik pulih kemudahan awam di Taman Rimba Bukit Lagong adalah tidak memuaskan kerana ketidakpatuhan terhadap spesifikasi kerja yang ditetapkan dan perubahan kuantiti di tapak bina yang tidak mendapat kelulusan daripada Pegawai Penguasa.

1.5.4.9. Kerja Mereka Bentuk dan Membina 60 Unit Gerai, Dua Unit Surau, Dua Unit Tandas dan Satu Unit Rumah Sampah di Taman Greenwood

- a. Setiap perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan hendaklah dilaksanakan secara ekonomik dan dipantau dengan teliti bagi memastikan kualiti kerja, bekalan dan perkhidmatan yang dilaksana telah disempurnakan sebagaimana yang dikehendaki dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
- b. MPS telah melaksanakan perolehan projek mereka bentuk dan membina medan selera yang mengandungi 60 unit gerai, dua unit surau, dua unit tandas dan satu unit rumah sampah di Taman Greenwood, Gombak dengan nilai perolehan sejumlah RM1.96 juta secara tender pada bulan Mei 2014. Tempoh kontrak ditetapkan selama lapan bulan dan projek dijangka siap pada bulan Januari 2015. Projek telah dijalankan secara berfasa susulan proses pembinaan melibatkan perpindahan peniaga gerai sedia ada di tapak yang dilaksanakan secara berperingkat.
- c. Semakan Audit mendapati MPS telah meluluskan EOT pada 1 April 2016 melibatkan tempoh EOT selama 669 hari (mulai 16 Januari 2015 hingga 14 November 2016). Bagaimanapun semasa pemeriksaan Audit dijalankan pada bulan Mei 2017, pihak Audit mendapati projek masih belum siap dan peratus sebenar kerja siap di tapak adalah pada 62.5%. Pihak MPS menjelaskan antara punca kelewatan adalah disebabkan perubahan reka bentuk dan masalah perpindahan peniaga gerai di tapak. Butiran lanjut bagi projek ini adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.20
PEROLEHAN KERJA MEREKA BENTUK DAN MEMBINA
60 UNIT GERAI, DUA UNIT SURAU, DUA UNIT TANDAS DAN SATU UNIT
RUMAH SAMPAH DI TAMAN GREENWOOD

Nilai Kontrak	RM1.69 juta
Kaedah Pelaksanaan Projek	Mereka Bentuk dan Membina (<i>Design and Built</i>)
Tempoh Kontrak	8 Bulan
Tarikh Milik Tapak	16 Mei 2014
Tarikh Sepatut Siap	15 Januari 2015
Tarikh Kelulusan EOT	1 April 2016
Tempoh EOT Diluluskan	669 Hari (Sehingga 14 November 2016)
Peratus Sebenar Kerja Siap Sehingga Bulan Mei 2017	62.5%
Kelewatan Sehingga Bulan Mei 2017 (selepas tempoh EOT berakhir)	197 Hari

Sumber:MPS

- d. Pemeriksaan fizikal Audit pada bulan Mei 2017 mendapati penggunaan kualiti bahan pembinaan adalah kurang memuaskan di mana *aluminium louvres* bahagian dalam dinding tepi gerai didapati telah berkarat dan pemasangan skru pada plat keluli struktur kekuda bumbung tidak sempurna di gerai Fasa Satu. Bagi gerai Fasa Dua yang sedang dalam proses pembinaan, pihak Audit mendapati kedudukan lubang perangkap lantai di tandas lelaki dan perempuan tidak dibuat mengikut kedudukan yang ditetapkan seperti dalam lukisan senibina. Selain itu, tiada lubang perangkap lantai dibuat untuk membolehkan aliran air keluar bagi sinki dalam tandas lelaki dan surau lelaki. **Gambar 1.24** hingga **Gambar 1.29** adalah berkaitan.

GAMBAR 1.24



Gerai Fasa Satu, Taman Greenwood
 - *Aluminium Louvres* pada Dinding Tepi Bahagian Dalam Gerai Telah Berkarat
 (09.05.2017)

GAMBAR 1.25




Gerai Fasa Satu, Taman Greenwood
 - Pemasangan Skru pada Plat Keluli Struktur Kekuda Bumbung Tidak Sempurna
 (09.05.2017)

GAMBAR 1.26



Gerai Fasa Dua, Taman Greenwood
- Kedudukan Lubang Perangkap Lantai
di Tandas Perempuan Tidak Mengikut
Lukisan Senibina
(09.05.2017)

GAMBAR 1.27



Gerai Fasa Dua, Taman Greenwood
- Kedudukan Lubang Perangkap Lantai
Seperti Dalam Lukisan Senibina
(09.05.2017)

GAMBAR 1.28



Gerai Fasa Dua, Taman Greenwood
- Tiada Lubang Perangkap Lantai Dibina Seperti Dalam Lukisan Senibina
(09.05.2017)

GAMBAR 1.29



- e. Kerja yang tidak mengikut spesifikasi dan penggunaan kualiti bahan binaan yang kurang memuaskan menyebabkan tempoh hayat binaan berkurang dan keselesaan pengguna terganggu sekiranya tidak ditambah baik. Selain itu, tempoh pembinaan yang lama menyebabkan kemudahan gerai tidak dapat dimanfaatkan oleh orang awam dan MPS tidak dapat menjana pendapatan melalui penyewaan gerai.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017

MPS telah mengeluarkan arahan kepada kontraktor terlibat untuk membaik pulih aluminium louvres pada dinding tepi bahagian dalam gerai telah berkarat dan pemasangan skru pada plat keluli struktur kekuda bumbung tidak sempurna pada bulan Jun 2017. Teguran Audit berhubung kedudukan lubang perangkap lantai di tandas lelaki dan perempuan tidak dibuat mengikut kedudukan yang ditetapkan seperti dalam lukisan senibina serta tiada lubang perangkap lantai dibuat untuk membolehkan aliran air keluar bagi sinki dalam tandas dan surau lelaki telah diambil tindakan melalui arahan secara bertulis kepada pihak kontraktor pada bulan Jun 2017.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan perolehan yang tidak mengikut spesifikasi dan tempoh siap projek yang terlalu lama adalah tidak memuaskan menyebabkan kemudahan gerai tidak dapat dimanfaatkan oleh orang awam serta menjejaskan imej MPS.

1.5.4.10. Perakuan Kesempurnaan Bekalan, Perkhidmatan Atau Kerja Bagi Tujuan Pembayaran

Arahan Perbendaharaan 99(e)(i) dan (ii) menetapkan baucar bayaran bagi bekalan, perkhidmatan atau kerja hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa bekalan, perkhidmatan atau kerja itu telah dilaksanakan dengan sempurna. Selain itu, sesuatu bayaran kemajuan bagi kerja hendaklah diperakukan mengikut nilai kerja setakat mana yang telah dilaksanakan atau nilai bahan yang sebenarnya dibekalkan.

a. Bayaran Bagi Perolehan Perkhidmatan yang Dilaksana

- i. Jawatankuasa Tender MPS telah melantik syarikat bagi Perkhidmatan Pembersihan di Industri Tago (Komersial), Taman Wangsa Aman (Kediaman), Wangsa Permai (Kediaman & Komersial), Industri KIP (Komersial) Jln Protokol Dr Wangsa Permai ke Tagoh (Komersial), Padang Bola Wangsa Permai, Padang Permainan (Jln 1/6 & Jln Wangsa 1/2D), Longkang Besar Jln 1/7, Rizab Surau KIP dan Kawasan Sekitar selama tiga tahun mulai bulan Jun 2015 dengan bayaran berjumlah RM17,932.32 sebulan. Bagaimanapun, MPS telah menamatkan perkhidmatan syarikat tersebut pada bulan Ogos 2016 susulan kegagalan syarikat melaksanakan kerja pembersihan dan tidak mengikut jadual kerja yang ditetapkan. MPS seterusnya telah melantik syarikat lain bagi kerja bantuan (*back-up*) dengan bayaran RM21,879.62 sebulan mulai bulan September 2016 hingga Februari 2017. Bagi perolehan perkhidmatan pembersihan tersebut, antara skop kerja terlibat adalah pemotongan rumput di atas tanah rizab surau seluas satu ekar di Taman Perindustrian KIP dengan kos RM249 sebulan.
- ii. Pemeriksaan Audit pada 20 April 2017 mendapati kerja pemotongan rumput di tanah rizab Surau Taman Perindustrian KIP tidak dilaksanakan berikutan terdapat binaan di atas tanah rizab surau tersebut yang kini berpagar dan berada dalam kawasan persendirian. **Gambar 1.30** dan **Gambar 1.31** adalah berkaitan.
- iii. Semakan lanjut Audit mendapati binaan di atas tanah rizab surau tersebut adalah merupakan binaan bangunan tambahan yang tidak mendapat kelulusan Pelan Bangunan daripada Jabatan Bangunan MPS.

Berdasarkan semakan melalui khidmat aplikasi *Google Street View*, binaan tersebut telah berada di tapak tanah rizab surau sejak bulan Disember 2013.

GAMBAR 1.30



Tanah Rizab Surau, Taman Perindustrian KIP
- Binaan Bangunan Tambahan di Atas
Tanah Rizab Surau yang Telah Dipagar
(20.04.2017)

GAMBAR 1.31



Tanah Rizab Surau, Taman Perindustrian KIP
- Binaan Bangunan Tambahan di Atas
Tanah Rizab Surau yang Tidak Mendapat
Kelulusan Pelan Bangunan MPS
(20.04.2017)

- iv. Sepanjang tempoh kontrak perolehan pembersihan tersebut, semakan Audit mendapati tiada potongan bayaran dibuat walaupun kerja pemotongan rumput di atas tanah rizab surau tidak dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik. Berdasarkan pengiraan Audit, bagi bulan Jun 2015 hingga Februari 2017 bayaran sejumlah RM5,229 telah dibuat terhadap kerja yang tidak dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.21
ANGGARAN KERUGIAN BAGI KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN

BUTIRAN PEROLEHAN	TEMPOH	ANGGARAN KERUGIAN (RM)
Perkhidmatan Pembersihan di Industri Tago (Komersial), Taman Wangsa Aman (Kediaman), Wangsa Permai (Kediaman & Komersial), Industri KIP (Komersial) Jln Protokol Dr Wangsa Permai ke Tagoh (Komersial), Padang Bola Wangsa Permai, Padang Permainan (Jln 1/6 & Jln Wangsa 1/2D), Longkang Besar Jln 1/7, Rizab Surau KIP dan Kawasan Sekitar	Jun 2015 hingga Ogos 2016 (15 bulan)	3,735
	September 2016 hingga Februari 2017 (6 bulan)	1,494
JUMLAH		5,229

Sumber: MPS

- v. Perkara di atas berlaku disebabkan kelemahan dalam aspek pemantauan terhadap pelaksanaan kerja pembersihan kawasan oleh kontraktor yang dilantik. Selain itu, pihak Audit juga turut mendapati kelemahan dalam penyediaan dokumen tender iaitu dari aspek penyediaan *Bill Of Quantities* (BQ) yang melibatkan keseluruhan status tanah bagi inventori kawasan di bawah pentadbiran MPS.
- vi. Pembayaran yang dibuat ke atas kerja yang tidak dilaksanakan merupakan satu bentuk *improper payment* dan telah menyebabkan kerugian kepada MPS.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017, 25 Ogos 2017 dan 13 Oktober 2017

MPS akan mengambil tindakan mengenakan potongan ke atas pegangan Wang Cagaran terhadap perkhidmatan memotong rumput di tanah rizab surau yang tidak dilaksanakan bagi tempoh Jun 2015 hingga Ogos 2016. Manakala potongan bayaran ke atas perkhidmatan yang tidak dilaksanakan bagi tempoh September 2016 hingga Februari 2017 telah dibuat pada bulan Jun 2017.

Pada bulan Oktober 2017, MPS telah mengambil tindakan memulakan prosiding tatatertib terhadap pegawai bertanggungjawab. Keputusan hukuman oleh Mesyuarat Lembaga Tatatertib dijangka pada bulan Disember 2017.

Pada pendapat Audit, perakuan pembayaran ke atas kerja yang tidak dilaksanakan merupakan satu bentuk *improper payment* yang merugikan MPS.

b. Bayaran Terhadap Perolehan Kerja/Bekalan/Perkhidmatan

i. Perolehan Pembelian Server Sim dan Perisian Oracle Database Berlesen

- MPS telah melantik syarikat pembekal melalui sebut harga bagi pembelian *server sim* dan perisian *Oracle Database* berlesen pada bulan Jun 2014 dengan nilai perolehan berjumlah RM239,175.
- Semakan Audit mendapati MPS tidak menetapkan jadual pembayaran mengikut peringkat pelaksanaan perkhidmatan kepada syarikat semasa pelantikan dibuat. Sebaliknya pembayaran bagi perolehan di atas dibuat berdasarkan cadangan syarikat dan dipersetujui oleh Jabatan Teknologi Maklumat, MPS pada bulan Ogos 2014 iaitu selepas pelantikan syarikat dibuat.
- Semakan Audit selanjutnya mendapati, pembayaran bagi perolehan kepada syarikat berkenaan telah dibuat sebelum perkhidmatan disempurnakan. Berdasarkan Perakuan Kerja Siap, pihak Audit mendapati pelaksanaan kerja telah diperakukan siap pada bulan Oktober 2015 dan tempoh penyenggaraan ditetapkan selama satu tahun sehingga Oktober 2016. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.22
BUTIRAN BAYARAN BAGI PEROLEHAN
SERVER SIM DAN PERISIAN ORACLE DATABASE BERLESEN

PERIHAL	(%)	AMAUN (RM)	TARIKH PENGESAHAN KERJA*	TARIKH BAYARAN	KESEMPURNAAN KERJA SEMASA BAYARAN DIBUAT (Ya/Tidak)
-Delivery & Installation of Hardware and Operating Sistem UAT - Oracle Installation System (Database & Form/Report)	40	95,670	08.08.2014	17.09.2014	Ya
-Workshop -Coaching (Form & Report)	20	47,835	13.08.2014 Hingga 12.01.2015	17.09.2014	Tidak
- Delivery of Oracle License - UAT Sign-off and project Sign-off	20	47,835	21.09.2015	23.09.2014	Tidak
Maintenance 1 & 2	10	23,917	20.11.2015 & 05.04.2016	09.01.2016	Tidak
Maintenance 3 & 4	10	23,918	16.06.2016 & 01.09.2016	24.01.2016	Tidak
JUMLAH		239,175			

Sumber: MPS

Nota: *- Berdasarkan Tarikh pada Dokumen *User Acceptance Test, Oracle Forms & Report Deployment Services* dan *Maintenance Service Report*

- Berdasarkan jadual di atas, semakan Audit terhadap bayaran yang ditetapkan mendapati empat daripada lima pembayaran telah dibuat sebelum perkhidmatan disempurnakan melibatkan bayaran sejumlah RM143,505.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017, 25 Ogos 2017 dan 13 Oktober 2017

MPS menjelaskan bayaran terhadap khidmat penyenggaraan dibuat awal bagi membolehkan MPS mendapat khidmat 24 jam sehari. MPS turut mengambil langkah memastikan jadual pembayaran yang terperinci disediakan bagi pelaksanaan kerja penyenggaraan peralatan dan dan sistem serta melantik pegawai bertanggungjawab terhadap rekod penyenggaraan yang dilaksanakan oleh kontraktor dilantik pada masa hadapan.

Pada bulan Oktober 2017, MPS telah mengambil tindakan memulakan prosiding tatatertib terhadap pegawai bertanggungjawab. Keputusan hukuman oleh Mesyuarat Lembaga Tatatertib dijangka pada bulan Disember 2017.

Pada pendapat Audit, Pengesahan Kerja Siap berhubung perakuan pembayaran bagi kerja/perkhidmatan yang belum disempurnakan sepenuhnya adalah bertentangan dengan peraturan yang berkuatkuasa.

ii. Perolehan Perkhidmatan Pembangunan Aplikasi *Web Mapping*

- Pada bulan Disember 2015, MPS telah melantik syarikat pembekal bagi perolehan perkhidmatan pembangunan aplikasi *web mapping* dengan nilai perolehan sejumlah RM46,950. Berdasarkan tawaran sebut harga oleh syarikat antara perkara yang ditawarkan kepada MPS adalah, sekiranya MPS belum mempunyai *server hosting* GIS, aplikasi *web mapping* akan dimuat naik ke atas *server* perunding secara percuma selama satu tahun. Bagi perolehan di atas, Perakuan Kerja Siap telah disahkan pada bulan Disember 2015 dan pembayaran penuh dibuat pada bulan Januari 2016.
- Pada masa yang sama MPS turut melaksanakan perolehan secara pembelian terus bagi sewaan *server hosting* untuk aplikasi *web mapping* dan khidmat penyenggaraan aplikasi *web mapping* masing-masing berjumlah RM7,500. Pembayaran berjumlah RM15,000 bagi pembelian terus di atas telah dibuat pada bulan Januari 2016 bersama bayaran perolehan perkhidmatan pembangunan aplikasi *web mapping*. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.23
BUTIRAN BAYARAN BAGI PEROLEHAN PEROLEHAN
PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN APLIKASI *WEB MAPPING*

BUTIRAN PEROLEHAN	TARIKH PESANAN	AMAUN (RM)	TARIKH BAYARAN	TARIKH PENGESAHAN KERJA
Perkhidmatan pembangunan aplikasi <i>web mapping</i>	28.12.2015	46,950	07.01.2016	31.12.2015
Sewaan <i>server hosting</i> untuk aplikasi <i>web mapping</i> dan khidmat penyenggaraan aplikasi <i>web mapping</i>	28.12.2015	7,500	07.01.2016	31.12.2015
		7,500		
JUMLAH		61,950		

Sumber: MPS

- Semakan Audit mendapati perolehan dan bayaran bagi sewaan *server hosting* untuk aplikasi *web mapping* dengan nilai RM7,500 tidak sepatutnya dibuat kerana berdasarkan dokumen tawaran sebut harga, syarikat telah menawarkan sewaan server secara percuma selama satu tahun melalui perolehan perkhidmatan pembangunan aplikasi *web mapping*.
- Selain itu semakan Audit turut mendapati, bayaran pada 7 Januari 2016 bagi khidmat penyenggaraan aplikasi *web mapping* telah dibuat sebelum kerja penyenggaraan meliputi tempoh satu tahun mulai bulan Januari 2016 hingga Disember 2016 disempurnakan. Pihak Audit juga mendapati tiada sebarang laporan pengesahan kerja dikemukakan bagi menyokong khidmat penyenggaraan sistem dilaksanakan oleh syarikat pembekal bagi menyokong bayaran yang telah dibuat.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017, 25 Ogos 2017 dan 13 Oktober 2017

MPS menjelaskan sewaan server hosting untuk aplikasi web mapping secara percuma yang ditawarkan oleh syarikat tidak diterima pakai sebaliknya MPS memutuskan untuk menyewa server hosting yang khusus bagi tujuan keselamatan data. Selain itu, MPS turut menjelaskan bayaran terhadap khidmat penyenggaraan dibuat awal bagi membolehkan MPS mendapat khidmat 24 jam sehari. Kerja penyenggaraan sebenar aplikasi web mapping telah dilaksanakan pada bulan Jun dan Disember 2016.

Selanjutnya, Mesyuarat Majlis MPS Bil. 8/2017 yang bersidang pada bulan Ogos 2017 telah bersetuju dan meluluskan pelantikan syarikat bagi pelaksanaan dua kerja berbeza iaitu pembangunan Aplikasi Web Mapping GIS dan penyewaan hosting server.

Pada pendapat Audit, penyewaan *server hosting* lain atas alasan keselamatan data mencerminkan ketidakteitian dalam penetapan spesifikasi kontrak dan telah menyebabkan MPS menanggung tambahan kos sebanyak RM7,500.

iii. Perolehan Pembangunan Sistem Aplikasi *Charting Digital* Pelan Permohonan di Jabatan Perancang Bandar, MPS

- Pada bulan Disember 2016, MPS telah melantik syarikat pembekal bagi Pembangunan Sistem Aplikasi *Charting Digital* Pelan Permohonan berjumlah RM40,000. Skop kerja bagi perolehan tersebut antara lain melibatkan latihan penggunaan sistem aplikasi *charting digital* kepada lima kakitangan MPS dengan nilai RM4,000. Perakuan Kerja Siap bagi perolehan tersebut telah dibuat pada bulan Disember 2016 dan pembayaran penuh telah dibuat pada bulan Januari 2017.
- Semakan Audit mendapati latihan penggunaan sistem aplikasi *charting digital* kepada lima kakitangan MPS seperti yang ditetapkan dalam skop kerja tidak dilaksanakan sebelum pembayaran penuh dibuat.
- Selepas teguran pihak Audit, latihan penggunaan sistem aplikasi *charting digital* telah diadakan pada 13 Mac 2017 iaitu 66 hari selepas tarikh pembayaran.

1.5.4.11. Pembekalan Alat Komunikasi Mudah Alih Jenis Apple iPhone

a. Penggantian Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih

- i. Mesyuarat Pengurusan MPS Bil. 05/2013 bertarikh 20 Jun 2013 telah bersetuju berhubung pembekalan alat komunikasi mudah alih berjenama Apple iPhone 5 kepada 22 pegawai pengurusan MPS. Pembekalan alat ini adalah menjadi hak milik MPS dan didaftarkan sebagai harta modal MPS serta dilupuskan secara hadiah kepada pegawai yang menerimanya selepas tempoh satu tahun.
- ii. Selanjutnya pada bulan Mac 2015, kertas perakuan berhubung Cadangan Permohonan Pembekalan Alat Komunikasi Mudah Alih Kepada Pegawai-pegawai Pengurusan MPS bagi menggantikan Apple iPhone 5 yang dibekalkan pada tahun 2013 dengan model iPhone 6 atau iPhone 6 Plus telah diluluskan oleh Yang Dipertua.
- iii. Bagi tujuan penyediaan kemudahan alat komunikasi mudah alih ini, MPS telah membeli sejumlah 47 unit Apple iPhone pelbagai model antara tahun 2013 hingga 2016 dengan nilai perolehan berjumlah RM138,419 bagi kegunaan pegawai pengurusan.
- iv. Semakan Audit mendapati lapan daripada 27 unit Apple iPhone pelbagai model yang dibeli antara tahun 2014 hingga 2016 dengan nilai perolehan berjumlah RM34,367 tidak mematuhi tempoh penggunaan yang ditetapkan berhubung kemudahan alat komunikasi mudah alih yang disediakan kepada pegawai pengurusan MPS berikutan penggantian peralatan telah dibuat dalam tempoh kurang daripada satu tahun. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.24
PEROLEHAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH
ALIH JENIS APPLE IPHONE PADA TAHUN 2014 HINGGA 2016

BIL.	NO. BAUCAR/ TARIKH BAUCAR	MODEL APPLE IPHONE DIPEROLEH	KUANTITI (Unit)	AMAUN (RM)	TEMPOH PEROLEHAN DARI PEROLEHAN SEBELUMNYA (Bulan)	CATATAN
1.	A0210739 23.10.2014	iPhone 6 (64gb)	2	7,920	Tidak Berkenaan	Pengagihan empat unit alat komunikasi mudah alih telah dibuat kepada tiga pegawai MPS di mana: - Dua unit telah dibekalkan kepada pegawai yang sama masing-masing pada bulan Oktober 2014 dan Mac 2015. Bagaimanapun, satu unit alat komunikasi mudah alih berkenaan yang dibekalkan pada bulan Mac 2015 telah dilupuskan kepada pegawai tersebut yang berpindah pada bulan yang sama.
2.	A0215333 17.03.2015	iPhone 6 Plus (64gb)	2	7,398	5	

BIL.	NO. BAUCAR/ TARIKH BAUCAR	MODEL APPLE IPHONE DIPEROLEH	KUANTITI (Unit)	AMAUN (RM)	TEMPOH PEROLEHAN DARI PEROLEHAN SEBELUMNYA (Bulan)	CATATAN
						<ul style="list-style-type: none"> - Manakala satu unit alat kemudahan komunikasi mudah alih yang dibekalkan pada bulan Oktober 2014 telah dilupuskan secara hadiah kepada pegawai bersara pada bulan Januari 2015. - Satu unit alat kemudahan komunikasi mudah alih telah ditempatkan pada bulan Mac 2015 kepada pegawai yang menggantikan pegawai yang telah bersara.
JUMLAH			4	15,318		
3.	A0218102 03.07.2015	iPhone 6 Plus (128gb)	1	4,950	Tidak Berkenaan	Pengagihan empat unit alat komunikasi mudah alih telah dibuat kepada dua pegawai MPS di mana:
4.	A0229846 05.06.2016	iPhone 6 Plus (64gb)	1	4,199	11	<ul style="list-style-type: none"> - Tiga unit alat komunikasi mudah alih telah dibekalkan kepada pegawai yang sama masing-masing pada bulan Julai 2015, Jun 2016 dan Disember 2016.
5.	A0235819 20.12.2016	iPhone 7 (256gb)	2	9,900	6	<ul style="list-style-type: none"> - Satu unit telah diserahkan pada bulan Disember 2016 kepada pegawai yang masih memegang satu unit telefon yang telah dibekalkan terdahulu pada bulan Mac 2015.
JUMLAH			4	19,049		
JUMLAH KESELURUHAN			8	34,367		

Sumber: MPS

- v. Berdasarkan jadual di atas, pihak Audit mendapati tempoh penggantian alat kemudahan telekomunikasi mudah alih bagi lapan unit Apple iPhone adalah antara lima ke 11 bulan. Ini bertentangan dengan keputusan mesyuarat yang menetapkan tempoh pegangan selama satu tahun sebelum tindakan pelupusan dibuat. Tiada kelulusan khas diperolehi bagi perolehan peralatan tersebut.

Maklum Balas MPS yang Diterima pada 9 Ogos 2017, 25 Ogos 2017 dan 13 Oktober 2017

Pembelian telefon yang tidak mematuhi tempoh yang ditetapkan adalah berikutan masalah perisian peralatan (update IOS). Selain itu, alat komunikasi mudah alih yang ditempatkan melebihi satu unit bagi setiap pegawai pengurusan telah diambil tindakan melalui pemulangan kepada Jabatan Teknologi Maklumat, MPS.

Selanjutnya, Mesyuarat Majlis MPS Bil. 8/2017 yang bersidang pada bulan Ogos 2017 telah bersetuju dengan perolehan berhubung tiga perkara berikut:

- i. pembekalan alat telekomunikasi tersebut adalah merupakan aset MPS dan telah didaftarkan dalam Daftar Harta Modal MPS (KEW. PA-2);*
- ii. pelupusan yang dibuat ke atas aset majlis ini adalah dibenarkan kepada pegawai-pegawai MPS yang berkaitan; dan*
- iii. alat komunikasi adalah aset MPS dan ia bukanlah satu kemudahan kepada pegawai, maka penggantian yang dibuat oleh MPS adalah berdasarkan kepada keperluan ke atas jawatan pegawai yang berkenaan.*

Pada pendapat Audit, pengemaskinian perisian peralatan boleh dibuat secara atas talian. Kegagalan meneliti keperluan semasa pembelian alat komunikasi mudah alih telah mengakibatkan penggantian kemudahan peralatan tersebut kerana tidak mematuhi tempoh yang ditetapkan dan pembekalan melebihi bilangan ditentukan.

b. Pelupusan Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih

- i. Mengikut Perenggan 20 di dalam 1PP-AM 2.6 mengenai Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan berkaitan Pelupusan menetapkan pelupusan aset secara hadiah boleh dilaksanakan oleh agensi Kerajaan kepada mana-mana organisasi, pertubuhan sukarela atau badan-badan lain yang dianjurkan dan diiktiraf oleh Kerajaan. Kaedah pelupusan secara hadiah juga hendaklah berasaskan permohonan atau keperluan organisasi, pertubuhan sukarela atau badan-badan lain yang dianjurkan dan diiktiraf oleh Kerajaan.
- ii. Semakan Audit mendapati pelupusan 20 unit alat komunikasi yang dilaksanakan pada tahun 2015 adalah bertentangan dengan Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan berkaitan pelupusan. Ini berikutan pelupusan secara hadiah telah dibuat kepada pegawai MPS dan bukan kepada mana-mana organisasi, pertubuhan sukarela atau badan-badan lain yang dianjurkan dan diiktiraf oleh Kerajaan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.25
PELUPUSAN ALAT KOMUNIKASI
MUDAH ALIH KEPADA PEGAWAI PENGURUSAN MPS**

TARIKH PELUPUSAN	MODEL APPLE IPHONE YANG DILUPUSKAN	KUANTITI (Unit)	SEBAB PELUPUSAN	KAEDAH PELUPUSAN
16.03.2015	iPhone 5	18	Telah melebihi tempoh penggunaan satu tahun	Hadiah
26.01.2015	iPhone 6 (64gb)	1	Pegawai bersara	
27.03.2015	iPhone 6 Plus (64gb)	1	Pegawai berpindah	
JUMLAH		20		

Sumber: MPS

- iii. Semakan lanjut turut mendapati pelupusan alat komunikasi iPhone 6 Plus (64gb) secara hadiah kepada pegawai yang bertukar telah dibuat dalam tempoh sepuluh hari selepas peralatan diterima oleh MPS.
- iv. Pihak Audit turut mendapati, pemeriksaan oleh Lembaga Pemeriksa Pelupusan (LPP) bagi 20 unit alat komunikasi di atas telah dijalankan antara 210 hingga 270 hari selepas aset diluluskan untuk pelupusan. Ini bertentangan dengan peraturan yang menetapkan aset yang dicadang untuk dilupus hendaklah diperiksa terlebih dahulu sebelum dikemukakan kepada Yang Dipertua untuk kelulusan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.26
PELUPUSAN SECARA HADIAH ALAT KOMUNIKASI
MUDAH ALIH JENIS APPLE IPHONE PADA TAHUN 2014 HINGGA 2015**

BIL.	MODEL APPLE IPHONE YANG DILUPUSKAN	KUANTITI (Unit)	TARIKH KELULUSAN PELUPUSAN	TARIKH PEMERIKSAAN OLEH LEMBAGA PEMERIKSA PELUPUSAN	TEMPOH (Hari)
1.	iPhone 5	18	16.03.2015	23.10.2015	221
2.	iPhone 6 (64gb)	1	26.01.2015	23.10.2015	270
3.	iPhone 6 Plus (64gb)	1	27.03.2015	23.10.2015	210
JUMLAH		20			

Sumber: MPS

Maklum Balas MPS yang Diterima Pada 9 Ogos 2017

MPS menjelaskan pelupusan secara fizikal 18 unit iPhone 5 tidak dapat dijalankan sehingga penggantian telefon yang baru bagi menggantikan iPhone 5 yang hanya diperolehi pada bulan September 2015.

Pada pendapat Audit, kaedah pelupusan kemudahan alat komunikasi adalah tidak memuaskan kerana kaedah pelupusan secara hadiah adalah bertentangan dengan peraturan yang berkuatkuasa.

1.6. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan dan memastikan pengurusan perolehan dapat dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta mendapat *value for money* bagi perbelanjaan wang awam yang dibelanjakan, Majlis Perbandaran Selayang disyor untuk mempertimbangkan perkara berikut:

1.6.1. memastikan kontraktor/pembekal dilantik mematuhi peraturan yang berkuatkuasa. Sebelum proses pelantikan bermula, MPS perlu merancang perolehan dengan lebih cekap untuk memastikan objektif perolehan tercapai dengan kos yang minimum dan tiada pembaziran wang awam;

1.6.2. memastikan tindakan untuk mendapatkan kelulusan Mesyuarat Majlis selepas berlaku ketidakpatuhan atau pelanggaran pekeliling berkuatkuasa perlu dielakkan dan tidak dijadikan amalan;

1.6.3. meningkatkan pemantauan secara tetap dan berkala terhadap setiap perolehan semasa pelaksanaan kerja oleh kontraktor/pembekal supaya kerja dapat disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, tindakan sewajarnya diambil terhadap kontraktor/pembekal yang gagal berbuat demikian;

1.6.4. memastikan spesifikasi perolehan disediakan secara terperinci supaya kontraktor/pembekal dapat melaksanakannya mengikut ketetapan dan berkualiti;

1.6.5. memastikan latihan yang berterusan dan bersesuaian perlu diberikan kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi meningkatkan tahap pengetahuan serta kemahiran kerja; dan

1.6.6. memastikan kemudahan yang dibina dan pembekalan yang dibuat dimanfaatkan dan tiada pembaziran berlaku.

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

2. PENGURUSAN PEROLEHAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Perolehan adalah suatu kaedah bagi mendapatkan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang diperlukan daripada pembekal atau kontraktor yang berkelayakan. Arahan Perbendaharaan 168 menetapkan keizinan melaksanakan perolehan oleh Pegawai Pengawal melalui peruntukan telah disediakan dalam anggaran yang diluluskan tertakluk kepada peraturan Perbendaharaan.

2.1.2. Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dengan keluasan 85,775 hektar telah ditubuhkan di bawah Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976. Pelaksanaan perolehan di MDKL dibuat berdasarkan peruntukan perbelanjaan tahunan mengikut keutamaan. Pengurusan perolehan di MDKL diuruskan oleh semua jabatan di bawahnya mengikut keperluan semasa. Jabatan Perbendaharaan menguruskan proses pembayaran bagi semua Jabatan serta memastikan pengurusan kewangan dan perakaunan dapat dilaksanakan selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan peraturan kewangan yang ditetapkan.

2.1.3. Jumlah peruntukan dan perbelanjaan perolehan MDKL bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEROLEHAN
MDKL BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN MAC 2017

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN PEROLEHAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
2014	51.09	48.36	94.6
2015	36.63	34.98	95.5
2016	64.70	38.90	60.1
2017 *	54.13	14.43	26.7
JUMLAH	206.55	136.67	66.1

Sumber: MDKL

Nota: Peruntukan Meliputi Peruntukan Daripada Majlis, Kerajaan Persekutuan dan Negeri

* - Sehingga Bulan Mac 2017

2.1.4. Pecahan mengikut kaedah perolehan iaitu lantikan terus, sebut harga dan tender bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.2
KAEDAH PEROLEHAN MDKL BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN MAC 2017

TAHUN	LANTIKAN TERUS		SEBUT HARGA		TENDER		JUMLAH KESELURUHAN	
	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)
2014	222	6.20	176	26.33	26	15.83	424	48.36
2015	121	7.46	198	20.18	15	7.34	334	34.98
2016	134	3.40	209	22.12	15	13.38	358	38.90
2017*	17	0.01	17	0.65	2	1.58	36	2.24
JUMLAH	494	17.07	600	69.28	58	38.13	1,152	124.48

Sumber: MDKL

Nota: * - Sehingga Bulan Mac 2017

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai pengurusan perolehan telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan perolehan dilaksanakan meliputi empat bidang utama iaitu perancangan, pengurusan, pentadbiran kontrak dan pelaksanaan kerja/perkhidmatan yang dilaksanakan bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017. Semakan telah dilaksanakan melalui pemilihan sampel secara rawak ke atas 138 dokumen perolehan bernilai RM37.81 juta seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.3
BILANGAN SAMPEL PENGAUDITAN DOKUMEN
PEROLEHAN MDKL BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN MAC 2017

TAHUN	LANTIKAN TERUS (Kerja)		LANTIKAN TERUS (Bekalan)		SEBUT HARGA		TENDER		JUMLAH KESELURUHAN	
	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)
2014	10	0.18	5	0.26	8	1.04	19	11.81	42	13.29
2015	10	0.18	13	0.54	16	2.26	9	4.74	48	7.72
2016	10	0.20	-	-	16	2.12	13	12.35	39	14.67
2017*	2	0.02	-	-	4	0.53	3	1.58	9	2.13
JUMLAH	32	0.58	18	0.80	44	5.95	44	30.48	138	37.81

Sumber: MDKL

Nota: * - Sehingga Bulan Mac 2017

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pemeriksaan dijalankan terhadap rekod dan dokumen perolehan yang berkaitan. Selain itu, lawatan fizikal juga dijalankan dengan kerjasama pegawai daripada MDKL bagi mengesahkan aset yang diterima serta projek yang dilaksanakan. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab juga telah dibuat bagi mendapatkan maklum balas dan pengesahan.

2.5. PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya, daripada pengauditan yang telah dilaksanakan terhadap sampel yang dipilih, pihak Audit mendapati pengurusan perolehan di MDKL adalah memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- i. dua pembelian tidak mengikut nilai kontrak masing-masing berjumlah RM12,435 dan RM79,205;
- ii. Bon Pelaksanaan berbentuk jaminan insurans bernilai RM11,790 lewat diserahkan selepas tarikh sebenar siap kerja dan tarikh Perakuan Siap Kerja dikeluarkan;
- iii. Bon Pelaksanaan bagi tujuh perolehan dengan nilai kontrak berjumlah RM187,355 telah lewat dilepaskan;
- iv. tiga perjanjian kontrak melibatkan perolehan berjumlah RM1.62 juta telah lewat ditandatangani;
- v. tiga kontrak formal berjumlah RM213,255 tidak dimeterai di antara MDKL dengan kontraktor;
- vi. perubahan kerja telah dibuat tanpa kelulusan secara bertulis berjumlah RM34,680;
- vii. 19 perolehan berjumlah RM11.10 juta telah lewat dikeluarkan Perakuan Muktamad;
- viii. sembilan perolehan berjumlah RM553,358 tidak mematuhi tempoh penyediaan/pembekalan yang ditetapkan;
- ix. empat kerja berjumlah RM197,283 telah disiapkan tanpa mengikut spesifikasi dalam senarai kuantiti yang telah dimuktamadkan;
- x. enam perkhidmatan pembersihan awam dan pengurusan sisa pepejal berjumlah RM3.92 juta tidak mengikut spesifikasi;
- xi. dua perkhidmatan penyenggaraan landskap berjumlah RM278,358 dilaksanakan tanpa mengikut spesifikasi;
- xii. empat kerja yang dilaksanakan berjumlah RM509,679 tidak berkualiti walaupun baru disiapkan antara enam hingga 20 bulan;
- xiii. dua perolehan perkhidmatan penyenggaraan peralatan permainan kanak-kanak dan perabot taman berjumlah RM300,019 adalah tidak memuaskan; dan
- xiv. pembelian enam buah kenderaan berjumlah RM561,925 tidak dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan.

Perkara yang ditemui dan maklum balas MDKL telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 28 Julai 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

2.5.1. Perancangan Perolehan

Perancangan diperlukan bagi mengawal kos dan menangani masalah dalam melaksanakan perolehan. Ia bertujuan mengelakkan daripada berlakunya peningkatan perbelanjaan perolehan secara mendadak pada hujung tahun semata-mata untuk menghabiskan peruntukan tahun semasa. Semasa perancangan perolehan dibuat, elemen penilaian perolehan, pengurusan kerja awalan dan pelantikan kontraktor telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur.

2.5.1.1 Pelaksanaan Kajian Pasaran

- a. Arahan Perbendaharaan (AP) 169.1 menyatakan setiap pegawai yang menguruskan perolehan bertanggungjawab membuat kajian pasaran supaya perolehan adalah paling sesuai dan menguntungkan mengikut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (1PP) mengenai Perolehan Kerajaan (PK) 2.1 Perenggan 1(i)(c)(ii), kajian pasaran perlu dijalankan dan trend harga pembelian oleh agensi lain boleh dijadikan sebagai panduan. Kajian hendaklah mengambil kira aspek kualiti, harga, kegunaan, kos penyenggaraan dan faktor lain yang berkaitan.
- b. Semakan Audit selanjutnya terhadap perancangan perolehan MDKL mendapati empat daripada 32 perolehan melibatkan bekalan kamera digital yang dibuat secara pembelian terus berjumlah RM11,579 tidak dibuat kajian pasaran dengan betul iaitu dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga sebut harga dari pembekal yang berbeza. Sungguhpun demikian mulai tahun 2015, pelaksanaan kajian pasaran telah dibuat mengikut kaedah yang betul.

Maklum Balas MDKL yang Diterima pada 26 Oktober 2017

MDKL telah mewujudkan satu unit baharu iaitu Unit Perolehan dan Ukur Bahan mulai 1 Jun 2017 yang diketuai oleh Juruukur Bahan Gred J41 dengan dibantu oleh tujuh kakitangan bagi memperkukuhkan lagi proses perolehan.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan kajian pasaran adalah baik kecuali bagi perolehan kamera digital pada tahun 2014. Bagaimanapun, kajian pasaran telah dilaksanakan mengikut peraturan mulai tahun 2015.

2.5.2. Pengurusan Perolehan

Perancangan setiap perolehan hendaklah dibuat dengan teliti, manakala pelaksanaan projek oleh Majlis perlu disempurnakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan dan mengikut semua syarat yang terkandung dalam dokumen kontrak serta peraturan berkaitan. Semakan Audit terhadap pengurusan perolehan mendapati perkara seperti berikut:

2.5.2.1 Pembelian Tidak Mengikut Nilai Kontrak

- a. Berdasarkan amalan pentadbiran kontrak, Surat Setuju Terima (SST) hendaklah menyatakan dengan jelas had nilai kontrak dan tempoh tawaran kepada kontraktor. Semakan Audit terhadap dua perolehan membekal serta menghantar perkakasan dan aksesori elektrik yang dibuat secara sebut harga mendapati perolehan tersebut adalah melebihi nilai kontrak yang telah ditetapkan. Keadaan ini berlaku disebabkan nilai dalam dokumen sebut harga adalah berdasarkan jumlah kadar harga seunit dan bukan keperluan perolehan sebenar. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.4
PEMBELIAN TIDAK MENGIKUT NILAI KONTRAK BAGI
PEMBEKALAN PERKAKASAN DAN AKSESORI ELEKTRIK

BIL.	BULAN PESANAN DIBUAT	NO. PESANAN KERAJAAN/ TARIKH	KOS PEROLEHAN SEBENAR (RM)	NILAI KONTRAK (RM)	PERATUS PERBEZAAN (%)
1.	September 2014	14P0582-00/ 03.10.2014	33,431	12,435	1,046.5
2.	November 2014	14P0801-00/ 23.12.2014	24,811		
3.	Disember 2014	14P0793-00/ 18.12./2014	16,679		
4.	Februari 2015	15P0146-00/ 26.03.2015	30,945		
5.	Jun 2015	15P0315-00/ 15.06.2015	36,698		
JUMLAH			142,564		
1.	Mei 2016	16P0291-00/ 30.05.2016	72,660	79,205	12.3
2.	Julai 2016	16P0360-00/ 25.07.2016	16,315		
JUMLAH			88,975		

Sumber: MDKL

- b. Kelemahan dalam perancangan perolehan ini memberi impak kepada pengurusan bajet semasa kerana keperluan sebenar dan had siling tidak ditentukan telah menyebabkan perbelanjaan dibuat tanpa had.

Maklum Balas MDKL yang Diterima pada 2 Ogos 2017

Tindakan penambahbaikan telah diambil mulai tahun 2017 dengan menetapkan had siling perolehan bagi semua nilai kontrak.

Pada pendapat Audit, pembelian yang tidak mengikut nilai kontrak adalah tidak memuaskan dan tidak mematuhi prosedur ditetapkan berikutan jumlah pembelian sebenar telah melebihi nilai kontrak yang diperuntukkan dan diluluskan.

2.5.3. Pentadbiran Kontrak

2.5.3.1. Pengurusan Bon Pelaksanaan

a. Bon Pelaksanaan Lewat Dikemukakan

- i. Bon Pelaksanaan penting sebagai jaminan untuk memastikan bekalan/perkhidmatan/kerja dilaksanakan mengikut spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan. Mengikut 1PP, PK 4 Perenggan 2(ii)(b) dan AP 176.2(a), Bon Pelaksanaan dikenakan bagi perolehan bekalan/perkhidmatan/kerja yang melebihi RM200,000 adalah sebanyak 2.5% daripada nilai kontrak. Bagi nilai kontrak melebihi RM500,000 kadar Bon Pelaksanaan yang dikenakan adalah sebanyak 5% daripada jumlah harga kontrak. Manakala mengikut AP 200.2(a) pula, Bon Pelaksanaan hanya dikenakan bagi kontrak kerja yang melebihi RM200,000 sebanyak 5% daripada harga kontrak.
- ii. Semakan Audit terhadap dokumen perolehan mendapati MDKL telah melaksanakan perolehan bagi kerja menurap semula jalan serta kerja berkaitan di Jalan Berlian 13, Jalan Intan 9, 11 dan 13, Taman Yayasan, Jenjarom, Kuala Langat berjumlah RM235,800. SST telah dikeluarkan pada 16 Mei 2014 dan tempoh kerja adalah selama tiga minggu bermula 28 Mei hingga 18 Jun 2014. Semakan Audit selanjutnya terhadap dokumen perolehan mendapati Bon Pelaksanaan berbentuk jaminan insurans bernilai RM11,790 lewat diserahkan iaitu pada 19 Ogos 2014 selepas tarikh sebenar siap kerja dan tarikh Perakuan Siap Kerja dikeluarkan masing-masing pada 18 Jun 2014 dan 25 Jun 2014. Kelewatan penyerahan Bon Pelaksanaan adalah selama 62 hari. Kelewatan adalah disebabkan oleh pihak kontraktor lewat mengemukakan Bon Pelaksanaan. Selain itu, beban kerja pegawai penyelia yang tinggi telah mengakibatkan terlepas pandang akan status bon tersebut. Kelewatan mengemukakan Bon Pelaksanaan oleh kontraktor adalah tidak mematuhi peraturan dan akan menjejaskan kepentingan Kerajaan.

Maklum Balas MDKL yang Diterima pada Bertarikh 24 Julai 2017 dan 2 Ogos 2017

MDKL telah menambah baik prosedur pengurusan Bon Pelaksanaan dengan menyediakan Daftar Bon Pelaksanaan.

b. Bon Pelaksanaan Lewat Dilepaskan

- i. Klausula 37 Dokumen Kontrak menetapkan Bon Pelaksanaan hendaklah dilepaskan apabila kontraktor siap memperbaiki semua kecacatan yang mungkin kelihatan semasa tempoh Liabiliti Kecacatan atau setelah diberi Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (jika ada).
- ii. Semakan Audit mendapati Bon Pelaksanaan telah lewat dilepaskan bagi tujuh perolehan dengan nilai kontrak berjumlah RM187,355. Tempoh kelewatan adalah antara 350 hingga 854 hari. Kelewatan pelepasan Bon Pelaksanaan adalah disebabkan jabatan mengambil pendekatan Bon Pelaksanaan akan dilepaskan apabila terdapat permohonan daripada pihak kontraktor. Bagaimanapun, sehingga pengauditan dijalankan tiada permohonan dibuat oleh pihak kontraktor berkaitan dengannya. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.5
BON PELAKSANAAN YANG BELUM
DILEPASKAN SEHINGGA 31 MAC 2017**

BIL.	NO. KONTRAK	JUMLAH (RM)	TARIKH TAMAT LIABILITI KECACATAN	LEWAT (Hari)
1.	MDKL/JPPI/T:05/2014	30,410	28.01.2015	854
2.	MDKL/JPPI/T:15/2014	30,410	06.11.2015	572
3.	MDKL/JPPI/T:17/2014	41,000	15.06.2016	350
4.	MDKL/JPPI/T:07/2014	27,203	28.07.2015	673
5.	MDKL/JPPI/T:08/2014	25,074	28.02.2014	823
6.	MDKL/JPPI/T:13/2014	25,410	03.05.2014	759
7.	MDKL/JL/SH.5/2015	7,848	07.05.2016	389
		187,355		

Sumber: MDKL

Maklum Balas MDKL yang Diterima pada 24 Julai 2017 dan 2 Ogos 2017

MDKL telah menambah baik prosedur dengan mengadakan Daftar Bon Pelaksanaan.

2.5.3.2. Pengurusan Kontrak

a. Perjanjian Kontrak Lewat Ditandatangani

Mengikut 1PP, PK 4 kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin oleh kedua pihak atau selewat-lewatnya empat bulan dari tarikh keluar Surat Setuju Terima (SST). Semakan Audit setakat 31 Mac 2017 mendapati tiga daripada 88 perolehan berjumlah RM1.62 juta telah lewat ditandatangani antara 23 hingga 68 hari. Manakala satu perolehan untuk membina dan menyiapkan dewan orang ramai dan kerja berkaitan di Taman Banting Baru pula masih belum ditandatangani walaupun SST telah dikeluarkan pada 25 November 2016.

- b. Semakan Audit terhadap perolehan MDKL/JL/SH.20/2014 dan MDKL/JL/SH.22/2014 mendapati kelewatan berlaku disebabkan oleh pihak kontraktor lewat menandatangani dokumen perjanjian. Manakala kelewatan menandatangani dokumen kontrak bagi perolehan MDKL/JPPI/T:04/2016 adalah disebabkan oleh masalah pada polisi insurans yang hanya menamakan MDKL tanpa menyatakan nama khusus projek tersebut. Semakan Audit selanjutnya mendapati syarikat insurans telah mengeluarkan surat pengesahan nama projek pada 17 Februari 2017. Selain itu juga, kelewatan adalah disebabkan oleh kontraktor dan Perunding Ukur Bahan lewat mempersetujui rasionalisasi kadar harga. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.6
DOKUMEN PERJANJIAN YANG LEWAT
DITANDATANGAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA MAC 2017

BIL.	NO. KONTRAK	KOS PEROLEHAN (RM)	TEMPOH KONTRAK	TARIKH SST	TARIKH PERJANJIAN	LEWAT (Hari)
1.	MDKL/JL/SH.20/2014	96,258	03.01.2015 - 03.01.2016	05.01.2015	27.05.2015	23
2.	MDKL/JL/SH.22/2014	115,363	03.01.2015 - 03.01.2016	05.01.2015	01.07.2015	58
3.	MDKL/JPPI/T:04/2016	1,409,043	12.12.2016 - 11.06.2017	25.11.2016	Belum Ditandatangani	68*
JUMLAH		1,620,664				149

Sumber: MDKL

Nota: * - Sehingga 31 Mac 2017

Maklum Balas MDKL yang Diterima pada 26 Oktober 2017

MDKL telah menyediakan surat peringatan bertulis dan memberikan tempoh pemulangan semula dokumen perjanjian kepada pihak kontraktor yang baru dilantik. Segala urusan perjanjian kontrak akan diuruskan oleh Unit Perolehan dan Ukur Bahan yang baharu diwujudkan diketuai oleh Juruukur Bahan Gred J41.

c. Kontrak Formal Tidak Disediakan

- i. Mengikut AP 176 mengenai Kaedah Perolehan Kerajaan, kontrak formal hendaklah ditandatangani bagi kontrak yang bernilai melebihi RM50,000 dan AP 176.1(c) bagi semua perolehan bekalan atau perkhidmatan bermasa, kontrak formal hendaklah diadakan walaupun nilai perolehan kurang daripada RM50,000. Semakan Audit mendapati tiga kontrak formal dengan nilai kontrak berjumlah RM213,255 tidak dimeterai di antara MDKL dengan pihak kontraktor. MDKL telah terlepas pandang bagi perolehan JPPI/SH:39/2014 dan MDKL/JPPI/BKLN/SH:01/2016. Manakala bagi perolehan MDKL/JL/SH.1/2015, dokumen kontrak tidak diserahkan kepada Unit Perundangan untuk disemak. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.7
DOKUMEN PERJANJIAN TIDAK
DISEDIAKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA MAC 2017

BIL.	PROJEK	TARIKH SST	KOS PEROLEHAN (RM)
1.	JPPI/SH:39/2014	29.08.2014	12,345
2.	MDKL/JL/SH.1/2015	21.04.2015	121,705
3.	MDKL/JPPI/BKLN/SH:01/2016	13.04.2016	79,205
JUMLAH			213,255

Sumber: MDKL

- ii. Ketiadaan kontrak formal ini boleh menjejaskan hak dan kepentingan Kerajaan serta pelbagai urusan berhubung pelaksanaan perolehan menjadi kurang jelas serta tidak terperinci.

Maklum Balas MDKL yang Diterima pada 26 Oktober 2017

MDKL telah menyediakan kontrak formal bagi perolehan bekalan tahun 2017.

2.5.3.3. Arahan Perubahan Kerja

- a. Mengikut AP 202.1(a), Arahan Perubahan Kerja (APK) bermaksud sebarang penyimpangan daripada perjanjian kontrak berkaitan dengan pelan, spesifikasi atau Senarai Kuantiti sama ada dipinda, ditambah atau dikurangkan, perlu mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan. Perolehan kerja membina bakau *trail* di Pantai Cunang, Tanjung Sepat telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga pada bulan 26 Julai 2016 dengan nilai perolehan berjumlah RM34,680. Kerja ini telah diperaku siap pada 28 September 2016 dan tempoh Tanggungan Kecacatan Kerja ditetapkan selama enam bulan berakhir pada 29 Mac 2017.

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati perubahan kerja telah dijalankan tanpa kelulusan secara bertulis tetapi hanya diberikan secara lisan. Selain itu, penambahan serta pengurangan kuantiti bagi menampung kos kerja tidak dimasukkan dalam Senarai Kuantiti. Temu bual dengan Penolong Arkitek Landskap Gred JA29 memaklumkan, APK ini dibuat disebabkan spesifikasi yang disediakan tidak mengambil kira keadaan di tapak paya bakau. Akibatnya berlaku tambahan kos untuk kerja tambahan yang dilaksanakan kerana tiada perancangan yang teliti dijalankan terlebih dahulu oleh MDKL. Perancangan awal yang teliti perlu dibuat oleh MDKL dalam menyediakan perincian spesifikasi untuk mengelakkan perubahan kerja dibuat semasa kerja sedang dijalankan.

Maklum Balas MDKL yang Diterima pada 26 Oktober 2017

Perubahan kerja dilakukan mengambil kira faktor yang berikut:

- i. Keadaan fizikal di tapak dan bentuk muka bumi yang lembut dan berlumpur memerlukan tambahan penggunaan jentera yang lebih besar seperti kren untuk menanam spun pile.***
- ii. Plat besi diperlukan sebagai laluan ke tapak projek untuk mengelakkan kren dari terbenam.***
- iii. Faktor pasang surut air laut dan cuaca yang tidak menentu.***
- iv. Pemeliharaan flora dan fauna serta sistem ekologi yang perlu dipelihara.***
- v. Aspek berkaitan spesifikasi reka bentuk, saiz keseluruhan (panjang dan lebar) dan tempoh pelaksanaan tidak diabaikan.***
- vi. Tiada tambahan kos untuk perubahan kerja ini.***
- vii. Tiada lanjutan masa siap kerja.***
- viii. Jika diteliti semua item yang terdapat dalam BQ ada dibekalkan dan saiz keseluruhan (meter panjang) mematuhi spesifikasi yang ditetapkan, hanya bilangan beberapa struktur dikurangkan dan digantikan dengan sewaan kren yang lebih besar dan plat besi untuk laluan kren.***
- ix. Fungsi utama struktur yang dibina tidak cacat sama sekali dan masih mengekalkan fungsi utama struktur ini dibina di kawasan ini.***

Langkah Pencegahan dan Penambahbaikan:

- i. Penelitian yang terperinci bagi meningkatkan kesedaran kepada situasi sedia ada di tapak (site sensitivity) semasa proses perancangan awal.***

- ii. *Memastikan sebarang APK di tapak yang melibatkan spesifikasi atau apa-apa perubahan di dalam kontrak dibuat secara bertulis serta mendapat kelulusan dan akan didokumentasikan.*
- iii. *Menyediakan Senarai Semak dan menandakan setiap perincian/butiran/ kuantiti kerja yang dilaksanakan dalam Senarai Kuantiti Muktamad.*
- iv. *Mengadakan mesyuarat berkala sepanjang tempoh kerja bagi memantau kemajuan kerja-kerja di tapak dan intipati kontrak yang diperakukan.*
- v. *Memberikan kursus, latihan dan meningkatkan pengetahuan kepada kakitangan dan pegawai berkaitan bagi Tatacara Perolehan dan kaedah penyediaan BQ yang betul.*

Pada pendapat Audit, APK adalah tidak memuaskan kerana tidak dikeluarkan secara bertulis dan hanya diberikan secara lisan.

2.5.3.4. Perakuan Muktamad Lewat Dikeluarkan

- a. Klausula 48(b) dalam Dokumen Kontrak MDKL menetapkan Perakuan Muktamad (JKR 66A) hendaklah dikeluarkan dalam tempoh tiga bulan selepas tamat Tempoh Liabiliti Kecacatan bagi keseluruhan kerja atau selepas dikeluarkan Perakuan Siap Kerja Memperbaiki Kecacatan.
- b. Semakan Audit mendapati Perakuan Muktamad (JKR 66A) bagi 19 daripada 44 perolehan dengan nilai kontrak berjumlah RM11.1 juta telah lewat dikeluarkan antara 98 hingga 1,099 hari. Kelewatan mengeluarkan Perakuan Muktamad adalah disebabkan MDKL mengambil pendekatan Perakuan Muktamad akan dikeluarkan selaras dengan permohonan pelepasan cagaran/wang jaminan pelaksanaan oleh kontraktor. Bagaimanapun, sehingga pengauditan dijalankan tiada permohonan dibuat oleh pihak kontraktor. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.8
PERAKUAN MUKTAMAD LEWAT DIKELUARKAN

BIL.	NO. KONTRAK	KOS PEROLEHAN (RM)	TARIKH SEPATUT JKR 66A DIKELUARKAN	TARIKH JKR 66A DIKELUARKAN	LEWAT (Hari)
1.	MDKL/JPP/I/T:05/13	553,000	03.09.2014	12.03.2015	99
2.	MDKL/JPP/I/T:01/2014	1,140,174	06.08.2015	Belum Dikeluarkan*	572
3.	MDKL/JPP/I/T:05/2014	608,190	28.04.2015	Belum Dikeluarkan*	764
4.	MDKL/JPP/I/T:06/2014	636,355	04.02.2015	Belum Dikeluarkan*	758
5.	MDKL/JPP/I/T:07/2014	543,566	28.07.2015	Belum Dikeluarkan*	581
6.	MDKL/JPP/I/T:08/2014	501,480	28.02.2014	Belum Dikeluarkan*	1,099
7.	MDKL/JPP/I/T:10/2014	455,000	06.02.2015	Belum Dikeluarkan*	756
8.	MDKL/JPP/I/T:12/14	698,142	05.05.2015	19.02.2016	198

BIL.	NO. KONTRAK	KOS PEROLEHAN (RM)	TARIKH SEPATUT JKR 66A DIKELUARKAN	TARIKH JKR 66A DIKELUARKAN	LEWAT (Hari)
9.	MDKL/JPP/I/T:13/2014	508,190	03.05.2014	Belum Dikeluarkan*	1,032
10.	MDKL/JPP/I/T:15/2014	389,730	06.11.2015	Belum Dikeluarkan*	845
11.	MDKL/JPP/I/T:16/14	407,500	12.05.2015	18.11.2015	98
12.	MDKL/JPP/I/T:17/2014	822,000	15.06.2015	Belum Dikeluarkan*	624
13.	MDKL/JPP/I/T:01/2015	503,419	25.09.2015	Belum Dikeluarkan*	614
14.	MDKL/JPP/I/T:02/15	505,845	15.01.2016	02.08.2016	200
15.	MDKL/JPP/I/T:03/2015	496,647	16.01.2016	Belum Dikeluarkan*	501
16.	MDKL/JPP/I/T : 04/2015	373,312	05.04.2016	Belum Dikeluarkan*	421
17.	MDKL/JPP/I/T:06/15	646,441	02.05.2016	Belum Dikeluarkan*	394
18.	MDKL/JPP/I/T:07/2015	422,394	03.11.2016	Belum Dikeluarkan*	209
19.	MDKL/JPP/I/T:08/15	889,064	06.06.2016	Belum Dikeluarkan*	359
JUMLAH		11,100,449			

Sumber: MDKL

Nota: * - Sehingga 31 Mac 2017

- c. Kelewatan penyediaan Perakuan Muktamad adalah bertentangan dengan syarat-syarat kontrak yang ditetapkan.

Maklum Balas MDKL yang Diterima pada 24 Julai 2017 dan 2 Ogos 2017

MDKL telah menambah baik prosedur dengan mengadakan Daftar Perakuan Muktamad.

Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak adalah tidak memuaskan kerana tidak dilaksanakan dengan cekap di mana terdapat Bon Pelaksanaan yang lewat dikemukakan, Bon Pelaksanaan lewat dilepaskan, kontrak lewat ditandatangani, dokumen kontrak tidak diadakan, Arahan Perubahan Kerja dibuat tanpa kelulusan dan Perakuan Muktamad lewat dikeluarkan. Bagaimanapun, pengurusan Surat Setuju Terima dan Pesanan Tempatan telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur.

2.5.4. Pelaksanaan Kerja/Perkhidmatan

Agensi hendaklah membuat perancangan perolehan bagi mengawal kos dan menangani masalah dalam melaksanakan sesuatu perolehan. Agensi juga perlu menyediakan jadual pelaksanaan khusus untuk setiap perolehan. Semakan Audit terhadap kemajuan kerja perolehan yang dilaksanakan oleh MDKL mendapati perkara berikut:

2.5.4.1. Tempoh Penyempurnaan Perolehan

- a. Setiap perolehan bekalan, kerja dan perkhidmatan hendaklah dibekal/disiapkan oleh pembekal/kontraktor mengikut tempoh yang telah ditetapkan dalam kontrak atau lanjutan masa (EOT) yang diluluskan. Kontraktor/pembekal yang tidak menunjukkan prestasi kerja yang baik hendaklah ditamatkan perkhidmatannya, dikenakan Ganti Rugi Yang Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) atau ganti rugi berhubung penamatan perolehan yang mana sesuai.
- b. Semakan Audit mendapati sebanyak sembilan perolehan tidak mematuhi tempoh penyediaan/pembekalan yang ditetapkan dengan nilai perolehan berjumlah RM553,538. Tempoh kelewatan adalah antara lima hingga 80 hari. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.9
PEROLEHAN YANG LEWAT DIBEKAL/DISIAPKAN**

BIL.	NO. PESANAN KERAJAAN/ NO. INDEN/ NO. KONTRAK	KOS PEROLEHAN (RM)	TARIKH SEPATUT BEKAL/SIAP	TARIKH BEKAL/SIAP SEBENAR	LEWAT (Hari)
2014					
1.	14P0059-00	41,840	10.03.2014	03.04.2014	24
2.	14P0491-00	15,000	08.09.2014	27.11.2014	80
JUMLAH		56,840			104
2015					
3.	15W0169-00	19,050	27.07.2015	26.08.2015	30
4.	15W0162-00	19,560	27.07.2015	28.08.2015	32
5.	15W0161-00	19,861	27.07.2015	27.08.2015	31
6.	MDKL/JL/SH. 5/2015	313,900	01.11.2015	06.11.2015	5
JUMLAH		372,371			98
2016					
7.	16W0126-00	19,630	28.11.2016	30.12.2016	32
8.	16W0216-00	19,950	31.10.2016	09.12.2016	39
9.	MDKL/JL/SH. 18/2016	84,747	09.01.2017	18.01.2017	9
JUMLAH		124,327			80
JUMLAH KESELURUHAN		553,538			

Sumber: MDKL

- c. Kelewatan pembekalan/penyiapan oleh kontraktor bukan sahaja boleh menjejaskan imej MDKL bahkan merugikan Kerajaan kerana kemudahan yang disediakan tidak dapat digunakan dan secara langsung memberi impak kepada pencapaian matlamat perolehan.

Maklum Balas MDKL yang Diterima pada 24 Julai 2017, 2 Ogos 2017 dan 26 Oktober 2017

Maklum balas daripada MDKL adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.10
MAKLUM BALAS BAGI PEROLEHAN YANG LEWAT DIBEKAL/DISIAPKAN

BIL.	NO. PESANAN KERAJAAN/ NO. INDEN/ NO. KONTRAK	MAKLUM BALAS
2014		
1.	14P0059-00	Pembekal perlu membina struktur tapak kabin di lokasi dan memasang penghawa dingin pada kabin tersebut.
2.	14P0491-00	Pembekal mengimport bekalan tersebut dari luar negara.
2015		
3.	15W0169-00	Terdapat perubahan lokasi selepas kerja ditawarkan di mana lokasi asal projek telah dilaksanakan sebelum itu oleh Jabatan Lanskap. Kelulusan daripada pihak UPEN diterima pada 10 Ogos 2015.
4.	15W0162-00	Terdapat perubahan spesifikasi dan perlu mendapatkan kelulusan pihak UPEN. Permohonan adalah pada 27 Julai 2015 dan telah diluluskan pada 11 Ogos 2015.
5.	15W0161-00	
6.	MDKL/JL/SH.5/2015	Pegawai Pengesah meletakkan tarikh pemeriksaan pada Borang Akuan Siap Kerja di mana tarikh tersebut sepatutnya adalah tarikh siap kerja sebenar. Format Borang Akuan Siap Kerja telah ditambah baik.
2016		
8.	16W0216-00	Pegawai Pengesah meletakkan tarikh pemeriksaan pada Borang Akuan Siap Kerja di mana tarikh tersebut adalah sepatutnya tarikh siap kerja sebenar. Format Borang Akuan Siap Kerja telah ditambah baik.
9.	MDKL/JL/SH.18/2016	

Sumber: MDKL

MDKL telah menambah baik prosedur perolehan dengan menempatkan seorang Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 bertujuan memantau segala urusan perolehan di Unit tersebut.

2.5.4.2. Spesifikasi dan Kualiti Perolehan

a. Pematuhan Spesifikasi Kerja/Perkhidmatan

Pelaksanaan kontrak kerja/perkhidmatan hendaklah dibuat mengikut butiran kerja dan spesifikasi yang telah ditetapkan dalam dokumen kontrak serta sebarang perubahan kerja/perkhidmatan perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Pegawai Penguasa. Pemeriksaan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- i. Sebanyak empat kerja berjumlah RM197,283 telah disiapkan tanpa mengikut spesifikasi dalam Senarai Kuantiti yang telah dimuktamadkan seperti di **Jadual 2.11** hingga **Jadual 2.14**. Perkara ini berlaku disebabkan kelemahan dalam penyediaan spesifikasi kerja dan pemantauan semasa dan selepas kerja siap.

- **Membina Bakau Trail di Pantai Cunang, Tanjung Sepat**

Pada bulan Ogos 2016, MDKL telah melaksanakan kerja membina *Bakau Trail* berjumlah RM36,760. Tempoh kerja ini adalah selama enam minggu bermula 8 Ogos hingga 19 September 2016. Pemeriksaan Audit mendapati kerja yang dijalankan tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam Senarai Kuantiti. Kerja ini telah diperaku pada 11 November 2016 oleh Penolong Arkitek Lanskap Kanan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.11**. Semakan Audit selanjutnya mendapati keadaan ini berlaku kerana terdapat arahan perubahan kerja yang diberikan secara lisan.

JADUAL 2.11
KERJA TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI DAN TIDAK DIBEKALKAN DI MDKL

NO. SEBUT HARGA	HARGA KONTRAK	SPESIFIKASI KERJA	HARGA SEUNIT (RM)	KUANTITI (Unit)	SEBENAR DIBEKAL (Unit)	TIDAK DIBEKAL	
						ITEM	KOS (RM)
MDKL/JL/S H.12/2016 (Gambar 2.1 hingga Gambar 2.3)	36,760	<i>Spun pile</i>	1,100	16	16	-	-
		<i>HW Column</i>	75	24	30	-	-
		<i>HW Tie Beam</i> (125mm x 125mm x 2,000mm)	200	4	4	-	-
		<i>HW Tie Beam</i> (125mm x 125mm x 4,000mm)	400	8	2	6	2,400
		<i>HW Floor Beam</i>	140	12	9	3	420
		<i>HW Column Strut</i>	80	14	12	2	160
		<i>HW Timber Plank</i> (150mm x 38mm x 1,500mm)	75	80	67	13	975
		<i>HW Timber Plank</i> (150mm x 38mm x 3,500mm)	150	14	16	-	-
		<i>Handrail</i>	175	12	12	-	-
JUMLAH							3,955

Sumber: Jabatan Audit Negara dan MDKL

GAMBAR 2.1



GAMBAR 2.2



Pantai Cunang, Tanjung Sepat
- Bakau Trail Dibina Tidak Mengikut Spesifikasi
(09.05.2017)

Maklum Balas MDKL yang Diterima pada 26 Oktober 2017

Bahan yang telah dibekalkan tetapi tidak dipasang disebabkan panjang bakau trail telah mencukupi dan dikontrakan dengan sewaan kren dan plat besi dan kos adalah sama.

Langkah Pencegahan dan Penambahbaikan:

- i. Memastikan sebarang APK di tapak yang melibatkan spesifikasi atau sebarang perubahan di dalam kontrak dibuat secara bertulis serta mendapat kelulusan dan akan didokumentasikan.*
 - ii. Menyediakan Senarai Semak dan menandakan setiap perincian/butiran/ kuantiti kerja yang dilaksanakan dalam Senarai Kuantiti Muktamad.*
 - iii. Mengadakan mesyuarat berkala sepanjang tempoh kerja bagi memantau kemajuan kerja-kerja di tapak dan intipati kontrak yang diperakukan.*
 - iv. Memberikan kursus, latihan dan meningkatkan pengetahuan kepada kakitangan dan pegawai berkaitan bagi Tatacara Perolehan dan kaedah penyediaan BQ yang betul.*
- **Membaik Pulih Bangunan Balai Raya di Taman Changgang Jaya, Bukit Changgang, Kuala Langat**

Pada bulan Ogos 2016, MDKL telah melaksanakan kerja membaik pulih Bangunan Balai Raya berjumlah RM24,898. Tempoh kerja ini adalah selama empat minggu bermula 5 September hingga 3 Oktober 2016. Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan pada 4 Oktober 2016 dan tempoh tanggungan kecacatan adalah selama enam bulan bermula 4 Oktober 2016 hingga 3 April 2017. Kerja ini telah diperaku siap oleh Jurutera J41 dan bayaran penuh telah dibuat pada 24 November 2016. Pemeriksaan Audit mendapati kerja yang dijalankan tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam Senarai Kuantiti. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.12**. Selepas teguran Audit dibuat, kerja-kerja yang tidak mengikut spesifikasi telah dibuat seperti di **Gambar 2.5**.

JADUAL 2.12
KERJA TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI DAN TIDAK DIBEKALKAN DI MDKL

NO. SEBUT HARGA	HARGA KONTRAK	SPESIFIKASI KERJA	HARGA SEUNIT (RM)	KUANTITI (Unit)	SEBENAR DIBEKAL (Unit)	TIDAK DIBEKAL		
						ITEM	KOS (RM)	
MDKL/JPP/SH.32/2016	24,898	Set pintu <i>hard panel</i> (1 ½ leaf 35mm)	980	4	4 (<i>Double leaf</i> 35mm) Gambar 2.3	-	TDD*	
		Jeriji dari keluli lembut	380	4	-	4	1,520	
JUMLAH								1,520

Sumber: Jabatan Audit Negara dan MDKL
Nota: TDD* - Tidak Dapat Ditentukan



GAMBAR 2.3
Balai Raya Taman Changgang Jaya,
Bukit Changgang
- Pintu Dipasang Jenis *Double Leaf*
(18.05.2017)

GAMBAR 2.4



Balai Raya Taman Changgang Jaya,
Bukit Changgang
- Jeriji Tidak Diganti Baru
(18.05.2017)

GAMBAR 2.5



Balai Raya Taman Changgang Jaya,
Bukit Changgang
- Jeriji Telah Diganti Baru
(30.05.2017)

- **Kerja Menyenggara Longkang dan Kerja Berkaitan di Lorong Belakang Jalan Wira 20 & 26, Taman Perwira, Telok Panglima Garang**

Pada bulan September 2016, MDKL telah melaksanakan kerja menyenggara longkang dan kerja berkaitan berjumlah RM135,290. Tempoh kerja ini adalah selama 10 minggu bermula 3 Oktober hingga 12 Disember 2016. Pemeriksaan Audit mendapati kerja yang dijalankan tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam Senarai Kuantiti. Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan pada 8 Februari 2017 dengan ganti rugi tertentu dan ditetapkan berjumlah RM3,200 dan bayaran telah dibuat tanpa mengambil kira kerja yang tidak mengikut spesifikasi seperti di **Jadual 2.13**. Tempoh tanggungan kecacatan (DLP) bagi kerja ini

adalah selama enam bulan bermula 9 Februari hingga 8 Ogos 2017. Selepas teguran Audit dibuat, kerja-kerja yang tidak mengikut spesifikasi telah diambil kira sebagai kecacatan dan kerja pembaikan kecacatan telah dibuat seperti di **Gambar 2.7** dan **Gambar 2.9**.

JADUAL 2.13
KERJA TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI DAN TIDAK DIBEKALKAN DI MDKL

NO. SEBUT HARGA	HARGA KONTRAK	SPESIFIKASI KERJA	HARGA SEUNIT (RM)	KUANTITI (Unit)	SEBENAR DIBEKAL (Unit)	TIDAK DIBEKAL	
						ITEM	KOS (RM)
MDKL/JPP/SH.61/2016	127,090	Struts dipasang setiap 3m <i>centre to centre</i> (c/c)	50	210	160 (jarak purata dipasang 4m c/c)	50	2,500
		Struts (0.15m x 0.15m x 0.6m)	Dipasang dengan ukuran purata 0.10m x 0.10m x 0.6m Gambar 2.6				
JUMLAH							2,500

Sumber: Jabatan Audit Negara dan MDKL

GAMBAR 2.6



Sebelum

Lorong Belakang Jalan Wira 20 & 26, Taman Perwira, Telok Panglima Garang
- Struts Dibina Tidak Mengikut Spesifikasi
(22.05.2017)

GAMBAR 2.7



Selepas

Lorong Belakang Jalan Wira 20 & 26, Taman Perwira, Telok Panglima Garang
- Struts Telah Dibina Mengikut Spesifikasi
(27.07.2017)

GAMBAR 2.8



Sebelum

Lorong Belakang Jalan Wira 20 & 26, Taman Perwira, Telok Panglima Garang
- Ukuran Sebenarnya Struts Tidak Mengikut Spesifikasi
(22.05.2017)

GAMBAR 2.9



Selepas

Lorong Belakang Jalan Wira 20 & 26, Taman Perwira, Telok Panglima Garang
- Ukuran Sebenarnya Struts Telah Mengikut Spesifikasi
(27.07.2017)

- **Kerja Penyelenggaraan Peralatan Permainan Kanak-Kanak dan Perabot Taman serta Lain-Lain Kerja Pembaikan Kecil di Taman Permainan Kanak-Kanak Jalan Permai 2, Taman Sijangkang Permai, Telok Panglima Garang**

Pada bulan Mac 2016, MDKL telah melantik panel kontraktor bagi kerja penyelenggaraan peralatan permainan kanak-kanak dan perabot taman serta lain-lain kerja pembaikan kecil berjumlah RM8,535. Tempoh kerja ini adalah selama 14 hari bermula 8 hingga 22 Mac 2017. Pemeriksaan Audit mendapati kerja yang dijalankan tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam Senarai Kuantiti seperti di **Jadual 2.14**. Selepas teguran Audit dibuat, notis pemotongan bayaran telah dikeluarkan pada 1 Jun 2017 di mana jumlah pemotongan adalah sebanyak RM966 bagi ketinggian yang tidak mengikut spesifikasi. Kerja penukaran *stainless steel bolt and nuts* telah dibuat seperti di **Gambar 2.13**.

JADUAL 2.14
KERJA TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI DAN TIDAK DIBEKALKAN DI MDKL

NO. SEBUT HARGA	HARGA KONTRAK	SPESIFIKASI KERJA	HARGA SEUNIT (RM)	KUANTITI (Unit)	SEBENAR DIBEKAL (Unit)	TIDAK DIBEKAL		
						ITEM	KOS (RM)	
MDKL/JL/S H.24/2016	8,535	Pagar jenis BRC [1,800mm (H) x 2,400mm (L)]	275	21	Pagar jenis BRC [1,500mm (H) x 2,400mm (L)] Gambar 2.10 dan Gambar 2.11	Pagar jenis BRC [300mm (H) x 2,400mm (L)]	962	
		<i>Stainless Steel Bolt and Nuts</i>	-	172	<i>Bolt and Nuts</i> Bukan <i>Stainless Steel</i> Gambar 2.12	-	TDD*	
JUMLAH								962

Sumber: Jabatan Audit Negara dan MDKL
Nota: TDD* - Tidak Dapat Ditentukan

GAMBAR 2.10



GAMBAR 2.11



Jalan Permai 2, Taman Sijangkang Permai
- Ketinggian Pagar Tidak
Mengikut Spesifikasi
(25.05.2017)

GAMBAR 2.12



Jalan Permai 2, Taman Sijangkang Permai
- Bolt and Nuts Bukan Jenis Stainless Steel
(25.05.2017)

GAMBAR 2.13



Jalan Permai 2, Taman Sijangkang Permai
- Bolt and Nuts Diganti Dengan
Jenis Stainless Steel
(30.05.2017)

Maklum Balas MDKL yang Diterima pada 26 Oktober 2017

MDKL akan meningkatkan lagi pemantauan setiap kerja Kontraktor dari masa ke semasa bagi memastikan spesifikasi kerja yang ditetapkan dipatuhi dan menyediakan borang pengesahan bahan dan perlu di isi oleh kontraktor dan disahkan oleh Pegawai Penguasa sebelum sebarang kerja dimulakan ditapak bina.

- ii. Sebanyak enam perkhidmatan pembersihan awam dan pengurusan sisa pepejal di MDKL yang berjumlah RM3.92 juta diterima tetapi tidak mengikut spesifikasi seperti dalam senarai kuantiti yang telah dimuktamadkan seperti di **Jadual 2.15**. Perkara ini berlaku kerana kelemahan dalam pemantauan terhadap pematuan spesifikasi perkhidmatan.

JADUAL 2.15
PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN
PENGURUSAN SISA PEPEJAL TIDAK DILAKSANAKAN MENGIKUT SPESIFIKASI

BIL.	NO. KONTRAK	KAWASAN	NILAI KONTRAK (RM)	BAYARAN BULANAN (RM)	KEKERAPAN PERKHIDMATAN	PERKHIDMATAN TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI
1.	MDKL/USP PPA/T1/2016	i. Gerai MDKL Jalan Pasar ii. Pasar Awam Tanjung Sepat	1,219,608	50,817	Kutipan sampah – setiap hari	i. Sampah tidak dikutip mengikut kekerapan yang ditetapkan.
2.	MDKL/UPS PPA/SH.18/2016	Taman Mutiara, Tanjong Sepat	186,523	7,771	i. Sapuan jalan (lot parkir – setiap hari ii. Pemotongan rumput – sebulan sekali iii. Pembersihan lorong belakang – setiap hari iv. Pembersihan longkang – sebulan sekali	i. Kawasan petak parkir tidak dibersihkan. ii. Rumput di bahu jalan tidak dipotong. (Jalan Bawal) Gambar 2.14 iii. Lorong belakang lot premis tidak dibersihkan. Gambar 2.16 iv. Longkang di belakang lot premis tidak dibersihkan.
3.	MDKL/UPS PPA/SH.14/2016	Taman Muhibbah, Banting	107,005	4,458	i. Pembersihan lorong belakang (lot parkir) – setiap hari ii. Pembersihan longkang – sebulan sekali	Lorong belakang dan longkang tidak dibersihkan.
4.	MDKL/UPS PPA/T.4/2016	Medan Selera Kompleks Perabot Olak	1,174,800	48,950	Kutipan sampah – setiap hari	Tong sampah yang telah rosak tidak dialihkan.

BIL.	NO. KONTRAK	KAWASAN	NILAI KONTRAK (RM)	BAYARAN BULANAN (RM)	KEKERAPAN PERKHIDMATAN	PERKHIDMATAN TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI
		Lempit				
		Taman Langat Murni			Kutipan sampah – setiap hari	i. Sampah tidak dikutip mengikut kekerapan. Gambar 2.18 ii. Tong sampah yang telah rosak masih digunakan. Gambar 2.20
		Kuarters Jabatan Veterinar			Kutipan sampah – setiap hari	Sampah lama di hadapan rumah kosong tidak dikutip.
5.	MDKL/UPS PPA/T.8/2016	Gerai Arked Makan, Telok Panglima Garang Pasar Awam, Telok Panglima Garang Jalan Dendang, Taman Telok, Telok Panglima Garang	999,000	41,625	Kutipan sampah – setiap hari Kutipan sampah – setiap hari Kutipan sampah – setiap hari	Sampah tidak dikutip mengikut kekerapan. Sampah tidak dikutip mengikut kekerapan. Gambar 2.22 i. Sampah tidak dikutip mengikut kekerapan. ii. Tong sampah padang permainan yang rosak tidak diganti. iii. Gambar 2.24
6.	MDKL/JPP H/344/2/2016	Pantai Morib	234,693	9,779	i. Pembersihan tandas awam – setiap hari ii. Pembersihan surau – setiap hari iii. Pembersihan longkang – 2 kali sebulan iv. Pembersihan keseluruhan kawasan sekitar – setiap hari	i. Surau wanita tidak dibersihkan ii. Gambar 2.26 iii. Surau lelaki tidak dikemas. iv. Tandas wanita tidak dibersihkan. v. Longkang dipenuhi sisa buangan. vi. Gambar 2.28 vii. Sinki di medan selera tidak dibersihkan. viii. Gambar 2.32
JUMLAH			3,921,629			

Sumber: Jabatan Audit Negara dan MDKL


- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati terdapat pemotongan bayaran telah dibuat bagi bayaran bulanan yang lepas. Bagaimanapun, masih terdapat kerja-kerja yang tidak mengikut spesifikasi dan tindakan yang telah diambil oleh MDKL selepas mendapat teguran Audit adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.14



Jalan Bawal, Taman Mutiara, Tanjung Sepat
- Rumput di Bahu Jalan Tidak Dipotong
(15.05.2017)

GAMBAR 2.15



Jalan Bawal, Taman Mutiara, Tanjung Sepat
- Rumput di Bahu Jalan Telah Dipotong
(18.05.2017)

GAMBAR 2.16



Taman Mutiara, Tanjung Sepat
- Lorong Belakang Lot Premis Tidak Dibersihkan
(15.05.2017)

GAMBAR 2.17



Taman Mutiara, Tanjung Sepat
- Lorong Belakang Lot Premis Telah Dibersihkan
(15.05.2017)

GAMBAR 2.18



Taman Langat Murni
- Sampah Tidak Dikutip Mengikut Kekerapan
(16.05.2017)

GAMBAR 2.19



Taman Langat Murni
- Sampah Telah Dikutip Mengikut Kekerapan
(16.05.2017)

GAMBAR 2.20



Taman Langat Murni
- Tong Sampah yang Telah Rosak Masih Digunakan
(16.05.2017)

GAMBAR 2.21



Taman Langat Murni
- Tong Sampah yang Telah Rosak Telah Diganti
(18.05.2017)

GAMBAR 2.22



Pasar Awam, Telok Panglima Garang
- Sampah Tidak Dikutip Mengikut Kekerapan
(16.05.2017)

GAMBAR 2.23



Pasar Awam, Telok Panglima Garang
- Sampah Telah Dikutip Mengikut Kekerapan
(16.05.2017)

GAMBAR 2.24



Sebelum

Jalan Dendang, Taman Telok,
Telok Panglima Garang
- Tong Sampah Padang Permainan
Rosak Tidak Diganti
(16.05.2017)

GAMBAR 2.25



Selepas

Jalan Dendang, Taman Telok,
Telok Panglima Garang
- Tong Sampah Padang Permainan
Rosak Telah Diganti
(18.05.2017)

GAMBAR 2.26



Sebelum

Pantai Morib
- Longkang Dipenuhi Dengan Sisa Buangan
(17.05.2017)

GAMBAR 2.27



Selepas

Pantai Morib
- Longkang Telah Dibersihkan
(17.05.2017)

GAMBAR 2.28



Sebelum

Pantai Morib
- Sisa Buangan Dalam Longkang
Tidak Dibersihkan
(17.05.2017)

GAMBAR 2.29



Selepas

Pantai Morib
- Sisa Buangan Dalam Longkang
Telah Dibersihkan
(17.05.2017)

GAMBAR 2.30



Sebelum

Pantai Morib
- Bahagian Bawah Sinki di Medan Selera
Tidak Dibersihkan
(17.05.2017)

GAMBAR 2.31



Selepas

Pantai Morib
- Bahagian Bawah Sinki Di Medan Selera
Telah Dibersihkan dan Paip PVC Telah Ditukar
(19.05.2017)

Maklum Balas MDKL yang Diterima pada 26 Oktober 2017

MDKL telah melantik lima orang Pembantu Tadbir (P/O) pada 2 Oktober 2017 untuk melaksanakan jadual pemantauan secara berkala terhadap prestasi kontraktor pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam serta menyiasat segala aduan yang diterima mulai 1 November 2017.

Selain daripada itu, MDKL juga telah membuat kajian semula terhadap kadar dan spesifikasi kerja untuk tender pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam bagi lantikan tahun 2018. Mesyuarat dan bengkel berkaitan semakan kadar harga dan spesifikasi kerja telah diadakan pada 12 dan 13 Oktober 2017.

Tindakan mengeluarkan surat amaran dan penamatan bagi kontraktor yang gagal mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan juga telah dilaksanakan.

- iv. Sebanyak dua perkhidmatan penyenggaraan landskap berjumlah RM278,358 telah dilaksanakan tanpa mengikut spesifikasi seperti dalam senarai kuantiti yang telah dimuktamadkan seperti di **Jadual 2.16**. Perkara ini berlaku kerana kelemahan dalam pemantauan dan ini boleh menyebabkan kerugian kepada pihak Kerajaan kerana perkhidmatan yang diterima tidak setimpal dengan bayaran yang telah dibuat.

JADUAL 2.16
PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN
LANSKAP TIDAK DILAKSANAKAN MENGIKUT SPESIFIKASI

BIL.	NO. KONTRAK	KAWASAN	NILAI KONTRAK (RM)	BAYARAN BULANAN (RM)	KEKERAPAN PERKHIDMATAN	PERKHIDMATAN TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI
1.	MDKL/JL /SH.25/2 015	Dataran Banting	101,400	8,450	Pembersihan kawasan – setiap hari	Pembersihan kawasan tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi
		Laluan pejalan kaki Taman Cempaka ke Dataran Banting			Pemotongan rumput – dua kali sebulan	Rumput tidak dipotong (ketinggian rumput 600mm)
2.	MDKL/JL /SH.30/2 016	Kawasan Rekreasi Kaki Bukit Jugra	176,958	13,912	Pembersihan kawasan – setiap hari	Dahan dari pokok yang tumbang tidak dibersihkan Gambar 2.36
		Gerai Unit Perancang Ekonomi Negeri(UPEN), Jalan Sultan Suleiman Shah, Jugra			Pemotongan rumput – dua kali sebulan	Rumput tidak dipotong Gambar 2.38
JUMLAH			278,358	22,362		

Sumber: Jabatan Audit Negara dan MDKL

- v. Kerja-kerja yang tidak mengikut spesifikasi dan tindakan yang telah diambil oleh MDKL selepas mendapat teguran Audit adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.32



Laluan Pejalan Kaki Taman Cempaka ke Dataran Banting
- Rumput Tidak Dipotong Sehingga Mencapai Ketinggian 600mm
(24.05.2017)

GAMBAR 2.33



Laluan Pejalan Kaki Taman Cempaka ke Dataran Banting
- Rumput Telah Dipotong
(25.05.2017)

GAMBAR 2.34



Kawasan Rekreasi Kaki Bukit Jugra
- Dahan Dari Pokok yang Tumbang Tidak Dibersihkan
(24.05.2017)

GAMBAR 2.35



Kawasan Rekreasi Kaki Bukit Jugra
- Dahan Dari Pokok yang Tumbang Telah Dibersihkan
(24.05.2017)

GAMBAR 2.36



Gerai UPEN, Jalan Sultan Suleiman Shah, Jugra
- Rumput Tidak Dipotong
(24.05.2017)

GAMBAR 2.37



Gerai UPEN, Jalan Sultan Suleiman Shah, Jugra
- Rumput Telah Dipotong
(25.05.2017)

vi. Ketidaktepatan spesifikasi kerja telah menyebabkan kerugian kepada MDKL kerana membuat pembayaran penuh bagi kerja dan perkhidmatan yang tidak diterima dengan sempurna.

b. Kualiti Kerja Tidak Memuaskan

i. Setiap perolehan kerja hendaklah dilaksanakan secara ekonomik dan dipantau dengan teliti bagi memastikan kualiti kerja adalah sebagaimana yang ditetapkan. Pemeriksaan Audit mendapati sebanyak empat kerja yang dilaksanakan oleh MDKL dengan nilai perolehan berjumlah RM509,679 tidak berkualiti kerana terdapat banyak kerosakan walaupun baru disiapkan antara enam hingga 20 bulan seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.17
SENARAI KERJA DI MDKL YANG MEMPUNYAI KUALITI KERJA TIDAK MEMUASKAN

BIL.	NO. SEBUT HARGA	TARIKH SIAP KERJA	KOS PEROLEHAN (RM)	PENEMUAN AUDIT
2016				
1.	MDKL/JPPI/SH. 42/2016	24.10.2016	191,493	<ul style="list-style-type: none"> Papan tanda "BERHENTI" hilang kerana dipasang di permukaan jalan.
2.	MDKL/JPPI/SH. 61/2016	01.02.2017	127,090	<ul style="list-style-type: none"> Dinding longkang tidak dilepa dengan kemas. Gambar 2.40 Premix tidak dihampar dan diratakan dengan kemas. Gambar 2.42 Pemasangan longkang tidak kemas. Gambar 2.44
3.	MDKL/JPPI/SH. 29/2016	12.10.2016	166,198	<ul style="list-style-type: none"> Cat garisan petak parkir tidak kemas. Tiang Papan Tanda Orang Kurang Upaya dilanggar oleh kenderaan dan tidak diganti. Gambar 2.46 Asas binaan tiang papan tanda tidak dibuat dengan kukuh. Gambar 2.48
4.	MDKL/JPPI/SH. 32/2016	03.10.2016	24,898	<ul style="list-style-type: none"> Cat dinding balai raya tidak dibuat dengan kemas Gambar 2.50
JUMLAH			509,679	

Sumber: Jabatan Audit Negara dan MDKL

- ii. Kualiti kerja yang tidak memuaskan dan tindakan yang telah diambil oleh MDKL selepas mendapat teguran Audit adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.38



Jalan Wira 20 & 26, Taman Perwira,
Telok Panglima Garang
- Permukaan Longkang Tidak Dilepa
Dengan Kemas
(22.05.2017)

GAMBAR 2.39



Jalan Wira 20 & 26, Taman Perwira,
Telok Panglima Garang
- Permukaan Longkang Telah Dilepa
Dengan Kemas
(27.07.2017)

GAMBAR 2.40



Jalan Wira 20 & 26, Taman Perwira,
Telok Panglima Garang
- Premix Tidak Dihampar dan Diratakan
Dengan Kemas
(22.05.2017)

GAMBAR 2.41



Jalan Wira 20 & 26, Taman Perwira,
Telok Panglima Garang
- Premix Telah Dihampar dan Diratakan
Dengan Kemas
(27.07.2017)

GAMBAR 2.42



Jalan Wira 20 & 26, Taman Perwira,
Telok Panglima Garang
- Pemasangan Longkang Tidak Kemas
(22.05.2017)

GAMBAR 2.43



Jalan Wira 20 & 26, Taman Perwira,
Telok Panglima Garang
- Pemasangan Longkang Telah Dikemaskan
(27.07.2017)

GAMBAR 2.44



Pasar Awam Sungai Jarom dan
Medan Selera Sungai Jarom, Kuala Langat
- Tiang OKU Patah/Rosak
(18.05.2017)

GAMBAR 2.45



Pasar Awam Sungai Jarom dan
Medan Selera Sungai Jarom, Kuala Langat
- Tiang OKU Telah Diganti Baru
(21.07.2017)

GAMBAR 2.46



Pasar Awam Sungai Jarom dan
Medan Selera Sungai Jarom, Kuala Langat
- Asas Binaan Tiang Papan Tanda
Tidak Kukuh
(18.05.2017)

GAMBAR 2.47



Pasar Awam Sungai Jarom dan
Medan Selera Sungai Jarom, Kuala Langat
- Asas Binaan Tiang Papan Tanda
Telah Dikukuhkan
(21.07.2017)

GAMBAR 2.48



Balai Raya Taman Changgang Jaya,
Bukit Changgang, Kuala Langat
- Cat Dinding Tidak Kemas
(18.05.2017)

GAMBAR 2.49



Balai Raya Taman Changgang Jaya,
Bukit Changgang, Kuala Langat
- Cat Dinding Telah Dikemaskan
(19.07.2017)

- iii. Pelaksanaan bagi dua perolehan perkhidmatan penyenggaraan peralatan permainan kanak-kanak dan perabot taman berjumlah RM300,019 adalah tidak memuaskan seperti di jadual berikut :

JADUAL 2.18
SENARAI PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN
PERALATAN PERMAINAN KANAK-KANAK DAN PERABOT
TAMAN YANG MEMPUNYAI KUALITI YANG TIDAK MEMUASKAN

BIL.	NO. SEBUT HARGA	KAWASAN	TEMPOH KONTRAK	KOS PEROLEHAN	PENEMUAN AUDIT
1.	MDKL/JL/SH.24/2016	Jalan Semilang 5, Taman Seri Putra, Banting	01.01.2017 – 31.12.2017	150,599	<ul style="list-style-type: none"> • Kerja lepaan simen di sekeliling <i>rubber mat</i> tidak kemas Gambar 2.52
2.	MDKL/JL/SH.23/2016	Padang Awam Taman Seri Muhibah, Kelanang	01.01.2017 – 31.12.2017	149,420	<ul style="list-style-type: none"> • Pemegang jongkang jongkit hilang Gambar 2.54
JUMLAH				300,019	

Sumber: Jabatan Audit Negara dan MDKL

- iv. Kualiti kerja yang kurang memuaskan dan tindakan yang telah diambil oleh MDKL selepas mendapat teguran Audit adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.50



Jalan Semilang 5, Taman Seri Putra, Banting
 - Kerja Lepaan Simen di Sekeliling *Rubber Mat* Tidak Kemas
 (25.05.2017)

GAMBAR 2.51



Jalan Semilang 5, Taman Seri Putra, Banting
 - Kerja Lepaan Simen di Sekeliling *Rubber Mat* Telah Dikemaskan
 (30.05.2017)

GAMBAR 2.52



Padang Awam Taman Seri Muhibah, Kelanang
 - Pemegang Papan Jongkang Jongkit Hilang
 (25.05.2017)

GAMBAR 2.53



Padang Awam Taman Seri Muhibah, Kelanang
 - Pemegang Papan Jongkang Jongkit Telah Diganti
 (30.05.2017)

2.5.4.3. Pematuhan Peraturan Kewangan

a. Kuasa Menyedia dan Menandatangani Baucar Bayaran

- i. Selanjutnya AP 101 menetapkan Pegawai Pengawal boleh memberi kuasa secara bertulis kepada kakitangan bagi memperakui baucar bayaran. Semakan Audit mendapati MDKL telah mengeluarkan surat penurunan kuasa untuk menandatangani baucar bayaran pada 27 September 2010 melalui surat dlm MDKL.JP/AM/039. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap surat penurunan kuasa tersebut mendapati pegawai yang memperakui baucar bayaran masih belum mendapat penurunan kuasa daripada Pegawai pengawal yang baharu.
- ii. Pihak Audit mendapati punca perkara ini berlaku adalah disebabkan pertukaran pegawai pengawal yang baharu bermula pada 1 Februari 2017. Kesan daripada perkara ini telah menyebabkan semua transaksi baucar bayaran mulai dari 1 Februari 2017 hingga 7 Julai 2017 menjadi tidak sah. Penurunan kuasa adalah penting supaya semua transaksi yang dijalankan oleh pegawai yang diberi kuasa dapat ditentukan sekiranya berlaku sebarang pertikaian.

Maklum Balas MDKL yang Diterima pada 24 Julai 2017 dan 26 Oktober 2017

MDKL berpendapat pada ketika itu surat penurunan kuasa Pegawai Pengawal yang telah bertukar masih boleh berkuatkuasa selagi pegawai yang diberi kuasa masih bertugas. Ini adalah kerana surat penurunan kuasa tersebut telah ditandatangani oleh pegawai yang sah pada waktu menandatangani surat tersebut.

Pihak MDKL telah membuat surat penurunan kuasa yang baharu bertarikh 10 Julai 2017 serta memastikan perkara ini tidak berulang lagi pada masa hadapan.

Pada pendapat Audit, pengurusan penurunan kuasa adalah tidak memuaskan kerana tidak mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.

b. Perolehan Kenderaan Tidak Mengikut Peraturan

- i. Mengikut 1PP, PK 7.3 Perenggan 1.2, agensi adalah di benar untuk menguruskan perolehan kenderaan secara rundingan terus bagi kategori kenderaan umum tanpa sebarang had nilai bagi setiap jenis kenderaan tersebut tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan.

- ii. Semakan Audit mendapati MDKL telah membuat pembelian sebanyak enam buah kenderaan berjumlah RM561,925 dari tahun 2014 sehingga bulan Mac 2017. Pembelian ini telah dibuat secara pembelian terus tanpa melalui Jawatankuasa Penilaian. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.19
PEMBELIAN KENDERAAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN MAC 2017**

BIL.	NO. PESANAN TEMPATAN	TARIKH PEMBELIAN	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
1.	16P073-00	15.02.2016	Pembelian Hilux 2.5 <i>Double Cab</i> Berserta Aksesori	120,759
2.	16P0132-00	04.03.2016	Pembelian Hilux 2.5 Double Cab Beserta Aksesori	115,457
3.	15P0657-00	03.12.2015	Pembelian Hilux 2.5 Double Cab	101,451
4.	14P0110-00	25.02.2014	Nissan X-Trail 2.5 L	92,513
5.	14P0111-00	25.02.2014	Proton Saga FLX CVT SV	37,415
6.	14P0109-00	25.02.2014	Nissan Urvan 3.0	94,330
JUMLAH				561,925

Sumber: MDKL

Maklum Balas MDKL yang Diterima pada 2 Ogos 2017 dan 26 Oktober 2017

Pembelian Hilux dengan nombor Pesanan Tempatan 15P0657-00 bertarikh 3 Disember 2015 adalah menggunakan Direct Grant bertarikh 6 November 2015 daripada Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, pembelian bagi lain-lain kenderaan adalah mengikut permohonan daripada Jabatan dan mengikut keperluan semasa secara pembelian terus. MDKL telah memutuskan dalam Mesyuarat Bajet MDKL Tahun 2018 bahawa segala urusan pembelian kenderaan akan diuruskan oleh Unit Perolehan dan Ukur Bahan selaras pekeliling yang berkuatkuasa.

Pada pendapat Audit, perolehan kenderaan adalah tidak memuaskan kerana tidak mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.

2.6. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan dan memastikan pengurusan perolehan dapat dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta mendapat *value for money* dalam membelanjakan wang awam, Majlis Daerah Kuala Langat disyorkan untuk mempertimbangkan perkara berikut:

- 2.6.1. mengenakan tindakan tegas kepada kakitangan yang cuai dan menyenarai hitam atau mengenakan ganti rugi mengikut perjanjian yang ditetapkan kepada kontraktor/pembekal yang tidak melaksanakan kerja dengan sempurna atau tidak mematuhi spesifikasi kontrak;

2.6.2. memastikan spesifikasi perolehan disediakan, dirancang dengan teliti serta terperinci supaya kontraktor/pembekal dapat melaksanakannya mengikut ketetapan dan kualiti di samping memudahkan pemantauan/pengesahan dilaksanakan sebelum perakuan pembayaran disempurnakan;

2.6.3. meningkatkan penyeliaan/pemantauan secara berterusan bagi memastikan pematuhan terhadap kontrak kerja yang ditetapkan agar kerja yang dilaksanakan berkualiti dan kepentingan MDKL terpelihara; dan

2.6.4. memberikan latihan yang berterusan dan bersesuaian kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi meningkatkan tahap pengetahuan serta kemahiran dalam pelaksanaan kerja.

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

3. PENGURUSAN PEROLEHAN

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) ditubuhkan pada tahun 1975 dan tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Sumber kewangan MDHS terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai serta terimaan bukan hasil daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta terimaan daripada Agensi Kerajaan. Akta 171 memberi kuasa kepada MDHS untuk membuat anggaran dan berbelanja daripada hasil yang diterima dalam melaksanakan aktiviti selaras dengan objektif penubuhannya. MDHS adalah tertakluk kepada peraturan perolehan yang berkuatkuasa yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa dalam melaksanakan perolehan.

3.1.2. Peruntukan perolehan MDHS bagi tahun 2013 hingga 2017 berjumlah RM324.81 juta daripada peruntukan keseluruhan MDHS yang berjumlah RM423.3 juta. Peruntukan tersebut diterima daripada Kerajaan Persekutuan (RM3.98 juta), Kerajaan Negeri (RM72.50 juta) dan MDHS (RM248.32 juta). MDHS telah membelanjakan sejumlah RM204.69 juta daripada RM324.81 juta pada tahun 2013 hingga bulan Mei 2017. Peratus perbelanjaan berbanding peruntukan perolehan bagi tahun 2013 hingga bulan Mei 2017 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
PEROLEHAN MDHS BAGI TAHUN 2013 HINGGA BULAN MEI 2017

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN PEROLEHAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
2013	51.28	36.81	71.8
2014	56.30	46.73	83.0
2015	63.25	43.31	68.5
2016	80.27	56.08	69.9
2017	73.71	21.76	29.5
JUMLAH	324.81	204.69	63.0

Sumber: MDHS

Nota: Peruntukan Meliputi Peruntukan Daripada Majlis, Kerajaan Persekutuan Dan Negeri

3.1.3. Perbelanjaan berjumlah RM204.69 juta yang dinyatakan di perenggan atas adalah melibatkan 11,396 perolehan melalui kaedah perolehan secara tender, sebut harga dan pembelian terus seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.2
BILANGAN DAN NILAI PEROLEHAN
MENGIKUT KAEDAH PEROLEHAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA BULAN MEI 2017

TAHUN	TENDER		SEBUT HARGA		PEMBELIAN TERUS		JUMLAH	
	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)
2013	258	7.83	850	11.71	1,834	17.28	2,942	36.81
2014	240	7.60	884	16.52	1,955	22.61	3,079	46.73
2015	381	11.26	699	20.82	1,559	11.23	2,639	43.31
2016	508	31.74	242	18.59	1,249	5.75	1,999	56.08
2017	313	12.16	153	7.88	271	1.71	737	21.76
JUMLAH	1,700	70.59	2,828	75.52	6,868	58.58	11,396	204.69

Sumber: MDHS

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai pengurusan perolehan di MDHS telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi empat bidang utama iaitu perancangan perolehan, pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak dan pelaksanaan perolehan yang dilaksanakan bagi tahun 2013 hingga bulan Mei 2017. Pengauditan telah dijalankan di pejabat MDHS. Peratus persampelan semakan dokumen yang dijalankan oleh pihak Audit berbanding populasi bilangan dan nilai perolehan MDHS adalah pada kadar masing-masing 2.5% dan 25.8%. Semakan telah dilaksanakan terhadap 280 dokumen perolehan bernilai RM52.81 juta seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.3
BILANGAN SAMPEL PENGAUDITAN DOKUMEN
PEROLEHAN MDHS BAGI TAHUN 2013 HINGGA BULAN MEI 2017

TAHUN	TENDER		SEBUT HARGA		PEMBELIAN TERUS		JUMLAH	
	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)
2013	-	-	1	0.07	46	3.41	47	3.48
2014	1	0.63	2	0.69	44	0.44	47	1.76
2015	39	42.12	13	2.01	45	0.39	97	44.51
2016	1	0.58	6	0.67	59	0.43	66	1.68
2017	-	-	4	1.28	19	0.09	23	1.38
JUMLAH	41	43.33	26	4.72	213	4.76	280	52.81

Sumber: MDHS

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pemeriksaan dijalankan terhadap rekod dan dokumen perolehan yang berkaitan. Selain itu, pemeriksaan fizikal juga dijalankan dengan kerjasama pegawai daripada MDHS

bagi mengesahkan aset yang diterima serta projek yang dilaksanakan. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab telah dilakukan bagi mendapatkan maklum balas dan pengesahan.

3.5. PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya daripada pengauditan yang telah dilaksanakan terhadap sampel yang dipilih, pihak Audit mendapati Pengurusan Perolehan di MDHS adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui daripada sampel yang diaudit adalah seperti berikut:

- i. pelantikan secara pembelian terus bagi perkhidmatan pembaikan kerosakan enjin, pendawaian elektrik dan pendingin hawa tidak mematuhi kriteria ditetapkan serta tidak mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu melibatkan tiga perolehan dengan perbelanjaan berjumlah RM3.10 juta;
- ii. kontrak tidak ditandatangani dalam tempoh empat bulan daripada tarikh surat setuju terima dikeluarkan melibatkan 39 perolehan kerja pembersihan awam berjumlah RM42.12 juta;
- iii. dokumen kontrak tidak disetemkan seperti yang dinyatakan di bawah Akta Setem 1949 melibatkan lapan perolehan berjumlah RM1.49 juta;
- iv. kelewatan pengeluaran Pesanan Tempatan antara satu hingga 275 hari selepas bekalan/perkhidmatan dan invois diterima melibatkan 116 Pesanan Tempatan berjumlah RM388,033;
- v. pelaksanaan perolehan tidak mengikut tempoh yang ditetapkan antara tujuh hingga 479 hari melibatkan enam perolehan kerja berjumlah RM1.53 juta;
- vi. pembinaan telah siap tetapi tidak digunakan mengikut perancangan asal melibatkan dua perolehan berjumlah RM715,805;
- vii. pelaksanaan kerja tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan tidak berkualiti melibatkan satu perolehan bernilai RM632,075 dan satu perolehan bernilai RM165,570; dan
- viii. berlaku pecah kecil melibatkan tiga perolehan secara sebut harga berjumlah RM785,890 dan 130 perolehan secara pembelian terus berjumlah RM1.17 juta.

Perkara yang ditemui dan maklum balas MDHS telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 24 Oktober 2016 yang turut dihadiri oleh Yang DiPertua, Setiausaha dan Ketua Jabatan MDHS. Manakala hasil penemuan pengauditan lanjutan telah dibincangkan bersama dengan Yang DiPertua, Ketua Unit Perolehan dan pegawai Unit Audit Dalam MDHS pada 8 Jun 2017. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang ditemui adalah seperti di perenggan berikut:

3.5.1. Perancangan Perolehan

Perancangan perolehan diperlukan bagi mengawal kos dan menangani masalah dalam melaksanakan perolehan. Ia bertujuan bagi mengelakkan daripada berlakunya perbelanjaan perolehan pada hujung tahun semata-mata untuk menghabiskan peruntukan. Semakan Audit terhadap perancangan perolehan MDHS mendapati perkara seperti berikut:

3.5.1.1. Pelantikan Kontraktor

- a. Merujuk perenggan 1.1 dalam 1PP PK 7.13 mengenai Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus, sebanyak lima kriteria utama telah ditetapkan sebagai asas sesuatu perolehan dilaksanakan secara rundingan terus iaitu keperluan mendesak, bagi maksud penyeragaman, satu punca bekalan perkhidmatan (pembuat/pemegang francais), melibatkan aspek keselamatan/strategik dan kontrak dengan syarikat pembuat bumiputera. Selain itu, agensi hendaklah mendapatkan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri untuk melantik kontraktor/pembekal secara rundingan terus.
- b. Semakan Audit mendapati pelantikan kontraktor bagi tiga daripada 280 perolehan dibuat tidak mengikut prosedur yang sebenar. MDHS telah melantik tiga panel bengkel secara rundingan terus bagi perkhidmatan pembaikan kerosakan enjin, pendawaian elektrik dan pendingin hawa untuk 87 buah kenderaan seliaannya berjumlah RM3.10 juta bagi tempoh 2013 hingga Mei 2017. Bagaimanapun, pelantikan tersebut tidak mematuhi kriteria yang ditetapkan serta tidak mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu. Butiran kontraktor yang dilantik secara rundingan terus tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.4
JUMLAH PEMBAIKAN KENDERAAN MDHS SECARA
RUNDINGAN TERUS BAGI TEMPOH 2013 HINGGA BULAN MEI 2017

BIL.	NO. SYARIKAT	JUMLAH PEMBAIKAN					JUMLAH (RM)
		2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	
1.	000768447-M	457,060	611,918	551,310	484,586	80,845	2,185,719
2.	543489-P	192,944	177,939	260,130	213,140	12,206	856,360
3.	002080551-K	-	-	-	44,488	14,015	58,503
JUMLAH		650,004	789,857	811,440	742,214	107,066	3,100,582

Sumber: MDHS

- c. Semakan lanjut terhadap minit mesyuarat yang dijalankan pada bulan Jun 2017 mendapati MDHS telah mengambil tindakan penambahbaikan dengan melantik panel bengkel pembaikan kenderaan melalui proses secara sebut

harga dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Sebut Harga pada 31 Mac 2017.

Maklum Balas MDHS yang Diterima pada 31 Oktober 2016 dan 19 Oktober 2017

Perkara ini berlaku kerana MDHS berpendapat bengkel tersebut sahaja yang mempunyai kapasiti serta peralatan yang sesuai serta menyediakan perkhidmatan tunda kenderaan dan khidmat pembaikan di luar kawasan.

MDHS telah melantik panel bengkel bagi pembaikan kenderaan melalui proses secara sebut harga dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Sebut Harga pada 31 Mac 2017.

Pada pendapat Audit, pelantikan kontraktor adalah tidak memuaskan kerana pelantikan kontraktor secara rundingan terus telah menyebabkan harga yang diperoleh tidak menjamin *value for money* kepada MDHS.

3.5.2. Pengurusan Perolehan

3.5.2.1. Perancangan setiap perolehan hendaklah dibuat dengan teliti dan pelaksanaan projek oleh Majlis perlu disempurnakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan dan mengikut semua syarat yang terkandung dalam dokumen kontrak serta peraturan berkaitan.

3.5.2.2. Semakan Audit terhadap 280 fail perolehan mendapati kelulusan Jawatankuasa telah diperoleh sebelum pelaksanaan perolehan, pembelian dibuat mengikut jadual senarai harga dan nilai kontrak yang ditetapkan serta pengurusan pembekalan telah dilaksanakan dengan teratur.

3.5.3 Pentadbiran Kontrak

Pentadbiran kontrak yang cekap memainkan peranan yang penting dalam perolehan bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara. Semakan Audit terhadap pentadbiran kontrak mendapati bon pelaksanaan telah diterima, manakala Surat Setuju Terima (SST), arahan perubahan kerja dan perakuan muktamad telah dikeluarkan. Bagaimanapun, terdapat kontrak yang tidak diurus mengikut prosedur kewangan dan Pesanan Tempatan (PT) yang lewat dikeluarkan. Butiran lanjut seperti diterangkan dalam perenggan berikut:

3.5.3.1 Pengurusan Kontrak

Semakan Audit terhadap dokumen perjanjian kontrak mendapati 47 daripada 49 perolehan berjumlah RM43.61 juta telah tidak mengikut peraturan atau prosedur kewangan perolehan semasa yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam perenggan berikut:

- a. Semakan Audit terhadap 39 perolehan kerja pembersihan awam berjumlah RM42.12 juta mendapati kontrak tidak ditandatangani dalam tempoh empat bulan daripada tarikh SST dikeluarkan seperti yang ditetapkan dalam 1PP PK 4 mengenai Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan. Tempoh kelewatan adalah antara 213 hingga 220 hari.
- b. Semakan seterusnya mendapati dokumen kontrak bagi lapan perolehan berjumlah RM1.49 juta yang melibatkan tiga perolehan pembaikan dan penyenggaraan lampu jalan, empat pembaikan kerosakan kecil dan pelbagai pada bangunan premis MDHS serta satu penyenggaraan alat pendingin hawa di bangunan MDHS telah ditandatangani seperti yang ditetapkan dalam peraturan kewangan. Bagaimanapun, dokumen kontrak berkenaan tidak disetemkan seperti yang dinyatakan di bawah Akta Setem 1949.
- c. Kelewatan menandatangani dokumen kontrak yang lengkap boleh mengakibatkan pelaksanaan pemantauan terhadap perolehan yang dilaksanakan terjejas dan sekiranya berlaku pelanggaran syarat perjanjian, tindakan tidak dapat diambil terhadap kontraktor.

Maklum Balas MDHS yang Diterima pada 31 Oktober 2016 dan 19 Oktober 2017

MDHS mengakui perkara ini berlaku disebabkan kesibukan tugas harian dan tindakan telah diambil terhadap teguran Audit dengan memasukkan pengesahan setem hasil dalam dokumen kontrak.

MDHS telah mengarahkan Bahagian Undang-undang untuk memastikan setiap kontrak disemak dengan teliti, ditandatangani dan disetemkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak adalah tidak memuaskan kerana lewat ditandatangani antara 213 hingga 220 hari dan tidak disetemkan yang menjejaskan kepentingan MDHS jika berlaku pelanggaran syarat perjanjian.

3.5.3.2 Penyediaan Pesanan Tempatan

- a. Arahan Perbendaharaan (AP) 176.1(b) menetapkan Pesanan Tempatan hendaklah dikeluarkan terlebih dahulu sebelum bekalan/kerja/perkhidmatan dilaksanakan.
- b. Semakan Audit terhadap PT bagi tahun 2013 hingga bulan Mei 2017, mendapati sebanyak 116 daripada 210 PT bernilai RM388,033 telah lewat dikeluarkan antara satu hingga 275 hari selepas bekalan atau perkhidmatan dan invoice diterima oleh MDHS. Butirannya seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.5
PESANAN TEMPATAN LEWAT DIKELUARKAN
BAGI TEMPOH 2013 HINGGA BULAN MEI 2017**

BIL.	BUTIRAN	BILANGAN PESANAN TEMPATAN	TEMPOH PESANAN TEMPATAN LEWAT DIKELUARKAN	JUMLAH (RM)
1.	Tayar	39	11 hingga 275	183,968
2.	Pakaian Seragam	5	9 hingga 29	34,223
3.	Peralatan Komputer	2	8 hingga 43	19,791
4.	Alat Tulis Komputer	2	1 hingga 16	16,699
5.	Kertas A4	2	8 hingga 27	8,400
6.	Penyelenggaraan Kenderaan	66	8 hingga 237	124,952
JUMLAH		116		388,033

Sumber: MDHS

Maklum Balas MDHS yang Diterima pada 31 Oktober 2016

Perkara ini berlaku kerana stok bekalan tersebut diperlukan dengan kadar segera untuk kerja percetakan oleh pelbagai Jabatan. Bagi pembelian tayar pula, kebanyakan kenderaan dihantar ke bengkel terlebih dahulu apabila tayar bocor atau pecah dan perlu ditukar dengan segera. Perancangan awal tidak dapat dibuat bagi kerosakan kenderaan yang tidak dirancang. MDHS telah melantik panel bengkel melalui sebut harga bagi penyelenggaraan kenderaan dan tayar berkuatkuasa pada 1 April 2017.

Pada pendapat Audit, penyediaan Pesanan Tempatan adalah tidak memuaskan kerana lewat dikeluarkan yang menjejaskan kepentingan MDHS jika bekalan atau perkhidmatan yang diberikan tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan.

3.5.4. Pelaksanaan Perolehan

Agensi hendaklah membuat perancangan perolehan bagi mengawal kos dan menangani masalah dalam melaksanakan sesuatu perolehan. Agensi juga perlu menyediakan Jadual Pelaksanaan khusus bagi setiap perolehan. Semakan Audit

terhadap kemajuan kerja perolehan yang dilaksanakan oleh MDHS mendapati perkara seperti berikut:

3.5.4.1. Tempoh Penyempurnaan Perolehan

- a. Setiap perolehan bekalan, kerja dan perkhidmatan hendaklah dibekal atau disediakan oleh kontraktor/pembekal mengikut tempoh yang telah ditetapkan dalam kontrak atau lanjutan masa (EOT) yang diluluskan. Kontraktor/pembekal yang tidak menunjukkan prestasi kerja yang baik hendaklah ditamatkan perkhidmatannya dan yang mana sesuai, Ganti Rugi Yang Tertentu dan Ditetapkan (LAD) atau ganti rugi berhubung penamatan perolehan tersebut perlu dikenakan.
- b. Semakan Audit terhadap 280 fail perolehan mendapati enam perolehan kerja bernilai RM1.53 juta telah siap dilaksanakan tetapi tidak mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu berlaku kelewatan antara tujuh hingga 479 hari. Butirannya seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.6
TEMPOH PENYEMPURNAAN PEROLEHAN
BAGI TAHUN 2013 HINGGA BULAN MEI 2017

BIL.	TAJUK PEROLEHAN/ NILAI PEROLEHAN (RM Juta)	TEMPOH KONTRAK/ TARIKH SST	TARIKH				BILANGAN HARI LEWAT
			PATUT SIAP/ HANTAR	MOHON EOT	LANJUTAN TARIKH SIAP	SIAP	
1.	0.63	20.10.2014 hingga 09.03.2015	31.05.2015	18.02.2015	19.04.2015	29.06.2015	29
				09.04.2015	15.05.2015		
				12.05.2015	31.05.2015		
2.	0.08	21.12.2015 hingga 31.12.2015	30.12.2015	22.02.2016	TM	31.03.2016	91
3.	0.49	15.10.2014 hingga 10.08.2015	10.08.2015	28.08.2015	31.12.2015	01.12.2016	479
4.	0.15	29.12.2015	05.01.2016	Tiada	Tiada	12.01.2016	7
			15.01.2016			02.02.2016	18
5.	0.14	040.7.2016	12.08.2016	12.08.2016	26.08.2016	24.08.2016	12
						27.08.2016	15
6.	0.04	19.04.2017 hingga 01.06.2017	01.06.2017	Tiada	Tiada	Belum siap	*6

Sumber: MDHS

Nota: * - Pengiraan hari berdasarkan tarikh pemeriksaan fizikal Audit pada 6 Jun 2017

- c. Semakan lanjut Audit terhadap surat kelulusan EOT mendapati punca kelewatan adalah disebabkan penambahan skop kerja, perubahan reka bentuk bangunan, isu pemasangan utiliti dan kegagalan pelaksanaan migrasi data akibat ketiadaan *source code* bagi pembangunan aplikasi sistem. Kelewatan menyiapkan projek ini mengakibatkan orang awam dan MDHS tidak dapat menggunakan kemudahan dalam tempoh kelewatan tersebut dan seterusnya menjejaskan imej MDHS. Butiran semakan Audit adalah seperti berikut:

i. Membina Bangunan Baru Pasar Awam

- Pada tahun 2014, MDHS telah melantik kontraktor secara tender terbuka untuk melaksanakan kerja Membina Bangunan Baru Pasar Awam di Pekan Hulu Yam Bharu bernilai RM632,075. Tempoh kontrak adalah selama lima bulan mulai 20 Oktober 2014 hingga 9 Mac 2015. Bagaimanapun, bangunan ini hanya siap dan diserahkan kepada MDHS pada 29 Jun 2015 setelah diberikan tiga kali EOT dan MDHS telah mengenakan LAD berjumlah RM3,666 bagi kelewatan selama 29 hari.
- Pemeriksaan fizikal pada 30 Ogos 2016 mendapati bangunan tersebut masih tidak beroperasi selama 428 hari daripada tarikh siap walaupun sebanyak dua lot telah disewakan. Pasar awam tersebut yang tidak digunakan dan masih kosong telah mengakibatkan berlakunya aktiviti vandalisme terhadap kemudahan awam yang disediakan seperti kehilangan paip air, salur air tangki tandas tertanggal dan kehilangan pintu utama kedai Lot 1-1. Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bilangan 5 Tahun 2016 yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua MDHS telah bersetuju bangunan ini ditukar status kegunaannya kepada Kompleks Perniagaan. Bagaimanapun, tiada justifikasi penukaran status dinyatakan dalam minit mesyuarat tersebut.

Maklum Balas MDHS yang Diterima pada 31 Oktober 2016 dan 19 Oktober 2017

Projek bangunan baru Pasar Hulu Yam telah dibuat secara kaedah pembinaan konvensional dan penyediaan perincian reka bentuk hanya menggunakan khidmat dalaman (in-house) tanpa menggunakan Juru Perunding luar. Selain itu, skop peruntukan sementara melibatkan kerja pemasangan cerucuk konkrit termasuk mengadakan ujian kekuatan tanah dan ujian bebanan cerucuk tidak dijelaskan secara spesifik, tapak bersebelahan dengan kedai

makanan sementara ada penambahan atap yang rapat dengan sempadan cadangan pasar serta masalah pemasangan utiliti yang perlu menunggu penyambungan bekalan oleh TNB dan SYABAS.

Bangunan Pasar telah ditukar status kegunaan kepada Kompleks Perniagaan kerana Ahli Majlis berpendapat ia akan menarik minat penyewa untuk menyewa. Selain itu, MDHS telah menurunkan kadar sewaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bilangan 2 Tahun 2016 dan hasilnya, semua lot telah berjaya disewakan.

Pada pendapat Audit, MDHS hendaklah merancang perolehan dengan lebih teliti kerana bangunan yang tidak beroperasi selama 428 hari telah menyebabkan kerugian hasil kepada MDHS.


- Pengauditan lanjutan pada 5 Jun 2017 mendapati semua lot telah disewakan dan telah beroperasi. Keadaan bangunan tersebut adalah seperti di gambar berikut:-

GAMBAR 3.1



Pasar Awam, Pekan Hulu Yam Bharu
- Ditukar Status Kegunaan Kepada
Kompleks Perniagaan
(30.08.2016)

GAMBAR 3.2



Pasar Awam, Pekan Hulu Yam Bharu
- Kompleks Perniagaan Telah Beroperasi
(5.06.2017)

ii. Membina Pusat Tahanan Anjing Liar

- Pada tahun 2015, MDHS telah melantik kontraktor secara sebut harga untuk melaksanakan kerja Membina Pusat Tahanan Anjing Liar di Jalan Pahang, Kuala Kubu Bharu bernilai RM83,730. Tempoh kontrak bagi kerja tersebut adalah selama enam minggu bermula daripada 21 Disember 2015 hingga 31 Januari 2016.
- Semakan Audit mendapati pembinaan tersebut tidak disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu melebihi 91 hari serta tiada Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan dan ini menyebabkan berlakunya Tempoh Penyediaan Terbuka (*Time At Large*). Pihak kontraktor telah membuat permohonan EOT pada 22 Februari 2016


iaitu selepas tamat tempoh kontrak asal. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan kelulusan bagi permohonan tersebut. Selain itu, MDHS tidak mengenakan LAD terhadap kontraktor kerana kadar LAD tidak ditetapkan dalam SST yang dikeluarkan.

- Lawatan fizikal di lokasi pada 29 Ogos 2016 mendapati bangunan tersebut tidak digunakan mengikut tujuan asal ia dibina, sebaliknya digunakan sebagai tempat meletak motosikal kakitangan. Pihak Audit mendapati perolehan ini tidak dirancang mengikut keperluan dengan teliti dan mengakibatkan berlaku pembaziran wang awam. **Gambar 3.3** dan **Gambar 3.4** menunjukkan keadaan bangunan tersebut semasa pemeriksaan Audit.

GAMBAR 3.3



GAMBAR 3.4



Pusat Tahanan Anjing Liar, Kuala Kubu Bharu
- Binaan Baru Dijadikan Tempat Meletak Motosikal
(29.08.2016)

- Lawatan fizikal di lokasi semasa pengauditan lanjutan pada 5 Jun 2017 pula mendapati pusat tahanan anjing masih belum beroperasi seperti mana perancangan MDHS dan telah digunakan untuk menyimpan sangkar anjing yang akan dilupuskan seperti di **Gambar 3.5** dan **Gambar 3.6**.

GAMBAR 3.5



GAMBAR 3.6



Pusat Tahanan Anjing Liar, Kuala Kubu Bharu
- Binaan Baru Dijadikan Tempat Menyimpan Sangkar Lama
(5.06.2017)

Maklum Balas MDHS yang Diterima pada 31 Oktober 2016, 18 Julai 2017 dan 19 Oktober 2017

MDHS mengakui mengenai ralat dalam SST yang tidak menyatakan LAD boleh dikenakan jika berlaku kelewatan penyiapan kerja oleh kontraktor.

Selain itu, MDHS memaklumkan bahawa perancangan keperluan saiz dan bangunan adalah mengikut trend sebelum ini, iaitu sebagai Pusat Tahanan Anjing Liar. Anjing liar akan dikurung dalam tempoh tujuh hari sebelum pelupusan dilakukan oleh Jabatan Veterinar. Bagaimanapun, penangkapan anjing ini perlu diselaraskan dengan keupayaan Pegawai Veterinar yang diberi kuasa untuk melupuskan anjing liar dengan cara suntikan dorminal.

Pada pendapat Audit, klausa berkenaan ganti rugi yang tidak dinyatakan dalam SST bagi kelewatan penyiapan kerja oleh kontraktor dan bangunan yang tidak beroperasi seperti yang dirancang, merupakan suatu kerugian hasil kepada MDHS.

iii. Kerja Pembangunan Aplikasi Sistem Penilaian (Termasuk Sistem Penilaian di Tapak) dan Sistem Cukai Berasaskan *Web Based*

- Pada tahun 2014, MDHS telah melantik kontraktor secara sebut harga untuk melaksanakan kerja Pembangunan Aplikasi Sistem Penilaian (Termasuk Sistem Penilaian di Tapak) dan Sistem Cukai Berasaskan *Web Based* bernilai RM495,000. Tempoh kontrak adalah selama sepuluh bulan bermula pada 15 Oktober 2014 hingga 10 Ogos 2015. Mengikut perjanjian, kontraktor hendaklah memberikan notis bertulis kepada MDHS tidak kurang daripada dua bulan sebelum tamat tempoh sekiranya berhasrat untuk melanjutkan perjanjian.
- Semakan Audit mendapati kerja ini diselesaikan pada 1 Disember 2016 dan telah berlaku kelewatan selama 479 hari disebabkan kegagalan kontraktor menyiapkan migrasi data antara Sistem PBT dan Sistem *e-Council*. Kontraktor telah memohon EOT pada 28 Ogos 2015 dan kelulusan diberi sehingga bulan Disember 2015. Kelulusan tersebut adalah tidak sah kerana permohonan EOT dibuat selepas tamat tempoh kontrak serta diluluskan oleh Penolong Pegawai Teknologi Maklumat tanpa merujuk semula kepada Jawatankuasa Sebut Harga. MDHS tidak mengenakan LAD kepada kontraktor dengan kadar RM99 sehari iaitu bersamaan dengan 0.02% daripada

harga kontrak. Mengikut pengiraan pihak Audit, LAD yang perlu dikenakan adalah berjumlah RM47,421.

- Semakan Audit selanjutnya terhadap sistem tersebut pada 30 Ogos 2016 mendapati kerja migrasi data bernilai RM75,000 masih belum disiapkan tetapi pembayaran penuh berjumlah RM495,000 telah dibuat melalui enam kali bayaran antara bulan Disember 2014 hingga bulan Februari 2016 kepada kontraktor.

Maklum Balas MDHS yang Diterima pada 31 Oktober 2016, 18 Julai 2017 dan 19 Oktober 2017

MDHS tidak mengenakan LAD kepada syarikat kerana kelewatan bukan berpunca daripada syarikat. Migrasi data antara sistem PBT dan sistem e-Council tidak dapat dilaksanakan disebabkan sistem yang terlalu lama dan source code yang tidak dapat dikesan.

MDHS mengakui kesilapan yang dibuat oleh pegawai berkenaan dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Bil. 7/2016 bertarikh 28 Oktober 2016 telah bersetuju untuk menuntut semula bayaran berjumlah RM75,000 kepada kontraktor serta melanjutkan tempoh kontrak selama setahun. Bayaran tersebut telah diterima daripada kontraktor pada 9 Disember 2016. Bayaran selanjutnya akan dibuat oleh MDHS setelah sistem boleh digunakan sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, pembayaran yang dibuat terhadap kerja yang belum siap adalah melanggar peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa. Proses pembayaran kepada kontraktor hendaklah lebih teliti dan teratur bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

iv. Membekal 10,000 Unit Payung Cenderahati untuk Pembayar Cukai Bagi Penggal 1/2016

- Pada tahun 2015, MDHS telah melaksanakan perolehan Membekal 10,000 Unit Payung Cenderahati untuk Pembayar Cukai Bagi Penggal 1/2016 secara sebut harga bernilai RM145,000. Berdasarkan SST bertarikh 29 Disember 2015, kontraktor hendaklah membekal 3,000 unit payung dalam tempoh tujuh hari daripada tarikh surat tawaran dikeluarkan dan baki 7,000 unit payung dibekalkan pada atau sebelum 15 Januari 2016

- Semakan Audit terhadap baucar bayaran pembekalan payung cenderahati mendapati kontraktor tidak membekalkan payung mengikut tempoh yang ditetapkan dalam syarat kontrak yang mana penghantaran dilaksanakan sebanyak tiga kali. Penghantaran pertama telah dibekalkan mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu pada 31 Disember 2015. Bagaimanapun, penghantaran kedua dan ketiga masing-masing berjumlah 1,800 unit dan 6,840 unit lewat dibekalkan antara tujuh hingga 18 hari. Butirannya seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.7
TARIKH BEKALAN PAYUNG CENDERAHATI**

PENGHANTARAN	KUANTITI (Unit)	TARIKH SEPATUT BEKAL	TARIKH SEBENAR BEKAL	KELEWATAN (Hari)
Pertama	1,360	05.01.2016	31.12.2015	-
Kedua	1,800	05.01.2016	12.01.2016	7
Ketiga	6,840	15.01.2016	02.02.2016	18
JUMLAH	10,000			25

Sumber: MDHS

Maklum Balas MDHS yang Diterima pada 31 Oktober 2016 dan 19 Oktober 2017

MDHS memaklumkan bahawa kelewatan penghantaran cenderahati payung tersebut adalah atas arahan Pengarah Kewangan bagi mengimbangi lambakan stok sekiranya kesemua payung dibekalkan mengikut jadual kerana Jabatan Perbendaharaan tidak mempunyai ruang penyimpanan yang cukup bagi menyimpan bekalan tersebut.

Tindakan pemotongan bayaran terhadap kelewatan membekal dan pematuhan kepada syarat pembekalan akan dinyatakan dalam SST bagi memastikan tiada lambakan bekalan pada masa akan datang.

Pada pendapat Audit, MDHS hendaklah merancang perolehan dengan lebih teliti supaya bekalan boleh dibuat mengikut jadual dan tindakan boleh dikenakan terhadap kontraktor sekiranya gagal mematuhi jadual pembekalan tersebut.

v. Membekal dan Menghantar 100 Unit Tong Sampah *Leach Bin*

- Pada tahun 2016, MDHS telah melaksanakan perolehan Membekal dan Menghantar 100 Unit Tong Sampah *Leach Bin* secara sebut harga bernilai RM136,500. Berdasarkan SST bertarikh 4 Julai 2016, tarikh dan tempoh penghantaran bermula pada 13 Julai 2016 hingga

12 Ogos 2016. Kontraktor hendaklah menghantar tong sampah tersebut ke 10 lokasi di sekitar daerah Hulu Selangor.

- Semakan Audit terhadap Nota Penghantaran mendapati hanya 35 unit tong sampah *leach bin* dihantar pada 12 Ogos 2016. Manakala penghantaran baki 65 unit tong sampah ini dibuat pada 24 dan 27 Ogos 2016 iaitu sebanyak 35 dan 30 unit masing-masing telah lewat selama 12 dan 15 hari. Kontraktor telah membuat permohonan EOT pada 12 Ogos 2016 dan Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MDHS telah meluluskan sehingga 26 Ogos 2016. Kelulusan EOT yang diberi oleh MDHS adalah bertentangan dengan AP 201.1(d) yang menyatakan pelanjutan tempoh kontrak tidak dibenarkan bagi perolehan yang diuruskan secara sebut harga. Selain itu, LAD selama 11 dan 14 hari tidak dikenakan oleh MDHS kepada kontraktor disebabkan SST tidak menyatakan LAD boleh dikenakan jika berlaku kelewatan penghantaran. MDHS mengakui mengenai ralat dalam SST yang tidak menyatakan LAD boleh dikenakan jika berlaku kelewatan penghantaran.
- Mengikut SST, kos penghantaran 100 unit tong sampah ke sepuluh lokasi adalah berjumlah RM5,000 iaitu RM50 bagi seunit tong sampah yang dihantar. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit pada 30 Ogos 2016 mendapati pemotongan sebanyak RM3,250 tidak dikenakan bagi 65 unit tong sampah yang telah diletakkan di kawasan lapang kuarters pekerja MDHS dan tidak seperti di lokasi yang telah ditetapkan dalam syarat kontrak. **Gambar 3.7** dan **Gambar 3.8** menunjukkan lokasi tong sampah diletakkan.

GAMBAR 3.7



GAMBAR 3.8



Kawasan Lapang Kuarters MDHS
- Tong Sampah Diletakkan di Kawasan Kuarters MDHS
(30.08.2016)

Maklum Balas MDHS yang Diterima pada 31 Oktober 2016 dan 19 Oktober 2017

MDHS mengakui mengenai ralat dalam SST yang tidak menyatakan LAD boleh dikenakan jika berlaku kelewatan penghantaran. Pihak

pembekal akur dan bersetuju dengan pemotongan bayaran dan pembayaran kepada kontraktor berjumlah RM141,245 telah dibuat pada 29 September 2016 setelah pemotongan bayaran sebanyak RM3,250 dan tambahan GST dibuat.

MDHS akan memastikan pemotongan terhadap kelewatan pembekalan dinyatakan dalam SST.

Pada pendapat Audit, pembayaran penuh yang dibuat kepada kontraktor bagi kerja yang tidak menepati kontrak yang ditetapkan merupakan suatu kerugian kepada MDHS.

vi. Membaik Pulih Cerun Tanah

- Pada bulan April 2017, MDHS telah melantik kontraktor secara sebut harga untuk melaksanakan kerja Membaik Pulih Cerun Tanah yang runtuh termasuk membina dinding graviti jenis *gabion wall* di Jalan Antara Gapi, Serendah dengan perolehan kontrak bernilai RM37,500. Tempoh kontrak bagi kerja baik pulih adalah daripada 19 April 2017 hingga 1 Jun 2017.
- Semakan fizikal di lokasi pada 6 Jun 2017 mendapati kerja baik pulih masih belum disiapkan dan melibatkan kelewatan selama enam hari. Kelewatan berlaku disebabkan kurang pemantauan daripada penyelia yang bertugas yang mana tiada Laporan Kemajuan Kerja disediakan oleh pegawai pemantau.
- Semakan lanjut terhadap fail perolehan mendapati tiada permohonan EOT dibuat oleh pihak kontraktor serta tiada LAD dikenakan bagi kelewatan selama enam hari. **Gambar 3.9** dan **Gambar 3.10** menunjukkan keadaan cerun yang masih belum dibaik pulih sepenuhnya.

GAMBAR 3.9



GAMBAR 3.10



Jalan Antara Gapi
- Kerja Membaikpulih Cerun yang Belum Selesai
(07.06.2017)

Maklum Balas MDHS yang Diterima pada 18 Julai 2017 dan 19 Oktober 2017

LAD sebanyak RM92.47 akan dikenakan kepada kontraktor setelah kontraktor menghantar tuntutan bayaran berdasarkan pengiraan berikut:

Kelewatan 15 hari x RM6.16 sehari = RM92.47

Pengkhususan tugas akan ditentukan kepada pegawai pemantau yang ditetapkan bagi memastikan pada masa akan datang, tidak lagi berlaku kelewatan terhadap setiap perolehan kerja MDHS.

Pada pendapat Audit, perolehan membaik pulih cerun tanah adalah tidak memuaskan kerana kelewatan kerja membaik pulih cerun tersebut membahayakan pengguna jalan raya jika runtuh tanah berlanjutan.

3.5.4.2. Spesifikasi dan Kualiti Perolehan

Bekalan/kerja/perkhidmatan yang telah diterima hendaklah disempurnakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak dan berkualiti supaya perbelanjaan yang dibuat memperoleh *value for money*. Pemeriksaan fizikal Audit mendapati dua daripada 13 pelaksanaan kerja bernilai RM797,645 tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan tidak berkualiti. Butiran lanjut adalah seperti perenggan berikut:

a. Pembinaan Bangunan Baru Pasar Awam

Semakan fizikal terhadap kerja Pembinaan Bangunan Baru Pasar Awam di Pekan Hulu Yam Bharu yang bernilai RM632,075 mendapati paip yang dipasang rapat dengan pintu telah menyebabkan pintu pecah, kesan resapan air di siling akibat bumbung bocor serta pemasangan paip buangan yang tidak lurus seperti di **Gambar 3.11** hingga **Gambar 3.14**. Perkara ini adalah disebabkan perincian bagi *Bill Of Quantities* (BQ) tidak menyatakan dengan jelas terutamanya yang berkaitan dengan saiz dan jarak spesifikasi material.

GAMBAR 3.11



GAMBAR 3.12



Pasar Awam, Pekan Hulu Yam Bharu
- Pintu Pecah Akibat Paip Dipasang Rapat di Belakang Pintu
(30.08.2016)

GAMBAR 3.13



Pasar Awam, Pekan Hulu Yam Baharu
- Kesan Resapan Air pada Siling
(30.08.2016)

GAMBAR 3.14



Pasar Awam, Pekan Hulu Yam Baharu
- Paip Buangan Tidak Lurus
(30.08.2016)

Maklum Balas MDHS yang Diterima pada 31 Oktober 2016 dan 19 Oktober 2017

Semua kecacatan yang ditemui semasa sesi pengauditan di tapak telah siap dibaiki oleh kontraktor asal. Amaran kepada kontraktor telah diberikan oleh MDHS supaya kesalahan yang sama tidak berulang, selain menyenaraihitamkan kontraktor terbabit daripada menerima—sebarang kontrak.

Selain itu, MDHS akan memastikan Laporan Lawatan Kerja disediakan dengan lengkap bagi memastikan pemantauan dilaksanakan serta pegawai yang berkenaan akan dihantar untuk mengikuti kursus yang bersesuaian dengan tugas.

Pada pendapat Audit, pembinaan bangunan pasar awam adalah kurang memuaskan kerana binaan tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan yang merupakan suatu kerugian kepada MDHS.

b. Pembinaan Bangunan Tambahan untuk Jabatan Penguatkuasa dan Pesuruhjaya Bangunan (COB)

Berdasarkan BQ, antara skop kerja Pembinaan Bangunan Tambahan untuk Jabatan Penguatkuasa dan COB di Terminal Bas Bandar Bukit Sentosa

yang bernilai RM165,570 adalah membekal dan memasang enam buah pintu bernilai RM3,300 jenis *solid timber flush door* berukuran 1m x 2m serta bercermin di bahagian atas. Hasil pemeriksaan mendapati sebuah pintu bernilai RM550 tidak dibekalkan seperti yang ditetapkan dalam BQ dan MDHS tidak melaksanakan pemotongan pembayaran terhadap kontraktor kerana kegagalannya mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Pembayaran penuh telah dibuat kepada kontraktor walaupun perkhidmatan tidak disempurnakan dan merugikan pihak MDHS.

Maklum Balas MDHS yang Diterima pada 31 Oktober 2016

Terdapat perubahan kedudukan pintu dalam bangunan tersebut dan skop pengalihan tidak dimasukkan dalam BQ. Kontraktor telah membekal dan memasang pintu berkenaan di bangunan sedia ada bersebelahan Pejabat Penguatkuasa pada bulan September 2016.

Pada pendapat Audit, pembinaan bangunan tambahan untuk Jabatan Penguatkuasa dan Pesuruhjaya Bangunan adalah kurang memuaskan kerana binaan tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan yang merupakan suatu kerugian kepada MDHS.

3.5.4.3 Pematuhan Peraturan Kewangan

AP 180.2(c) dan 181(a) menjelaskan larangan memecah kecil perbelanjaan bagi mengelakkan pelawaan sebut harga dan tender. Merujuk kepada 1PP PK 2.1, agensi dilarang memecah kecil perolehan tahunan untuk mengelakkan pelawaan secara sebut harga dan tender. Perolehan secara sebut harga boleh dibuat bagi perolehan bekalan atau perkhidmatan yang nilainya melebihi RM20,000 hingga RM500,000 setahun, manakala bagi perolehan kerja nilainya melebihi RM20,000 hingga RM500,000 setahun. Perolehan bernilai RM500,000 ke atas setahun pula perlu dilaksanakan secara tender. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Pematuhan Perolehan Secara Tender

- i. Pada tahun 2015, Jabatan Kejuruteraan MDHS telah melaksanakan tiga perolehan pembaikan dan penyenggaraan lampu jalan secara sebut harga dengan nilai kontrak keseluruhan berjumlah RM785,890 setahun.
- ii. Semakan Audit mendapati tiga daripada 280 perolehan tersebut telah dipecahkecil dan tidak mematuhi kaedah dan prosedur pelantikan secara tender. Perolehan ini sepatutnya dilaksanakan secara tender kerana

jumlah kontrak tersebut melebihi RM500,000. Didapati tiada pemantauan atau teguran dibuat oleh pegawai Perolehan di MDHS.

- iii. Semakan lanjut terhadap fail perolehan pada bulan Jun 2017 mendapati Mesyuarat Lembaga Sebut Harga MDHS pada 30 November 2016 telah menamatkan kontrak pembaikan dan penyenggaraan lampu jalan tersebut. Pelantikan baru telah dibuat pada 13 Februari 2017 melalui proses perolehan secara sebut harga. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.8
PEROLEHAN MELEBIHI HAD NILAI SEBUT HARGA DALAM TEMPOH SETAHUN

BIL.	NOMBOR KONTRAK	TEMPOH KONTRAK (Tahun)	JUMLAH KONTRAK SETAHUN (RM)	JUMLAH KONTRAK DUA TAHUN (RM)
1.	MDHS SHK 1/2015	2 + 1	255,050	510,100
2.	MDHS SHK 2/2015	2 + 1	255,290	510,580
3.	MDHS SHK 3/2015	2 + 1	275,550	551,100
JUMLAH		-	785,890	1,571,780

Sumber: MDHS

Maklum Balas MDHS yang Diterima pada 18 Julai 2017

Ketiga-tiga kontrak telah ditamatkan dan tiada lagi kontrak yang dibuat melebihi tempoh setahun. Pada 13 Februari 2017, pelantikan dibuat melalui proses sebut harga bagi skop lampu jalan dan harga bagi setiap kontrak tidak melebihi had sebut harga serta tempoh hanya selama setahun.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan secara tender adalah kurang memuaskan kerana terdapat perolehan yang telah dipecahkecil yang tidak memberikan *value for money* kepada MDHS.

b. Pematuhan Perolehan Secara Sebut Harga

- i. Semakan Audit terhadap perolehan pembelian terus mendapati 131 daripada 213 perolehan meliputi tujuh jenis item berjumlah RM1.17 juta adalah bertentangan dengan pekeliling kerana melebihi had perolehan bagi pembelian terus. Didapati pelaksanaan perolehan di MDHS tidak dibuat secara berpusat dan pihak Jabatan telah melaksanakan perolehan mengikut keperluan masing-masing. Butirannya seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.9
PEROLEHAN DIPECAHKECIL PADA TAHUN 2013 HINGGA BULAN MEI 2017

BIL.	BUTIRAN	TAHUN					JUMLAH (RM)
		2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	
1.	Sampul Surat Bertingkap	-	35,860	-	-	-	35,860
2.	Pakaian Seragam	106,209	164,843	74,860	-	-	345,912
3.	Alat Tulis Komputer	118,700	110,823	44,579	-	-	274,102
4.	Peralatan Komputer	-	73,671	74,781	-	-	148,452
5.	Tayar	52,545	36,110	67,709	-	40,171	196,535
6.	Perabot	-	-	62,741	68,412	-	131,153
7.	Kertas A4	-	-	43,644	-	-	43,644
JUMLAH		277,454	421,307	368,314	68,412	40,171	1,175,658

Sumber: MDHS

- ii. Pengauditan lanjutan pada bulan Jun 2017 mendapati MDHS telah mengambil tindakan melaksanakan perolehan secara sebut harga bagi perolehan bekalan alat tulis dan pakaian seragam yang mana kenyataan tawaran sebut harga telah diiklankan pada 12 April 2017 dan 17 Mei 2017.

Maklum Balas MDHS yang Diterima pada 31 Oktober 2016 dan 18 Julai 2017

MDHS telah mewujudkan Bahagian Perolehan bertujuan melaksanakan pemantauan dan mengelakkan perolehan secara pecah kecil bagi menyelaraskan perolehan secara sebut harga dan tender supaya lebih teratur.

MDHS juga telah melantik pembekal secara sebut harga bagi pembekalan alat tulis dan SST telah dikeluarkan pada 22 Mei 2017. Pembekalan pakaian seragam juga telah dilaksanakan secara sebut harga dan SST telah dikeluarkan pada 11 Julai 2016.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan secara sebut harga adalah kurang memuaskan kerana perolehan tidak dibuat secara berpusat menyebabkan perolehan telah dipecahkecil yang tidak memberikan *value for money* kepada MDHS.

3.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan, pihak Audit mengesyorkan Majlis Daerah Hulu Selangor mengambil tindakan berikut:

- 3.6.1. memastikan kontraktor/pembekal dilantik mengikut peraturan yang berkuatkuasa. MDHS perlu merancang perolehan dengan lebih cekap untuk memastikan objektif perolehan tercapai dengan kos yang minimum sebelum proses

pelantikan dimulakan. Selain itu, spesifikasi perolehan perlu disediakan secara terperinci supaya kontraktor/pembekal dapat melaksanakannya dengan jelas, mengikut ketetapan dan berkualiti;

3.6.2. memastikan pemantauan tetap dan berkala terhadap setiap perolehan semasa pelaksanaan kerja oleh kontraktor/pembekal supaya kerja disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap kontraktor/pembekal yang gagal berbuat demikian termasuk menyenaraihitamkan kontraktor/pembekal yang terlibat;

3.6.3. memastikan pegawai yang terlibat dalam proses perolehan diberi latihan dan kursus supaya dapat memahami dengan lebih jelas prosedur perolehan Kerajaan; dan

3.6.4. Unit Audit Dalam perlu merancang pengauditan perolehan yang lebih kerap bagi memastikan peraturan kewangan dan syarat kontrak dipatuhi serta memastikan perolehan secara pecah kecil dielakkan supaya tidak berlaku pembaziran wang awam.

PENUTUP



PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi/Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur Kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjejaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi/Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

17 Oktober 2017



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2017
www.printnasiona.com.my
email: cservice@printnasiona.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773

